BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SURAT PENYAMPAIAN

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak,
Perdana Menteri/Menteri Kewangan,
Malaysia.

YAB Dato' Sri,

Mengikut seksyen 56 Akta Takaful 1984 dan seksyen 192 Akta Insurans 1996, saya dengan hormatnya mengemukakan laporan berhubung dengan pentadbiran Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996, dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 sebagaimana dimasukkan ke dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2011 ini, untuk dibentangkan di Parlimen.

Dengan hormatnya dikemukakan,

Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
21 Mac 2012

PRAKATA

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2011 ini membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi negara. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi negara. Selain itu, laporan ini turut mengandungi langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhannya.

Penerbitan laporan ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu dan perkembangan yang memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, termasuk hala tuju dasar Bank.

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my

Kandungan

PERUTUSAN GABENOR

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Kestabilan Kewangan
PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2011

11 Tinjauan Keseluruhan
12 Menguruskan Risiko Berpunca daripada Tahap Keberhutangan Isi Rumah
22 Menguruskan Penularan daripada Perkembangan Luaran
37 Perkembangan dan Bidang Risiko Lain
44 Prospek Kestabilan Sistem Kewangan Domestik dan Tumpuan Pemantauan pada Tahun 2012
47 *Rencana: Pengantaraan Bukan Bank di Malaysia*

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

55 Mengukuhkan Struktur Pasaran
57 Menggalakkan Pengantaraan Dana Secara Berkesan dan Cekap untuk Menyokong Pertumbuhan Ekonomi
58 *Rencana: Pelan Sektor Kewangan*
61 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh
62 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Inklusif
65 Meningkatkan Kesalinghubungan Malaysia dengan Ekonomi Serantau dan Antarabangsa
66 Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa
68 *Rencana: Perkembangan Pesat Pengurusan Mudah Tunai dalam Kewangan Islam*
72 Mempertingkat Pendidikan dan Perlindungan Pengguna
73 Pembangunan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan
75 *Rencana: Cadangan Rangka Kerja Perundangan Baharu untuk Pengawalan dan Penyeliaan Kewangan*

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

81 Pengenalan
81 Perkembangan Pengawalan dan Penilaian Penyeliaan
90 Memelihara Integriti Sistem Kewangan
92 Keupayaan dan Kerjasama Penyeliaan
94 *Rencana: Pendekatan Penyeliaan Terhadap Amalan Pasaran*

Laporan Sistem Pembayaran

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

99 Menggalakkan Kelancaran Operasi Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
103 Trend Pembayaran
105 Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran yang Cekap dan Berkesan
107 Mendorong E-Pembayaran dalam Sektor Keutamaan
109 Memodenkan RENTAS untuk Menyokong Integrasi Kewangan yang Kian Kukuh dengan Rantau Ini
109 Memperluas Kerjasama Serantau dalam Pembangunan Infrastruktur Pembayaran
110 Membina Infrastruktur E-Pembayaran Bersepadu
110 Melangkah ke Hadapan

TAMBAHAN

PERUTUSAN GABENOR

Kestabilan kewangan Malaysia terpelihara di sebalik kemerosotan yang ketara dalam keadaan ekonomi dan kewangan global pada tahun 2011. Pergolakan semula dalam pasaran kewangan pada tahun itu adalah ekoran kebimbangan pasaran yang meningkat terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah. Di samping itu, tekanan terhadap pendanaan dan kadar pemulihan ekonomi yang semakin lemah terus memberikan kesan kepada sektor kewangan ekonomi maju. Meskipun langkah yang diambil oleh penggubal dasar Eropah baru-baru ini telah memulihkan keadaan pasaran, namun cabaran besar pada masa hadapan ialah mengembalikan dan mengukuhkan kestabilan kewangan global.

Meskipun tidak terlindung daripada perkembangan yang berlaku ini, namun sektor kewangan Malaysia telah menghadapinya dengan baik. Sektor kewangan dijangka akan terus berdaya saing pada masa hadapan dan berada pada kedudukan yang kukuh untuk terus melaksanakan fungsi pengantaraan kewangan tanpa gangguan. Hal ini bukan sahaja disebabkan oleh dedahan yang terhad kepada kerajaan dan institusi dalam kawasan ekonomi euro yang terjejas, malahan disebabkan juga oleh amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang teguh. Lantaran itu, sektor kewangan negara mencatat prestasi kewangan yang teguh, keberuntungan yang berterusan, mempunyai kualiti aset yang kukuh dan kedudukan mudah tunai yang mantap. Meskipun keadaan pendanaan borong ketat sedikit, terutama sekali dalam mata wang asing, keadaan ini hanya meninggalkan kesan yang sederhana terhadap bank domestik memandangkan struktur pendanaan bank yang stabil dan mudah tunai dalam negeri yang terus berada pada paras yang mencukupi. Pasaran kewangan dalam negeri yang lebih meluas dan lebih pelbagai telah turut menyokong keadaan yang teratur meskipun mengalami aliran modal yang lebih besar dalam kedua-dua hala pada tahun tersebut.

Susulan pengenalan pelbagai langkah pada tahun 2011, nisbah hutang isi rumah Malaysia kepada KDNK telah stabil pada separuh kedua tahun itu. Langkah ini, termasuk langkah untuk mengembalikan kadar faedah pada paras yang wajar, menaikkan keperluan rizab berkanun, dan langkah kehematan makro serta penyeliaan yang rapi oleh Bank, bertujuan untuk memastikan hutang isi rumah kekal mampan pada masa hadapan. Langkah ini telah mula memberikan kesan, dan yang paling ketara ialah kesederhanaan harga harta tanah, yang merupakan komponen terbesar hutang isi rumah. Hutang kad kredit yang baharu juga telah menjadi sederhana dan disiplin dalam menilai kemampuan membayar dalam kalangan bank telah bertambah

baik. Pada tahap agregat, peningkatan hutang isi rumah terus disokong oleh keadaan asas-asas yang positif termasuk keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, pendapatan yang semakin meningkat dan pertumbuhan dalam aset kewangan isi rumah. Di samping itu, sejumlah besar hutang merupakan hutang oleh isi rumah yang mempunyai kemampuan untuk membayar. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda awal yang menunjukkan bahawa sesetengah isi rumah yang berpendapatan lebih rendah, terutamanya di kawasan bandar, menanggung hutang melebihi paras yang dianggap berhemat, lantas menyebabkan mereka lebih terdedah sekiranya pendapatan berubah secara mendadak. Bagi menangani isu ini, di samping langkah kehematan makro, pengaturan penstrukturan dan penyusunan semula hutang telah diperkenalkan oleh Bank untuk menangani keadaan tekanan, khususnya terhadap kumpulan yang disasarkan ini. Ini diperkukuh oleh program pendidikan kewangan bagi isi rumah.

Meskipun sektor kewangan Malaysia dalam kedudukan yang kukuh dengan penampan modal dan mudah tunai pada paras yang paling tinggi sejak krisis kewangan Asia serta disokong oleh keupayaan pengurusan risiko dan pengawasan yang lebih mantap, Bank akan mengekalkan tahap yang tinggi dalam pemantauan risiko, penyeliaan dan pengawalannya pada masa hadapan. Pendekatan antisipatori oleh Bank bertujuan untuk melaksanakan langkah awal terhadap kemungkinan risiko kepada kestabilan kewangan serta pada masa yang sama mengurangkan kos yang mungkin dialami oleh sistem kewangan dan ekonomi. Melangkah ke hadapan, tiga perkembangan penting yang dijangka memberikan kesan kepada kestabilan kewangan dalam negeri: (i) ketidakpastian dalam keadaan ekonomi dan kewangan global pada masa ini; (ii) kadar inovasi kewangan yang meningkat oleh institusi kewangan dalam negeri; dan (iii) penampilan sektor kewangan Malaysia yang lebih bersifat serantau dan antarabangsa.

Sebahagian besar daripada prasyarat penting dan rangka kerja sokongan bagi kestabilan kewangan sememangnya telah pun wujud di Malaysia untuk sistem kewangan konvensional dan Islam. Ini meliputi rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan yang berkesan, sistem penyeliaan yang kukuh dan pengaturan keinstitusian yang menyeluruh bagi menyokong penyelesaian hutang secara teratur, sekiranya berlaku peningkatan dalam bilangan mereka yang tidak mampu membayar hutang. Selain itu, jaring keselamatan kewangan yang berkesan yang mengukuhkan lagi insentif dalam pengurusan risiko yang mantap juga diwujudkan menerusi premium insurans deposit yang berbeza. Pelaporan kewangan dan piawaian penzahiran yang menggalakkan keyakinan pasaran dan ketelusan juga telah diperkukuh dengan Malaysia mengikuti sepenuhnya Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa mulai tahun 2012. Semua faktor ini menyumbang ke arah mengurangkan kebarangkalian dan kesan daripada kegagalan pasaran dan keinstitusian.

Memandangkan persekitaran dalam negeri, serantau dan antarabangsa yang sangat dinamik, Bank tetap menumpukan pada usaha untuk memelihara dan mengukuhkan asas-asas bagi kestabilan kewangan. Sepanjang tahun itu, usaha telah dipertingkat untuk mengukuhkan

lagi elemen teras dalam rangka kerja undang-undang dan kehematan bagi sektor kewangan. Pada tahun 2012, Bank akan mengemukakan perundangan baharu sektor kewangan kepada Parlimen yang lebih sejajar dengan pendekatan pengawalan dan penyeliaan semasa, dan menyokong penyeliaan terhadap aktiviti kewangan yang lebih kompleks. Bank juga telah mengumumkan rancangan untuk melaksanakan Basel III di Malaysia. Usaha untuk mengukuhkan pengaturan serantau bagi kestabilan kewangan juga telah mencapai kemajuan yang nyata dengan penglibatan yang aktif menerusi forum penyeliaan, inisiatif yang menggalakkan pengharmonian yang lebih tinggi dalam piawaian pengawalseliaan serta pembangunan dalam pengaturan yang dipertingkat untuk pengurusan dan penyelesaian krisis merentas sempadan. Bank juga telah memuktamadkan dua pengaturan gadaian merentas sempadan dengan bank-bank pusat di rantau ini untuk menyokong pengurusan mudah tunai yang lebih cekap oleh institusi kewangan yang mempunyai operasi di luar negara, baik dalam keadaan biasa mahupun apabila berlakunya krisis. Pada tahun ini, Bank akan menjalani Program Penilaian Kestabilan Kewangan (Financial Stability Assessment Programme, FSAP) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia.

Pengantarabangsaan kewangan Islam telah menjadi lebih pesat pada tahun 2011 meskipun pasaran kewangan global lebih tidak menentu. Sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, Malaysia telah berusaha untuk memastikan pertumbuhan kewangan Islam diberikan sokongan padu oleh rangka kerja kehematan yang kukuh, dan infrastruktur dan instrumen kewangan yang terkini untuk menguruskan risiko. Bank juga akan terus menyumbang kepada pembangunan global kewangan Islam, termasuk mengukuhkan arkitektur kewangan global menerusi penglibatan aktifnya dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Antarabangsa, bagi memastikan kestabilan kewangan, dan seterusnya kemampanan dalam sistem kewangan Islam.

Sistem pembayaran Malaysia yang stabil terus dikekalkan tanpa sebarang gangguan dalam operasi sistem pembayaran dan penyelesaian utama pada tahun 2011. Sistem pembayaran terus diperkukuh pada tahun itu dengan penambahbaikan dalam infrastruktur pembayaran utama dan pengaturan di luar jangka, di samping menerima pakai langkah baharu untuk meningkatkan keselamatan pembayaran oleh institusi kewangan. Usaha juga dipertingkat dengan nyata sepanjang tahun ini untuk menyokong pembayaran dan penyelesaian merentas sempadan dan usaha ini akan mempercepat lagi tahap integrasi kewangan serantau. Melangkah ke hadapan, peningkatan kecekapan sistem pembayaran merupakan keutamaan penting bagi Bank dan reformasi dalam penentuan harga diperlukan untuk menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik seiring dengan penambahbaikan yang berterusan dalam infrastruktur pembayaran dalam negeri dan serantau.

Pelaksanaan saranan dalam Pelan Sektor Kewangan yang dilancarkan oleh Bank pada bulan Disember 2011 juga bertujuan untuk terus menyumbang kepada kestabilan kewangan di Malaysia. Keutamaan akan diberikan pada usaha untuk menggalakkan pengantaraan kewangan yang berkesan dalam ekonomi yang sentiasa berubah, dan pembangunan pertukaran asing dan pasaran kewangan yang teratur – dua dimensi utama dalam kestabilan kewangan yang dipertanggungjawabkan kepada Bank di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009. Salah satu perkara penting daripada usaha ini ialah pembangunan sektor kewangan diiringi dengan pembangunan dan bekalan tenaga mahir bagi sektor tersebut serta pertimbangan yang teliti tentang bagaimana perlindungan pengawalseliaan perlu berkembang bagi memastikan perubahan dalam landskap perbankan dan kewangan, amalan serta model perniagaan tidak meningkatkan risiko keseluruhan kepada kestabilan kewangan.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
21 Mac 2012

2017

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan pada tahun 2011

Kestabilan kewangan terus kekal sepanjang tahun 2011 dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia meskipun prospek pertumbuhan global yang tidak pasti dan peningkatan risiko yang muncul daripada ekonomi maju. Walaupun keadaan kewangan global sekali lagi mengalami tekanan, terutama pada suku terakhir tahun 2011, sektor kewangan Malaysia kekal kukuh dan impak daripada perkembangan yang berlaku dalam persekitaran luaran terhadap institusi kewangan di Malaysia adalah sederhana disebabkan oleh kedudukan kewangan serta keupayaan untuk menguruskan risiko yang kukuh dengan ketara. Hal ini membolehkan pengantaraan kewangan untuk terus berfungsi dengan berkesan. Keadaan kewangan dalam negeri juga kekal teratur.

Setelah mengalami peningkatan yang berterusan sejak tahun 2009, hutang isi rumah berkembang pada kadar yang lebih sederhana apabila langkah yang diperkenalkan oleh Bank sebelum itu telah mula meninggalkan kesan. Dari segi kewangan, isi rumah di Malaysia secara umumnya kukuh, dengan penampan kewangan yang teguh untuk membayar balik hutang dan melindungi daripada pendapatan yang berubah secara mendadak. Keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah terus disokong oleh keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan peningkatan pendapatan, dengan pinjaman tertunggak terus menurun dan nisbah pinjaman terjejas berada pada paras terendah sejak tahun 2000. Meskipun peminjam daripada golongan berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan pusat bandar menghadapi cabaran lebih besar dalam mengurus obligasi kewangan mereka, dengan kedudukan pengambilan pinjaman yang lebih tinggi dan keupayaan terhad untuk menabung, mereka terus merangkumi bahagian yang secara relatifnya kecil dalam pinjaman sistem perbankan. Pematuhan berterusan oleh bank terhadap amalan pengunderaitan yang kukuh dengan disokong oleh langkah awalan yang diambil oleh Kerajaan dan Bank untuk menangani tekanan yang muncul dalam kalangan segmen yang lebih mudah terjejas dalam sektor isi rumah, telah mengehadkan lagi pengumpulan risiko yang berlebihan dalam sektor isi rumah. Keadaan ini juga ditangani oleh penyeliaan rapi Bank terhadap amalan pemberian pinjaman oleh institusi perbankan individu serta ketersediaan mekanisme penyelesaian hutang yang telah sedia ada untuk membantu peminjam yang mengalami kesulitan kewangan.

Pergolakan yang kembali melanda pasaran kewangan global yang didorong oleh peristiwa yang berlaku di kawasan euro dan di AS telah mengakibatkan aliran portfolio jangka pendek naik mendadak pada tahun 2011, meskipun pengantaraan aliran ini berkesan dan cekap. Keadaan yang teratur dapat dikekalkan di Malaysia tanpa kesan gangguan kepada pasaran kewangan dalam negeri, dengan paras turun naik pasaran ketara lebih rendah berbanding dengan keadaan semasa kemuncak krisis kewangan global pada tahun 2008 dan dalam pasaran serantau yang lain. Institusi perbankan Malaysia juga kurang terjejas oleh keadaan turun naik dalam pasaran borong luar pesisir, memandangkan kestabilan struktur pendanaan mereka disokong terutamanya oleh tabungan dan deposit dalam negeri. Mereka juga tidak mengambil risiko berlebihan dengan amalan pengambilan risiko dalam kalangan bank kekal pada tahap berhemat meskipun keadaan mudah tunai lebih daripada mencukupi dan terdapat perbezaan harga pasaran antara ekonomi sedang pesat membangun dengan ekonomi maju.

Dengan dedahan yang terhad kepada rakan niaga dalam ekonomi euro yang terjejas, impak daripada sebarang kenaikan berterusan dalam hutang kerajaan serta krisis perbankan di kawasan euro terhadap institusi kewangan Malaysia adalah terkawal. Penyebaran risiko menerusi operasi bank Eropah di Malaysia juga terus terkawal kerana operasi ini dijalankan oleh subsidiari yang mempunyai modal berasingan dan diselia oleh Bank. Sementara itu, risiko penularan daripada operasi luar negara oleh kumpulan perbankan Malaysia juga adalah rendah kerana operasi ini disokong oleh kedudukan modal dan pendanaan yang kukuh dengan dedahan kredit yang boleh dikendalikan.

Secara keseluruhannya pada tahun 2011, sektor perbankan terus mengekalkan paras permodalan dan keberuntungan yang kukuh disebabkan oleh

pendapatan faedah/pembiayaan yang meningkat, caj jejas nilai yang lebih rendah serta pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi. Agregat nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras bagi sistem perbankan, masing-masing sebanyak 15.1% dan 13.2%, jauh melepasi tahap keperluan minimum kawal selia semasa serta keperluan lebih ketat di bawah Basel III. Sektor insurans dan takaful mencatat keberuntungan lebih rendah disebabkan oleh pulangan pelaburan yang menurun akibat keadaan pasaran yang turun naik serta pembayaran tuntutan dan manfaat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, impak terhadap tahap permodalan industri tidak ketara dengan nisbah kecukupan modal menurun sedikit sahaja dan kekal pada paras 222.5%. Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank, yang mengandaikan senario penguncupan ekonomi dalam negeri yang ketara, mengesahkan lagi daya tahan institusi kewangan Malaysia.

Pada tahun 2012, risiko terhadap kestabilan kewangan dalam negeri dijangka terus didorong terutamanya oleh perkembangan luaran, terutama sekali di kawasan euro, dengan risiko utama sebahagian besarnya kekal tidak berubah. Penghindaran risiko dan turun naik dalam pasaran kewangan global dijangka kekal tinggi memandangkan ketidakpastian yang menyelubungi pemulihan ekonomi global dan kemajuan ke arah pengukuhan sistem kewangan global. Di dalam negeri, perkembangan dalam paras dan profil hutang isi rumah akan terus dipantau dengan rapi manakala langkah yang telah diambil seharusnya terus menambah baik daya tahan sektor isi rumah.

Perkembangan sektor kewangan

Dengan adanya asas sektor kewangan dalam keadaan yang kukuh, keutamaan dalam perkembangan sektor kewangan pada tahun 2011 tertumpu kepada usaha memperkukuh potensi pertumbuhan jangka panjang Malaysia dengan memantapkan keupayaan sektor ini dalam pengantaraan dana untuk bidang pertumbuhan baharu dan meningkatkan hubungan kewangan Malaysia pada peringkat serantau dan antarabangsa, dengan perlindungan yang wajar untuk mengekalkan kestabilan kewangan. Strategi untuk mencapai matlamat ini digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan yang dikeluarkan oleh Bank pada bulan Disember 2011. Pelan ini melakarkan hala tuju masa hadapan sistem kewangan Malaysia untuk tempoh 10 tahun akan datang dan berlandaskan pencapaian daripada Pelan Induk Sektor Kewangan yang pertama dalam menyediakan sektor kewangan untuk melaksanakan peranan yang lebih besar bagi menyokong transformasi Malaysia ke arah menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

Struktur pasaran dalam industri kewangan terus bertambah kukuh pada tahun 2011 dengan kemunculan kumpulan perbankan dan penanggung insurans yang lebih kukuh dan lebih berdaya saing hasil daripada penggabungan dan pengambilalihan. Akta Persaingan 2010, yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012, mengukuhkan lagi persekitaran persaingan dalam sektor kewangan dan melengkapi usaha Bank untuk meningkatkan perlindungan pengguna di Malaysia. Dalam sektor insurans, penyelesaian menyeluruh terhadap isu yang lama wujud yang dihadapi penanggung insurans dalam menyediakan perlindungan insurans liabiliti motor yang wajib secara berterusan telah dicapai dengan pengenalan rangka kerja perlindungan motor baharu yang akan menangani herotan penentuan harga dan ketidakcekapan dalam proses penyelesaian tuntutan. Pelarasan beransur-ansur terhadap paras premium berkuat kuasa pada bulan Januari 2012 dan akan dilakukan secara berperingkat sepanjang tempoh empat tahun.

Sepanjang tahun 2011, sistem kewangan terus melaksanakan fungsi pengantaraannya dengan cekap untuk menyokong keperluan ekonomi yang pelbagai, seperti yang dibuktikan oleh pertumbuhan jumlah pinjaman yang positif dalam sektor perniagaan dan sektor isi rumah. Langkah penting juga diambil untuk memperkemas proses permohonan pinjaman untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan menambah baik prosedur penilaian kredit bagi industri teknologi hijau untuk meningkatkan prospek mendapatkan pembiayaan dalam sektor ini. Oleh itu, tumpuan diberikan kepada peningkatan infrastruktur sokongan dan pengaturan keinstitusian bagi memenuhi keperluan PKS, meningkatkan keupayaan untuk menyokong bidang pertumbuhan baharu dan industri inovatif serta membangunkan rangka kerja persaraan yang mantap.

Usaha berterusan diambil untuk mendalamkan dan meluaskan pasaran kewangan. Pasaran sekuriti hutang terus memainkan peranan yang semakin penting untuk memenuhi keperluan pembiayaan

sektor perniagaan Malaysia, di samping permintaan lebih tinggi terhadap produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang lebih berinovasi. Danajamin, sebagai penanggung insurans jaminan kewangan, terus memberikan sokongan yang amat penting kepada syarikat Malaysia untuk memperoleh akses kepada pasaran bon, terutama sekali untuk pembiayaan jangka lebih panjang. Untuk menggalakkan kepastian dari segi undang-undang bagi kontrak pasaran kewangan, khususnya derivatif dan perjanjian belian balik, Bank akan mencadangkan pindaan perundangan terhadap peruntukan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 pada tahun ini untuk memberikan kepastian lebih baik yang berkait dengan operasi kontrak pasaran kewangan dan untuk membolehkan institusi kewangan menentukan dedahan terhadap rakan niaga di Malaysia di bawah kontrak sedemikian pada asas bersih sepenuhnya.

Sementara itu, rangkuman kewangan kekal sebagai keutamaan penting bagi Bank. Pembiayaan untuk usahawan mikro terus meningkat dari segi nilai dan bilangan akaun. Kesemua 144 daerah di Malaysia kini mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan asas yang disediakan menerusi cawangan, unit perbankan bergerak bank dan institusi kewangan pembangunan, atau di bawah pengaturan perkhidmatan perbankan perkongsian dengan Pos Malaysia Berhad. Rangka kerja perbankan ejen yang menyeluruh akan dibangunkan untuk meluaskan lagi akses kepada perkhidmatan kewangan pada peringkat mukim. Meskipun tahap rangkuman kewangan Malaysia adalah antara yang tertinggi, usaha juga ditumpukan kepada langkah menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan yang lebih berkesan. Hasrat ini boleh dicapai menerusi pemahaman yang lebih baik tentang keperluan kewangan dan tingkah laku kumpulan sasaran yang berbeza, termasuk mereka yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, dengan penyediaan lebih banyak program pendidikan yang mempunyai sasaran dan dengan menangani cabaran khusus yang dihadapi oleh isi rumah berpendapatan rendah sehingga sederhana di pusat bandar. Pelancaran unit LINK Bergerak Bank pada tahun 2011 juga akan membolehkan Bank meluaskan lagi perkhidmatan sokongan pelanggan dan maklumat untuk pelanggan di kawasan separa bandar dan luar bandar.

Integrasi kewangan Malaysia di rantau ini dan dengan rantau lain di dunia semakin bertambah pesat dengan liberalisasi sistem kewangan dalam negeri yang beransur-ansur serta pertumbuhan berterusan dalam operasi institusi kewangan Malaysia di luar negara. Usaha untuk mengukuhkan kesalinghubungan Malaysia dilaksanakan dengan cara yang saling menguntungkan dengan matlamat lebih menyeluruh untuk meningkatkan potensi pertumbuhan di rantau ini dan menggalakkan kestabilan kewangan serantau. Ekoran langkah liberalisasi pada tahun 2009, tiga bank asing yang diperbadankan di dalam negeri, satu Bank Islam Antarabangsa dan dua pengendali takaful keluarga usaha sama yang baharu, memulakan operasi mereka pada tahun 2011.

Usaha untuk menggalakkan integrasi kewangan lebih mendalam di rantau Asia menghasilkan beberapa kemajuan yang meliputi: (i) penubuhan Dana Infrastruktur ASEAN yang melibatkan sembilan negara ASEAN, termasuk Malaysia, telah menggemblengkan sumber bagi tujuan pembangunan infrastruktur di rantau ASEAN; (ii) pengesahan rangka kerja peringkat tinggi oleh bank pusat negara ASEAN untuk memperkukuhkan penyelarasan dan kerjasama merentas sempadan dalam sektor kewangan; dan (iii) pewujudan pengaturan dua hala bersaling dalam kalangan bank pusat di rantau ini untuk menggalakkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang lebih cekap dan penyediaan sokongan mudah tunai semasa ekonomi menghadapi tekanan.

Malaysia terus berkembang sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, dengan pertumbuhan kukuh dicatat dalam aset perbankan Islam, sumbangan takaful dan jumlah perniagaan mata wang asing. Malaysia mengekalkan kedudukan terulungnya dalam pasaran sukuk global, dengan jumlah sukuk terkumpul dalam denominasi dolar AS yang meningkat. Tahun 2011 juga menyaksikan beberapa inovasi penting dalam instrumen pasaran kewangan Islam, termasuk terbitan Sukuk Global Wakala yang menerima sambutan baik, iaitu sukuk kerajaan dolar AS 10 tahun yang pertama di dunia, dan sukuk renminbi pertama di dunia yang diterbitkan di Malaysia. Pencapaian ini disusuli dengan pembangunan infrastruktur yang akan meningkatkan lagi ketelusan, mudah tunai dan kecekapan penentuan harga bagi produk kewangan Islam. Terbitan sukuk jangka pendek yang pertama oleh Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) menjelang pertengahan tahun 2012

akan memberikan sumbangan ketara ke arah pengantaraan lebih cekap bagi aliran merentas sempadan serta menyokong keperluan mudah tunai global. Pembangunan tenaga mahir dalam kewangan Islam turut dimajukan lagi dengan peningkatan bilangan mereka yang mendapat kelayakan Profesional Kewangan Islam Berkanun serta pelan hala tuju latihan oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM).

Peningkatan penglibatan pengguna kewangan Malaysia juga bertambah dalam hal ehwal kewangan disokong oleh program kesedaran dan pendidikan yang berterusan, serta penzahiran yang lebih baik mengenai produk dan perkhidmatan kewangan. Lebih ramai pengguna kini menggunakan pelbagai saluran yang disediakan oleh Bank dan industri untuk memperoleh maklumat, nasihat dan bantuan penyelesaian berhubung dengan kewangan. Tinjauan yang dijalankan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (Organisation of Economic Co-operation and Development, OECD) menunjukkan bahawa tahap celik kewangan di Malaysia setanding dengan tahap yang wujud di ekonomi maju. Pada tahun 2011, kemajuan besar dicapai dalam usaha untuk membina asas yang kukuh bagi keupayaan kewangan pada peringkat awal usia. Hal ini dilaksanakan melalui kerjasama rapat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menerapkan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah baharu yang akan diperkenalkan mulai tahun 2014.

Usaha yang ketara juga terus disasarkan ke arah menyokong pembangunan tenaga mahir berkualiti tinggi untuk sektor kewangan, yang merentas semua peringkat dalam institusi, iaitu daripada peringkat kemasukan kepada peringkat kepimpinan. Institusi yang ditubuhkan oleh Bank untuk menerajui usaha ini, iaitu Program Meningkatkan Tenaga Mahir Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP), Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance, AIF) dan Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif, terus aktif pada tahun 2011 untuk meningkatkan dan meluaskan tawaran program mereka bagi memenuhi keperluan baharu sektor kewangan yang berubah dengan pantas. Institusi ini juga mengukuhkan keupayaan dalaman mereka dengan ketara, termasuk dalam penyelidikan dan menerusi penambahan fakulti baharu, supaya mandat mereka dapat disempurnakan dengan lebih baik.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Pada tahun 2011, Bank terus memperkukuh dan memajukan lagi prinsip teras pengawalan dan penyeliaan, berlandaskan usaha yang diambil sebelum ini untuk mengukuhkan rangka kerja perundangan dan menambah baik pengurusan risiko, tadbir urus dan amalan kendalian perniagaan.

Pelaksanaan reformasi pengawalseliaan global merupakan keutamaan penting dalam rangka kerja pengawalan dan penyeliaan pada tahun 2011. Pada bulan Disember 2011, Bank mengeluarkan rancangan terperinci tentang pelaksanaan Basel III di Malaysia yang bermatlamat untuk mengukuhkan lagi piawaian modal dan mudah tunai untuk institusi perbankan. Pakej reformasi ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, mulai tahun 2013 sehingga tahun 2019, selaras dengan paras dan garis masa pelaksanaan yang dipersetujui pada peringkat global. Langkah ini akan membolehkan institusi perbankan membuat penyesuaian secara beransur-ansur terhadap keperluan baharu, seterusnya mengurangkan sebarang kesan buruk terhadap pengantaraan kredit. Bagi industri insurans, perubahan dilakukan kepada Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (rangka kerja RBC) supaya peraturan penilaian yang menyokong penentuan keperluan modal pengawalseliaan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan. Bank akan terus mengkaji rangka kerja RBC untuk meningkatkan lagi penjajaran modal dengan risiko dan menyokong kaedah yang lebih tekal terhadap piawaian modal untuk kumpulan kewangan selaras dengan piawaian antarabangsa. Sementara itu, rangka kerja modal berasaskan risiko yang baharu untuk pengendali takaful diperkenalkan untuk perundingan dan kini sedang dimuktamadkan, dengan mengambil kira maklum balas daripada industri. Rangka kerja modal baharu yang dicadangkan itu akan mengambil kira objektif prinsip kehematan dan Syariah.

Tumpuan terhadap penggalakan amalan pengurusan risiko yang mantap terus menjadi keutamaan pengawalan dan penyeliaan Bank dengan penambahbaikan piawaian kehematan dalam beberapa aspek mengenai pengurusan risiko. Hal ini termasuklah cadangan yang dikemukakan untuk mengukuhkan piawaian tentang tadbir urus risiko yang menangani keperluan bagi institusi kewangan untuk mematuhi amalan yang kukuh dalam menentukan kesanggupan mengambil risiko untuk institusi itu dan melaksanakan kawalan yang berkesan (termasuk sistem insentif yang sesuai) terhadap

aktiviti pengambilan risiko. Pengawalan risiko rakan niaga turut diperkukuh dengan cadangan peningkatan had pengawalseliaan sedia ada bagi pendedahan terhadap setiap rakan niaga. Dengan persaingan dalam pemberian pinjaman runcit yang terus sengit dan wujudnya tanda tekanan yang berterusan terhadap penentuan harga pinjaman, garis panduan baharu tentang amalan penentuan harga yang baik bagi pinjaman/pembiayaan runcit juga dikeluarkan sebagai langkah awalan untuk memastikan amalan penentuan harga oleh bank diselia dengan sewajarnya oleh lembaga pengarah dan pengurusan mereka, serta secara umumnya sejajar dengan strategi pengurusan risiko dan modal mereka. Pada tahun 2011, piawaian tadbir urus korporat bagi institusi kewangan pembangunan diperkukuhkan untuk menggalakkan penilaian yang lebih mantap mengenai kesesuaian dan kewajaran pelantikan dalam lembaga pengarah dan pengurusan, selaras dengan piawaian yang telah diterima pakai bagi institusi kewangan yang lain.

Bank terus memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna dan amalan kendalian pasaran institusi kewangan dengan menggalakkan amalan pembiayaan yang lebih bertanggungjawab, meningkatkan ketelusan dan penzahiran produk kewangan serta meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan kewangan. Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Yang Bertanggungjawab dikeluarkan untuk menggalakkan amalan yang lebih tekal merentas industri dalam penilaian kebolehpercayaan kredit pelanggan dan kemampuan mereka untuk membayar balik hutang. Dalam sektor perbankan Islam, Garis Panduan Caj Mengenai Pembayaran Lewat dikeluarkan untuk menggalakkan disiplin kewangan yang lebih berhemat dalam kalangan peminjam, dengan parameter yang ditentukan dengan jelas bagi pengenaan penalti (*gharamah*) dan caj ganti rugi (*ta'widh*) terhadap pelanggan yang gagal membayar hutang. Bank juga memberikan tumpuan penting terhadap usaha menangani amalan salah jual oleh institusi kewangan. Institusi kewangan yang didapati terlibat dalam amalan sedemikian dikenakan kompaun, diarahkan supaya membayar pampasan kepada pelanggan yang terbabit serta dikehendaki mengukuhkan pengaturan pengawasan dalaman terhadap proses originasi produk, kelulusan, jualan dan proses menangani aduan.

Bagi memastikan sektor kewangan yang dikawal selia tidak terdedah kepada aktiviti haram dan untuk memelihara integriti dan keyakinan awam terhadap sistem kewangan, usaha dipertingkat untuk memastikan rangka kerja undang-undang adalah berkesan serta sistem dan proses dalam institusi kewangan adalah mencukupi untuk mengesan dan mencegah aktiviti haram dengan segera. Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 yang dikuatkuasakan pada 1 Disember 2011 memperuntukkan pengawasan pengawalan dan penyeliaan yang kukuh terhadap perniagaan perkhidmatan pengurupan dan kiriman wang. Bank juga secara aktif menyokong kerjasama antarabangsa yang lebih erat dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memudahkan perkongsian maklumat dan penyiasatan jenayah kewangan merentas sempadan. Dengan bertambahnya peluasan institusi kewangan domestik di luar negara, dan peningkatan kehadiran institusi kewangan asing yang beroperasi di Malaysia, pendekatan yang lebih berstruktur terhadap kerjasama penyeliaan dengan pihak berkuasa penyeliaan yang lain telah diatur. Pendekatan ini meliputi forum penyeliaan untuk kumpulan kewangan Malaysia yang bergiat aktif pada peringkat serantau dan institusi asing yang beroperasi di Malaysia, yang menyediakan platform untuk berkongsi penilaian penyeliaan dan penyelarasan aktiviti pengawalseliaan. Pada peringkat domestik, Bank juga terus menyelaraskan aktiviti penyeliaan dan pengawasannya dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan telah memulakan proses untuk meningkatkan lagi kerjasama sedia ada dengan agensi-agensi tersebut.

Sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia kekal berdaya tahan dan menyokong pertumbuhan sistem kewangan dan ekonomi. Aktiviti pengawasan Bank disasarkan pada usaha menjamin kebolehpercayaan berterusan terhadap sistem penjelasan antara bank dan penyelesaian utama serta meningkatkan keselamatan instrumen pembayaran yang digunakan secara meluas, lantas mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem tersebut. Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) mencapai ketersediaan sistem 100%, dengan penambahbaikan dalam kecekapan pasaran dan pengurusan mudah tunai oleh peserta RENTAS. Bank juga terus bekerjasama dengan industri dan agensi penguatkuasa untuk menghindarkan kejadian penipuan, menggalakkan penambahbaikan amalan perniagaan untuk lebih melindungi pengguna daripada kaedah penipuan baharu, serta

mendidik orang ramai terhadap pencegahan penipuan. Kerugian akibat penipuan dalam pembayaran runcit kekal kecil pada tahun 2011.

Bank terus mengambil langkah untuk menggalakkan pematuhan RENTAS kepada prinsip dan saranan berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank for International Settlements serta Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti, di samping meningkatkan keupayaannya untuk menyokong pembayaran dan penyelesaian merentas sempadan dengan penyediaan kemudahan penyelesaian dana dan sekuriti dalam negeri serta perkhidmatan kustodian bagi sekuriti asing dalam pelbagai mata wang.

Dalam usaha menggalakkan perpindahan kepada pembayaran elektronik (e-pembayaran), usaha Bank tertumpu pada peningkatan tahap boleh akses, kepantasan dan kepastian serta memudahkan lagi perkhidmatan pembayaran. Pencapaian penting ialah penyiapan infrastruktur neutral pelbagai bank dan rangkaian mudah alih yang akan membolehkan akses kepada perkhidmatan perbankan dan pembayaran mudah alih, di bawah jenama ``MyMobile´´, dari mana-mana lokasi pada bila-bila masa. Syarikat subsidiari milik penuh Bank, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear), juga mengambil alih sistem pembayaran runcit utama daripada MEPS pada bulan September 2011 untuk merasionalkan infrastruktur e-pembayaran yang bertindih dan memperkenalkan struktur penentuan harga yang akan menggalakkan lagi penggunaan e-pembayaran. Kemajuan yang menggalakkan juga dicapai dalam penggunaan e-pembayaran oleh sektor keutamaan, seperti Kerajaan dan institusi kewangan, dengan komitmen kukuh dan pencapaian yang nyata dalam perpindahan pembayaran dalaman kepada saluran elektronik. Dalam pasaran modal, rancangan telah digubal untuk meluaskan lagi penggunaan e-pembayaran bagi meliputi bayar balik tawaran awam awal, langganan dan penebusan amanah saham serta langganan terbitan hak yang bermula pada awal tahun 2012. Melangkah ke hadapan, Bank akan terus memberikan tumpuan terhadap penggalakan e-pembayaran sebagai medium keutamaan untuk urus niaga ekonomi di Malaysia menerusi inisiatif yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan.

2012

1

PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2011

11 Tinjauan Keseluruhan

12 Menguruskan Risiko yang Berpunca daripada Tahap Keberhutangan Isi Rumah

22 Menguruskan Penularan daripada Perkembangan Luaran

37 Perkembangan dan Bidang Risiko Lain

44 Prospek Kestabilan Kewangan Domestik dan Tumpuan Pemantauan pada Tahun 2012

47 *Rencana: Pengantara Bukan Bank di Malaysia*

PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2011

TINJAUAN KESELURUHAN

Kestabilan kewangan dalam negeri kekal terpelihara sepanjang tahun 2011, sekali gus mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi di Malaysia, meskipun risiko yang dikaitkan dengan krisis hutang kerajaan di Eropah dan pertumbuhan yang lebih lemah di ekonomi maju meningkat dengan nyata pada separuh kedua tahun 2011. Dengan disokong oleh asas-asas yang kukuh, sistem kewangan Malaysia terus menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi dalam menghadapi perkembangan yang tidak menentu dalam persekitaran luaran. Penunjuk keteguhan kewangan kekal pada tahap yang kukuh, walaupun diandaikan berada dalam senario yang tertekan, mengesahkan keupayaan sektor kewangan Malaysia bagi menghadapi kejutan, baik pada peringkat sistem mahupun institusi. Pemantauan berterusan yang dilaksanakan sepanjang tahun terhadap bahagian yang berpotensi mempunyai risiko di dalam negeri telah membolehkan pelaksanaan langkah-langkah awal yang pelbagai, termasuk langkah penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk menangani risiko yang baru muncul. Langkah-langkah ini membolehkan pengantaraan kewangan terus berfungsi dengan cekap, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan yang menyeluruh dalam aktiviti pembiayaan. Keadaan pasaran kewangan domestik juga kekal teratur, meskipun dalam keadaan turun naik yang tinggi, dan keyakinan terhadap sistem kewangan juga kekal utuh.

Hutang isi rumah berkembang pada kadar yang lebih sederhana apabila pelbagai langkah yang telah diperkenalkan sebelum ini oleh Bank mula memberikan kesan. Secara keseluruhan, kedudukan kewangan isi rumah di Malaysia masih teguh. Agregat penampan kewangan yang kukuh terus menyokong keupayaan isi rumah untuk melaksanakan obligasi pembayaran hutang mereka dan menjadi pelindung terhadap kejutan yang mungkin berlaku. Ini selanjutnya diperkukuh oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil, keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan paras tabungan yang tinggi. Walau bagaimanapun, peminjam dalam kategori berpendapatan rendah serta tinggal di pusat-pusat bandar menghadapi lebih banyak cabaran untuk menguruskan obligasi kewangan mereka. Walaupun sumbangan mereka kepada jumlah dedahan pinjaman sistem perbankan secara relatifnya agak kecil, beberapa siri langkah yang diambil oleh Bank, di samping mekanisme penyelesaian hutang yang telah dilaksanakan, akan menyumbang ke arah mengatasi tekanan kewangan yang dihadapi oleh peminjam-peminjam ini, sekali gus membendung peningkatan risiko dalam sektor isi rumah tersebut.

Sistem kewangan Malaysia terus menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi dalam menghadapi perkembangan yang tidak menentu dalam persekitaran luaran. Pemantauan berterusan terhadap bahagian yang berpotensi mempunyai risiko di dalam negeri telah membolehkan pelaksanaan langkah-langkah awal yang pelbagai, termasuk langkah penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk menangani risiko yang baru muncul

Kesan penularan daripada perkembangan yang berlaku di kawasan euro dan di Amerika Syarikat (AS) menyebabkan jumlah dan kepesatan yang lebih tinggi dalam pergerakan aliran portfolio sepanjang tahun 2011. Pengantaraan aliran portfolio ini adalah berkesan dan pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun terdapat turun naik yang lebih tinggi. Keadaan pendanaan bagi institusi kewangan di Malaysia

secara amnya masih menggalakkan dengan kesan yang terhad daripada pasaran borong dana global yang ketat, memandangkan struktur pendanaan yang stabil bagi bank Malaysia. Institusi perbankan di Malaysia juga mempunyai dedahan kredit secara langsung dan tidak langsung yang terhad dengan rakan niaga di ekonomi euro yang terjejas, manakala bagi penanggung insurans pula, dedahan ini adalah dengan rakan niaga insurans yang telah mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh.

Sektor kewangan terus mengekalkan paras permodalan dan keberuntungan yang kukuh, meskipun industri insurans dan takaful menghadapi cabaran yang lebih besar daripada keadaan turun naik pasaran. Oleh itu, institusi kewangan telah berupaya menunjukkan ketangkasan untuk bertindak balas terhadap keadaan kewangan dan operasi yang lebih mencabar, terutamanya dalam mengurus dedahan risiko pasaran mereka. Institusi perbankan di Malaysia juga berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan modal yang lebih ketat di bawah Basel III.

Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik pada tahun 2012 dijangka terus didorong terutamanya oleh perkembangan luaran, dengan perkembangan di kawasan euro diberikan tumpuan utama. Risiko utama berpunca daripada ketidaktentuan berterusan yang memberikan kesan kepada prospek pemulihan yang lebih kukuh serta pengukuhan dalam sistem kewangan di ekonomi maju. Memandangkan sentimen pasaran yang terus lemah, penghindaran risiko dan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global dijangka kekal tinggi. Dalam persekitaran domestik, peningkatan hutang isi rumah akan terus dipantau dengan rapi walaupun langkah-langkah yang telah dilaksanakan dijangka dapat menanganinya, seterusnya memastikan bahawa kewangan isi rumah secara keseluruhan kekal teguh.

MENGURUSKAN RISIKO YANG BERPUNCA DARIPADA TAHAP KEBERHUTANGAN ISI RUMAH

Dedahan kredit kepada sektor isi rumah terus terkawal dengan terdapat beberapa tanda bahawa peminjaman oleh isi rumah mulai menjadi sederhana, terutamanya pada separuh kedua tahun 2011. Kedudukan kewangan dan keupayaan khidmat bayaran balik hutang isi rumah kekal kukuh pada tahap agregat, disokong oleh pendapatan yang lebih tinggi dan keadaan guna tenaga yang menggalakkan. Namun begitu, dalam sektor isi rumah, paras leveraj yang jauh lebih tinggi serta penampan yang agak terhad berbanding dengan potensi kejutan pendapatan telah dilihat bagi peminjam yang berpendapatan bulanan sebanyak RM3,000 dan ke bawah dan tinggal di pusat-pusat bandar.

Implikasi kestabilan kewangan daripada keberhutangan isi rumah di Malaysia masih terkawal memandangkan asas-asas yang pada umumnya terus kukuh bagi majoriti isi rumah dan amalan pengurusan risiko yang mantap oleh institusi perbankan

Walau bagaimanapun, risiko kemerosotan yang lebih menyeluruh bagi kualiti kredit untuk pinjaman dalam sistem perbankan dan implikasi yang lebih luas terhadap kestabilan kewangan secara keseluruhan telah dinilai sebagai terkawal. Pertumpuan dedahan bank kepada peminjam dalam kumpulan ini adalah agak rendah, iaitu kurang daripada 13% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Berdasarkan fakta-fakta masa lampau tahap jejas nilai dan peruntukan, sebarang kerugian jejas nilai kepada sektor perbankan tidak akan melebihi RM2 bilion atau kurang 8% daripada keuntungan sebelum cukai bank perdagangan dan institusi perbankan Islam. Pemberian pinjaman kepada individu yang berpendapatan lebih daripada RM3,000 sebulan mencakupi kira-kira 80% daripada jumlah pinjaman kepada isi rumah oleh sistem perbankan. Bank-bank juga terus mengekalkan standard pengunderaitan yang berhemat dan menghasilkan kualiti pinjaman isi rumah yang terus bertambah baik. Sekiranya berlaku kejutan sementara pendapatan yang memberikan kesan kepada isi rumah yang berpendapatan rendah, kedudukan kewangan yang kukuh ini membolehkan bank-bank untuk memudahkan pelarasan oleh peminjam yang terjejas melalui langkah penyusunan semula hutang, sekali gus

mengehadkan potensi berlakunya pinjaman mungkir secara meluas. Ini diperkukuh lagi dengan adanya mekanisme pengurusan hutang yang mantap dan berfungsi dengan baik di setiap bank dan melalui Agensi Kaunseling Kredit dan Pengurusan Hutang (AKPK). Ini diperkukuh oleh langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal pengumpulan hutang yang berlebihan oleh peminjam yang mudah terjejas.

Dari perspektif makroekonomi yang lebih luas, satu kajian oleh Bank juga menunjukkan bahawa lebih daripada separuh daripada variasi penggunaan di Malaysia disebabkan oleh pendapatan (seperti yang diukur oleh pendapatan boleh guna), manakala kurang daripada 10% daripada variasi pendapatan disebabkan oleh pembolehubah yang berkaitan dengan kredit. Ini juga dicerminkan dalam peratusan pinjaman untuk kredit penggunaan sebagai sebahagian daripada penggunaan swasta, yang secara relatif lebih rendah berbanding dengan negara-negara lain (Rajah 1.1). Di samping itu, perubahan dalam kos peminjaman telah memberikan kesan yang minimum terhadap isi rumah, disebabkan majoriti daripada isi rumah tidak berhutang dengan berlebihan.

Pada tahun 2011, hutang isi rumah terus meningkat, disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini adalah lebih perlahan dengan hutang isi rumah terkumpul berkembang sebanyak 12.5% pada tahun itu (2010: 13.7%) dengan terdapat tanda-tanda penstabilan dalam pengumpulan hutang isi rumah berbanding dengan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sejak separuh kedua tahun 2011. Setelah melalui trend menaik bagi suku tahunan sejak tahun 2009, paras hutang isi rumah sebagai sebahagian daripada KDNK telah mendatar sejak bulan Jun, dan mengakhiri tahun 2011 pada 76.6% (2010: 75.8%) (Rajah 1.2).

Kedudukan kewangan isi rumah secara amnya terus menunjukkan wujudnya penampan kewangan yang kukuh terhadap perubahan yang menjejaskan nilai aset, kadar faedah dan tahap pendapatan. Pertumbuhan dalam hutang isi rumah secara amnya telah diiringi oleh pertumbuhan yang sama dalam aset kewangan isi rumah. Walaupun penurunan penilaian ekuiti pada tahun 2011 memberikan kesan negatif terhadap aset kewangan isi rumah

Rajah 1.1

Sektor Isi Rumah: Nisbah Kredit Penggunaan kepada Penggunaan Swasta mengikut Negara



Sumber: HAVER, Pihak Berkuasa Negara, dan pengiraan dalaman

Rajah 1.2

Sektor Isi Rumah: Hutang dan Aset Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 8.4% (2010: 12.8%), ini telah diimbangi oleh pertumbuhan yang mampan dan lebih kukuh dalam deposit isi rumah yang berkembang sebanyak 12.2% (2010: 7.9%). Ini telah mengekalkan agregat penampan kewangan isi rumah pada paras yang memuaskan dengan aset kewangan isi rumah kekal melebihi dua kali (2011: 2.3 kali) daripada hutang isi rumah pada akhir tahun 2011 (Rajah 1.3, 1.4 dan 1.5). Peratusan aset mudah tunai dan aset hampir mudah tunai yang tinggi, termasuk deposit bank, yang tersedia untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam jangka pendek juga telah menyumbang kepada penampan kewangan yang kukuh. Lebih daripada 60% aset kewangan isi rumah adalah dalam bentuk aset mudah tunai, menyumbang kepada nisbah aset mudah tunai kepada hutang sebanyak 1.48 kali. Hampir separuh daripada aset

Rajah 1.3

Sektor Isi Rumah: Pertumbuhan dalam Aset Kewangan mengikut Komponen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.5

Sektor Isi Rumah: Aset Kewangan mengikut Komposisi



Sumber: Bank Negara Malaysia

ini adalah dalam bentuk deposit yang disimpan dalam institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan.

Terdapat beberapa faktor berhubung kait yang mempengaruhi taburan dan paras hutang isi rumah di Malaysia – faktor utama ialah tahap pendapatan, lokasi dan kos sara hidup. Dari segi taburan pendapatan, sebahagian besar (46.5%) daripada hutang isi rumah terkumpul disebabkan oleh peminjam dengan pendapatan bulanan melebihi RM5,000 yang mempunyai penampan kewangan yang selesa dan mempunyai keupayaan yang munasabah untuk membayar balik hutang tanpa masalah kewangan yang besar. Sebaliknya, individu yang berpendapatan bulanan di bawah RM3,000 yang tinggal di pusat-pusat pekerjaan utama yang lebih tinggi kos sara hidupnya, membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatan mereka untuk perbelanjaan asas seperti makanan, pengangkutan dan pakaian (Rajah 1.6). Memandangkan pergantungan yang tinggi kepada pendapatan untuk mengekalkan penggunaan, isi rumah yang berpendapatan rendah, secara amnya, adalah lebih mudah terdedah kepada kejutan pendapatan dan juga sebahagiannya kepada kejutan harga. Pinjaman terkumpul individu dalam

Rajah 1.4

Sektor Isi Rumah: Sumbangan kepada Pertumbuhan Aset Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.6

Sektor Isi Rumah: Tabungan dan Perbelanjaan mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan dalaman

kumpulan pendapatan ini mencakupi kira-kira 23% daripada keseluruhan dedahan bank-bank kepada isi rumah atau 12.7% daripada pinjaman sistem perbankan, dengan sebahagian besar kemudahan pinjaman peminjam tertumpu pada pembiayaan kenderaan dan peribadi. Kedudukan leveraj (yang diperoleh dengan membahagikan purata hutang terkumpul dengan median pendapatan tahunan bagi setiap kumpulan pendapatan) peminjam dalam kumpulan ini adalah antara 4.4-9.6 kali pendapatan tahunan berbanding dengan 2.3-3.3 kali bagi mereka dalam kumpulan berpendapatan pertengahan-tinggi dan berpendapatan tinggi. Dengan kapasiti tabungan yang lebih rendah dan kedudukan leveraj yang lebih tinggi, kumpulan berpendapatan rendah ini sensitif terhadap kejutan pendapatan dan pelarasan kadar faedah. Anggaran dalaman oleh Bank menunjukkan jika punca pendapatan mereka hilang sepenuhnya dan mereka tidak menerima sebarang bantuan kewangan, simpanan terkumpul individu yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan hanya mencukupi untuk menampung perbelanjaan keperluan dan bayaran hutang untuk tempoh sehingga tiga bulan sahaja. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran semasa di Malaysia sebanyak 3.1%, yang secara relatif rendah berbanding dengan paras tertinggi sebanyak 4.5% yang dicatat selepas Krisis Kewangan Asia, telah mengurangkan kemungkinan ini berlaku bagi kebanyakan isi rumah.

Pinjaman isi rumah terus tertumpu terutamanya pada pembiayaan untuk pembelian harta kediaman dan kenderaan bermotor yang mencakupi 64% daripada hutang isi rumah terkumpul. Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, pinjaman untuk membiayai harta kediaman kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan hutang isi rumah, meningkat pada kadar tahunan sebanyak 11% bagi tempoh tiga tahun yang lalu selaras dengan bertambahnya individu berkelayakan dari segi kewangan untuk meminjam terutamanya bagi tujuan membeli rumah. Pada tahun 2011, pinjaman untuk membeli harta kediaman meningkat lebih perlahan kepada 12.7% berbanding dengan 12.8% pada tahun sebelumnya. Harga rumah terus meningkat pada kadar purata 5.9% untuk tempoh suku tahunan bagi tiga tahun yang lalu, berbanding dengan kadar purata jangka panjang sebanyak 3.9% bagi tempoh 2001 - S3 2011. Sebahagian besar pinjaman yang dikeluarkan adalah untuk pembelian rumah yang berharga melebihi RM250,000.

Pada tahun 2010, Bank telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengurangkan aktiviti pelaburan dan spekulasi yang berlebihan dalam pasaran harta tanah bagi membendung kenaikan harga harta tanah yang ketara yang telah menyebabkan rumah semakin kurang mampu dibeli oleh pembeli rumah yang tulen. Nisbah pinjaman-kepada-nilai (loan-to-value, LTV) sebanyak 70% telah dikenakan terhadap peminjam individu yang mempunyai lebih daripada dua pinjaman perumahan, manakala caj modal dinaikkan bagi bank yang membiayai pinjaman harta kediaman melebihi LTV 90%. Pada bulan Disember 2011, pinjaman harta kediaman yang diambil oleh peminjam bukan individu adalah tertakluk kepada nisbah LTV sebanyak 60%, agar selari dengan langkah yang dikenakan terhadap individu pada tahun 2010. Langkah-langkah ini telah mula memberikan kesan apabila bilangan peminjam dengan lebih daripada dua akaun pinjaman perumahan terkumpul menyederhana dan mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 2.9% (2010: 14.9%). Kenaikan harga rumah seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Rumah Malaysia menjadi perlahan kepada 6.6% pada S3 2011 (S2 2011: 10.6%; 2010: 6.7%) (Rajah 1.7). Selain itu, harga rumah di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang juga telah mula menjadi perlahan (Rajah 1.8). Indeks Harta Kediaman yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) turut menjadi sederhana kepada 120.1 mata dalam S4 2011 (S2 2011: 127.8 mata; S1 2011: 130 mata), mencerminkan tanggapan pasaran bahawa harga harta kediaman akan kembali ke paras yang lebih mampan.

Rajah 1.7

Indeks Harga Rumah Malaysia



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Rajah 1.8

Indeks Harga Rumah Malaysia mengikut Negeri



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Kos pinjaman yang rendah berikutan persaingan sengit dalam kalangan pemberi pinjaman telah menyumbang ke arah pengurangan kos pembiayaan perumahan. Trend kadar pembiayaan untuk pembelian rumah terus menurun dengan spread antara kadar pinjaman purata dan kos pembiayaan purata mengecil daripada 306 mata asas pada tahun 2009 kepada 273 mata asas pada tahun 2011. Trend ini menimbulkan kebimbangan terhadap kekukuhan metodologi dan amalan penentuan harga oleh bank berikutan penemuan penilaian penyeliaan tematik amalan penentuan harga yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2011. Penilaian tersebut, yang meliputi rumah, kereta dan pembiayaan peribadi telah menunjukkan beberapa kelemahan. Ini termasuk penggunaan andaian yang kurang mantap terhadap anggaran potensi kerugian kredit untuk tujuan penentuan harga. Sesetengah bank juga bergantung hanya pada data kegagalan membayar hutang dan kerugian terbaharu yang rendah terkini, yang mungkin tidak merangkumi sewajarnya risiko dalaman asas sepanjang keseluruhan kitaran kredit dan ekonomi. Penilaian ini juga menunjukkan kos pendanaan yang terkurang anggarannya oleh beberapa bank yang mengandaikan kadar prabayaran yang tinggi dan seterusnya purata tempoh pinjaman yang lebih pendek. Walaupun risiko penentuan semula harga ketika ini adalah rendah disebabkan oleh prospek pertumbuhan, andaian ini mungkin tidak dapat dikekalkan dalam jangka sederhana dan jangka panjang. Premium mudah tunai yang diambil kira dalam metodologi penentuan harga oleh beberapa bank juga mengandaikan bahawa keadaan mudah tunai yang mencukupi akan terus berlanjutan hingga ke masa hadapan.

Pematuhan terhadap amalan pengunderaitan yang mantap oleh bank-bank dan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh sebahagian besarnya telah mengurangkan risiko ini. Penilaian penyeliaan terhadap amalan pinjaman di bank-bank menunjukkan bahawa kadar pinjaman yang paling kompetitif hanya diberikan kepada pelanggan terpilih dengan profil risiko yang rendah. Penilaian juga lebih ketat untuk pemberian pinjaman bagi pembelian harta tanah mewah di lokasi pilihan. Institusi perbankan umumnya telah melaksanakan dasar dan proses yang mantap bagi memastikan penilaian bebas yang diperoleh bagi harta tanah tersebut adalah munasabah dan pada tahap yang konservatif. Ini termasuk memastikan bahawa penilaian dilakukan oleh penilai yang berwibawa dan berkelayakan serta penilaian bersilang secara berkala berbanding dengan harga dalam urus niaga pasaran yang terkini dan analisis pasaran dalaman. Bagi harta tanah yang terletak di lokasi pilihan yang harganya mencatat kenaikan yang mendadak dan ketara, margin pembiayaan yang lebih rendah tidak melebihi 80% telah diamalkan oleh bank-bank untuk menangani sebarang potensi pelarasan harga.

Analisis vintaj terhadap portfolio pinjaman perumahan bagi bank-bank besar terpilih mengesahkan bahawa amalan pengunderaitan oleh bank-bank tersebut terus dilakukan secara berhemat dengan kadar kemungkiran menurun secara berterusan sejak tahun 2004 (Rajah1.9). Jumlah jejas nilai bagi pinjaman yang dikeluarkan untuk pembelian harta kediaman juga menurun untuk tahun keempat berturut-turut sebanyak 17.9% untuk mencakupi 2.3% daripada jumlah pinjaman harta kediaman.

Rajah 1.9

Sektor Isi Rumah: Analisis Tahunan bagi Pinjaman Perumahan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.1

Sektor Isi Rumah: Hutang Tertunggak bagi Pinjaman Harta Kediaman mengikut Harga (%)

	2008	2009	2010	2011
Sehingga RM25 ribu	3.5	4.1	3.4	1.8
Antara RM25 ribu hingga RM60 ribu	4.6	4.7	5.4	4.7
Antara RM60 ribu hingga RM100 ribu	4.0	4.2	4.9	4.3
Antara RM100 ribu hingga RM150 ribu	3.4	3.2	3.8	3.6
Antara RM150 ribu hingga RM250 ribu	2.6	2.4	2.8	2.7
Melebihi RM250 ribu	1.6	1.3	1.4	1.3
Jumlah keseluruhan	2.6	2.3	2.6	2.3

Nota: Hutang tertunggak bagi >1 bulan sehingga <3 bulan
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.2

Sektor Isi Rumah: Pinjaman Terjejas bagi Pembelian Harta Kediaman mengikut Harga (%)

	2008	2009	2010	2011
Sehingga RM25 ribu	14.3	12.4	5.8	3.5
Antara RM25 ribu hingga RM60 ribu	10.6	8.9	7.7	6.8
Antara RM60 ribu hingga RM100 ribu	9.9	8.2	6.8	5.8
Antara RM100 ribu hingga RM150 ribu	8.3	6.3	5.1	4.1
Antara RM150 ribu hingga RM250 ribu	5.5	4.2	3.3	2.5
Melebihi RM250 ribu	2.8	2.1	1.5	1.1
Jumlah keseluruhan	5.7	4.3	3.2	2.3

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1.3

Sektor Isi Rumah: Purata Kerugian Akibat Mungkir (LGD)

	2010	2011
	%	
Pembelian harta kediaman	20	19
Pembelian kenderaan	49	48
Kad kredit	71	65

Sumber: Bank Negara Malaysia

Terdapat penambahbaikan yang menyeluruh bagi semua kumpulan nilai harta tanah. Pinjaman tertunggak (lebih dari satu hingga kurang dari tiga bulan) kekal rendah, mencakupi hanya 2.3% daripada pinjaman untuk pembelian harta kediaman (Jadual 1.1 dan 1.2). Purata kerugian akibat mungkir (loss given default, LGD) bagi pinjaman perumahan juga adalah lebih rendah bagi tahun 2011 (Jadual 1.3), manakala purata kebarangkalian mungkir (probability of default, PD) kekal tidak berubah (Jadual 1.4).

Walau bagaimanapun, memandangkan hutang perumahan adalah signifikan, iaitu satu-satunya dedahan pinjaman terbesar bagi bank (25.5% daripada jumlah kredit yang dikeluarkan oleh sistem perbankan) dan isi rumah (45.3% daripada jumlah hutang isi rumah), maka bank-bank perlu terus mengekalkan disiplin penentuan harga dan pengunderaitan yang kukuh dalam amalan pinjaman mereka, disokong oleh strategi pengurusan risiko dan peruntukan modal yang wajar bagi mencegah peningkatan risiko yang tidak berhemat pada masa hadapan. Pihak Bank telah menggariskan kehendaknya dengan jelas terhadap amalan yang perlu dipatuhi oleh bank-bank untuk penilaian harta tanah, disusuli rapat oleh pengeluaran kertas konsep mengenai Garis Panduan Mengenai Penentuan Harga Berpengetahuan Risiko untuk Pinjaman/ Pembiayaan Runcit pada bulan Disember 2011 untuk perundingan industri (lihat Bab 3). Garis Panduan berhemat ini dikeluarkan oleh Bank bagi memastikan bahawa penambahan kredit tidak terus meningkatkan paras keberhutangan isi rumah di negara ini. Tambahan lagi, langkah ini akan dilengkapi selanjutnya dengan penilaian penyeliaan yang berterusan terhadap pinjaman bank kepada sektor isi rumah.

Dalam kategori hutang isi rumah lain, sewa beli meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6% pada tahun 2011 (2010: 7.3%)

Jadual 1.4

Sektor Isi Rumah: Purata Kebarangkalian Mungkir (PD)

	2010	2011
	(%)	
Pembelian harta kediaman	3.1	3.1
Pembelian kenderaan	3.7	3.2
Kad kredit	4.1	3.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.10

Sektor Isi Rumah: Pertumbuhan Hutang mengikut Komponen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.11

Sektor Isi Rumah: Sumbangan kepada Pertumbuhan Hutang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.12

Sektor Isi Rumah: Hutang mengikut Komposisi



Sumber: Bank Negara Malaysia

sebahagiannya disebabkan oleh gangguan bekalan yang dialami oleh pengeluar dan pengedar kereta berikutan bencana alam di Thailand dan Jepun. Permohonan pinjaman baharu untuk pembelian kereta penumpang terus berkembang pada kadar 6.6%. Dari segi kumpulan pendapatan, purata saiz pinjaman kenderaan pada kebiasaannya adalah antara 1 hingga 2.2 kali pendapatan tahunan untuk mereka yang berpendapatan sehingga RM36,000 setahun. Inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan infrastruktur pengangkutan awam di Lembah Klang, akan mempunyai kesan positif terhadap beban hutang kumpulan berpendapatan lebih rendah memandangkan pinjaman kenderaan mencakupi bahagian yang besar daripada pinjaman mereka. Berdasarkan paras hutang sedia ada kumpulan ini, kedudukan leveraj mungkin bertambah baik daripada 4.4-9.6 kali pendapatan tahunan kepada 3.3-7.4 kali jika pembiayaan kenderaan dikecualikan dan tanpa mengambil kira peningkatan dalam pendapatan mereka pada masa hadapan.

Bahagian pinjaman tidak bercagar dalam bentuk pinjaman peribadi dan pembiayaan kad kredit kepada jumlah hutang isi rumah kekal stabil pada 20.2% daripada pinjaman terkumpul isi rumah (Rajah 1.10, 1.11, 1.12 dan 1.13). Pertumbuhan dalam pembiayaan peribadi terus meningkat pada kadar yang kukuh, walaupun bahagiannya daripada pinjaman bank kepada sektor isi rumah kekal agak stabil di bawah 10% (2011: 9.1%).

Rajah 1.13

Sistem Perbankan: Pembiayaan kepada Sektor Isi Rumah sebagai Peratusan daripada Jumlah Pinjaman Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan adalah lebih ketara dalam kalangan pemberi pinjaman bukan bank yang mencatat peningkatan sebanyak 24% dalam pembiayaan peribadi pada tahun 2011. Sebagai perbandingan, pembiayaan peribadi yang diberikan oleh bank-bank meningkat sebanyak 20.6%. Termasuk baki kad kredit terkumpul, pinjaman tidak bercagar bank kepada isi rumah meningkat sebanyak 15.4% pada tahun 2011 untuk mencapai RM82.7 bilion pada akhir tahun 2011. Ini menyumbang sebanyak 8.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (2010: 8.1%).

Institusi kewangan bukan bank, seperti koperasi kredit, institusi kewangan pembangunan dan institusi kredit perumahan, terus menjadi penyedia utama pembiayaan peribadi dengan menyumbang kira-kira 60% kepada pembiayaan peribadi terkumpul sektor isi rumah. Pemberi pinjaman ini menyediakan pembiayaan terutamanya kepada isi rumah dalam kategori berpendapatan lebih rendah hingga sederhana di bawah skim potongan gaji secara automatik dengan pembayaran balik ditolak daripada sumber pendapatan. Potongan maksimum 60% daripada gaji (ditolak cukai pendapatan, sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain potongan terus daripada gaji) terpakai di bawah skim ini. Ini sebahagiannya membantu memastikan kemampuan membayar balik hutang isi rumah yang terkumpul di luar sistem perbankan.

Pinjaman untuk pembelian sekuriti kekal tinggi, suatu trend yang dilihat sejak tahun 2009. Bagi tempoh tiga tahun yang lalu, pertumbuhan purata adalah pada 26.7% (2004 - 2008: 11.1%). Trend ini sebahagian besarnya didorong oleh pencarian terhadap kadar hasil berserta pasaran ekuiti yang agak kukuh meskipun dalam keadaan turun naik yang meningkat ekoran jumlah aliran modal yang lebih tinggi. Pembiayaan untuk pembelian sekuriti secara umumnya bercagar baik bersandarkan sekuriti asal. Tambahan pula, 83% daripada pembiayaan tersebut adalah untuk pelaburan dalam dana amanah saham berharga tetap yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad. Risiko daripada pembiayaan ini adalah terkawal, memandangkan pembiayaan untuk pembelian sekuriti adalah bahagian kecil dalam kedua-dua jumlah hutang isi rumah dan dedahan keseluruhan sistem perbankan kepada sektor isi rumah.

Pada tahap agregat, sektor isi rumah terus mempunyai keupayaan untuk memenuhi obligasi hutang mereka. Keupayaan khidmat bayaran hutang isi rumah secara keseluruhannya terus disokong oleh pendapatan dan keadaan guna tenaga yang menggalakkan. Kadar pengangguran terus bertambah baik pada 3.1% pada tahun 2011 (2010: 3.3%), manakala tinjauan oleh Bank menunjukkan bahawa gaji purata dalam sektor swasta meningkat sebanyak 4% pada 2011 (2010: 4.5%). Trend bayaran balik pinjaman dalam sistem perbankan kekal positif, dengan peningkatan dalam bayaran balik pinjaman sebanyak 12% pada tahun 2011, mengatasi kadar pengeluaran pinjaman sebanyak 10.9%. Nisbah pinjaman terjejas keseluruhan bagi sektor isi rumah menurun kepada 1.8% pada tahun 2011 (2010: 2.3%) dan disokong oleh tanda-tanda positif keupayaan khidmat bayaran hutang yang kukuh. Jumlah pinjaman terjejas menurun sebanyak 12.6% dengan penurunan meliputi hampir kesemua kategori pinjaman isi rumah, terutamanya dalam pembiayaan untuk pembelian sekuriti dan harta kediaman yang masing-masing menurun sebanyak 25.9% dan 17.9%. Pinjaman tertunggak lebih dari 1 bulan hingga di bawah 3 bulan juga adalah lebih rendah pada tahun 2011, dan terus menjadi sederhana kepada 2.6% daripada bahagian pinjaman isi rumah (2010: 3%) (Rajah 1.14).

Kad kredit adalah terkecuali, apabila jumlah pinjaman terjejas (ditolak hapus kira) meningkat pada separuh kedua tahun 2011, selepas menurun pada separuh tahun pertama (ST2 2011: +10.9%; ST1 2011: -5.9%). Selain itu, baki yang dihapus kira bagi pinjaman kad kredit meningkat dengan ketara sebanyak 28.5% berbanding dengan 5.1% pada tahun 2010.

Rajah 1.14

Sektor Isi Rumah: Delinkuens



Sumber: Bank Negara Malaysia

Setelah pelarasan bagi hapus kira ini, nisbah jejas nilai bagi kad kredit bagaimanapun kekal tidak berubah berbanding tahun sebelumnya pada kadar 2.6%, disebabkan asas yang lebih besar. Bilangan pemegang kad kredit (tidak termasuk pembayar mungkir) dengan baki pusingan, iaitu pemegang kad yang tidak menjelaskan baki terkumpul sepenuhnya, juga kekal stabil pada 46.4% daripada jumlah pemegang kad kredit (2010: 47.9%). Pendahuluan tunai kekal kecil pada 3.6% daripada jumlah aktiviti kad kredit (2010: 4.1%).

Meskipun risiko kepada kestabilan kewangan adalah terhad, sebagai langkah pencegahan awal untuk mengelak tekanan yang berpunca daripada hutang kad kredit, Bank telah mengetatkan keperluan bagi kad kredit pada bulan Mac 2011 untuk individu yang memperoleh pendapatan kasar bulanan sebanyak RM3,000 dan ke bawah. Bilangan kad dan jumlah kredit yang diberikan kepada individu ini telah dihadkan, berpadanan dengan keupayaan mereka untuk membayar balik hutang. Susulan langkah yang diambil ini, pertumbuhan baki pusingan kad kredit menjadi sederhana dengan nyata kepada 11.9% di antara bulan April-Disember 2011 (Mac 2011: 20.3%). Walaupun permohonan baharu untuk kad kredit meningkat kepada 2.5 juta (2010: 2.4 juta), bilangan kad yang diluluskan telah menurun kepada 1.2 juta (2010: 1.3 juta), menghasilkan nisbah kelulusan berbanding dengan permohonan yang lebih rendah sebanyak 49.1% (2010: 55.1%). Meskipun baki pinjaman terkumpul kad kredit telah meningkat pada tahun 2011 (8.7%), sebahagian daripadanya disebabkan oleh jumlah transaksi runcit kad kredit yang lebih besar memandangkan lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan kad kredit sebagai instrumen pembayaran. Dari segi tingkah laku bayaran balik, secara purata, kira-kira 30% daripada pemegang kad kredit menyelesaikan baki mereka sepenuhnya, manakala hampir 50% menyelesaikan sekurang-kurangnya bayaran minimum 5% daripada jumlah baki terkumpul dengan segera setiap bulan. Dari segi jumlah, kira-kira 60% daripada jumlah keseluruhan yang dibelanjakan setiap bulan telah diselesaikan sepenuhnya pada bulan yang berikutnya.

Bagi kumpulan isi rumah berpendapatan lebih rendah yang lebih terdedah kepada kemungkinan masalah kewangan, pengaturan keinstitusian diwujudkan dan beroperasi dengan berkesan untuk memberi ruang perbincangan dan interaksi awal semasa tempoh tekanan kewangan, termasuk melalui perundingan, penyusunan semula dan penggabungan hutang yang telah membantu membendung tahap kebarangkalian mungkir dan sejauh mana kerugian yang dialami. Semua pengaturan ini telah diwujudkan selepas Krisis Kewangan Asia dan termasuk juga dasar pemulihan awal oleh institusi perbankan dan AKPK. Pada tahun 2011, 12,633 peminjam dengan pinjaman terkumpul berjumlah RM1.07 bilion telah mendaftar dengan Program Pengurusan Hutang AKPK. Sejak penubuhannya, AKPK telah membantu lebih daripada 50,000 peminjam dengan pinjaman terkumpul berjumlah RM4.9 bilion bagi mengawal hutang mereka, sekali gus mengelakkan masalah kewangan. Berbanding dengan Krisis Kewangan Asia, bank-bank juga terus memainkan peranan yang lebih proaktif dalam perbincangan dan interaksi dengan peminjam yang mengalami masalah kewangan, yang telah membantu dalam mengelakkan kejadian kemungkiran yang lebih luas.

Usaha untuk membendung keberhutangan isi rumah yang berlebihan dan seterusnya memelihara kemampanan dan asas kewangan sektor isi rumah dilaksanakan secara holistik dan bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan utama

Kes kebankrapan juga menunjukkan trend yang sederhana dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, khususnya pada tahun 2011 apabila bilangan kes meningkat pada kadar 5.8% (19,167 kes baharu) berbanding dengan 11.7% (18,119 kes baharu) pada tahun sebelumnya. Kes baharu ini hanya mencakupi 0.3% daripada jumlah peminjam bank.

Kerajaan telah menyedari cabaran getir yang dihadapi oleh segmen isi rumah yang tertentu dalam persekitaran kos sara hidup yang kian meningkat, dan telah melaksanakan pelbagai langkah pada tahun 2011 untuk menyokong isi rumah berpendapatan rendah dalam menghadapi cabaran ini (Jadual 1.5 dan 1.6). Langkah tambahan oleh Bank (Jadual 1.7) termasuk Program POWER! dan pelaksanaan

Jadual 1.5

Langkah yang Diambil oleh Kerajaan

<table>
<tr><th>Objektif</th><th>Langkah</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Untuk memastikan kemampanan perumahan mampu milik</td><td>Menyusun semula struktur Cukai Untung Harta Tanah (Real Property Gains Tax, RPGT) untuk membendung aktiviti spekulatif:
<table>
<tr><th>Harta kediaman yang dijual</th><th>Kadar RPGT</th></tr>
<tr><td>0 sehingga 2 tahun</td><td>10%</td></tr>
<tr><td>Lebih daripada 2 sehingga 5 tahun</td><td>5%</td></tr>
<tr><td>Lebih daripada 5 tahun</td><td>0%</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku dan Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Untuk menambah baik sistem pengangkutan awam</td><td>Meningkatkan kebolehpercayaan dan kekerapan bas awam</td></tr>
<tr><td>Mengintegrasikan pengangkutan awam di pusat bandar</td></tr>
<tr><td>Meningkatkan pengangkutan rel awam kawasan bandar untuk jangka masa panjang termasuk:
• Pelancaran laluan MRT Sungai Buloh - Kajang
• Memanjangkan laluan sedia ada LRT Kelana Jaya dan Ampang</td></tr>
<tr><td rowspan="4">Untuk menyediakan bantuan kewangan kepada sub segmen isi rumah yang terpilih</td><td>Memperkenalkan skim SARA 1Malaysia yang disasarkan kepada isi rumah yang berpendapatan <RM3,000 sebulan</td></tr>
<tr><td>Menambah baik struktur ganjaran untuk penjawat awam dan menstruktur semula skim pencen tahunan untuk pesara awam</td></tr>
<tr><td>Bantuan kewangan sekali sahaja contohnya bantuan wang tunai RM500 untuk isi rumah yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM3,000</td></tr>
<tr><td>Bantuan persekolahan RM100 untuk pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah
Baucar buku bernilai RM200 untuk penuntut institusi pendidikan tinggi</td></tr>
</table>

Jadual 1.6

Program Pemilikan Rumah oleh Kerajaan

Skim Rumah Pertamaku dan Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang diperkenalkan oleh Kerajaan bertujuan untuk menggalakkan pemilikan rumah bagi golongan berpendapatan rendah sehingga sederhana pada harga yang mampu milik. Bagi memastikan skim ini tidak menambahkan beban hutang yang keterlaluan kepada individu dan obligasi pembayaran balik berada dalam kemampuan individu berkenaan, permohonan untuk pinjaman tersebut akan tertakluk kepada standard perunderaitan dan penilaian kebolehpercayaan kredit yang sama seperti bakal peminjam bank yang lain. Ini merupakan pertimbangan yang penting untuk memastikan bahawa sektor isi rumah, terutama sekali kumpulan sasaran ini, tidak menjadi sumber ketidakstabilan pada masa hadapan.

Skim Rumah Pertamaku disasarkan kepada golongan muda yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan untuk membeli harta kediaman pertama mereka yang berada dalam julat harga antara RM100,000 sehingga RM220,000 (dinaikkan kepada RM400,000 sejak bulan Januari 2012 bagi membolehkan pinjaman bersama oleh pasangan suami dan isteri dengan jumlah pendapatan bulanan tidak melebihi RM6,000). Di bawah skim ini, Cagamas Berhad akan menyediakan insurans terhadap pembayaran pendahuluan 10%.

Perbadanan Program Perumahan 1Malaysia ialah satu-satunya agensi yang merancang dan menyelaras projek PR1MA yang disasarkan khusus untuk golongan berpendapatan sederhana. Agensi ini bertanggungjawab untuk memantau pembinaan dan pengagihan rumah di bawah skim ini kepada pembeli rumah pertama yang berpendapatan RM6,000 ke bawah sebulan. Peminjam yang layak akan mendapat manfaat daripada pengecualian duti setem atas instrumen pinjaman untuk pembelian rumah.

Jadual 1.7

Langkah yang Diperkenalkan oleh Bank

<table>
<tr><th>Objektif</th><th>Langkah</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Dasar kehematan makro untuk memastikan pengembangan kredit yang berhemat</td><td>Wajaran risiko yang lebih tinggi untuk pinjaman peribadi >5 tahun, pinjaman perumahan dengan LTV>90%, untuk meningkatkan daya tahan bank terhadap portfolio berisiko</td></tr>
<tr><td>Kertas Konsep mengenai Garis Panduan Mengenai Penentuan Harga Berpengetahuan Risiko untuk Pinjaman/ Pembiayaan Runcit bagi memastikan penentuan harga produk kewangan setara dengan risiko yang diandaikan</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Untuk menggalakkan tingkah laku individu dan institusi kewangan yang bertanggungjawab</td><td>Program POWER! yang disasarkan kepada golongan muda yang bekerja</td></tr>
<tr><td>Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab disasarkan bagi menggalakkan standard pengunderaitan yang lebih ketat bagi bank. Keperluan yang sama telah diperpanjangkan kepada koperasi dan institusi kredit perumahan</td></tr>
<tr><td>Syarat kad kredit yang lebih ketat untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan kad kredit</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Untuk menggalakkan pasaran harta tanah yang mampan dan membendung tingkah laku spekulatif</td><td>Nisbah LTV yang maksimum sebanyak 70% untuk pinjaman perumahan yang ketiga dan ke atas, bagi mengawal aktiviti spekulatif dalam pasaran harta kediaman</td></tr>
<tr><td>Mengenakan LTV sebanyak 60% untuk pinjaman perumahan oleh bukan individu bagi menyeragamkan syarat bagi semua peminjam</td></tr>
</table>

Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab yang bertujuan untuk menggalakkan amalan pinjaman dan pembiayaan yang bertanggungjawab (lihat Bab 3). Secara kolektif, langkah ini berperanan untuk memastikan bahawa kumpulan isi rumah berpendapatan rendah ini khususnya, dan sektor isi rumah secara amnya, tidak menjadi punca kelemahan terhadap sistem kewangan dan ekonomi pada masa hadapan.

Walaupun sistem perbankan kekal sebagai pemberi pinjaman utama kepada isi rumah dan menyumbang sebanyak 85% kepada jumlah pinjaman isi rumah, tahap aktiviti penyedia pinjaman bukan bank yang meningkat dalam tempoh kebelakangan ini menuntut tindak balas yang bersepadu terhadap perkembangan dalam sektor isi rumah. Sehubungan dengan itu, Bank telah meningkatkan interaksinya dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia serta agensi dan jabatan Kerajaan yang berkaitan serta secara langsung dengan penyedia pinjaman bukan bank utama kepada isi rumah. Ini berterusan sepanjang tahun 2011, dengan persetujuan dicapai dengan koperasi dan institusi kredit perumahan mengenai penggunaan aspek penting penilaian kemampuan membayar yang terselaras di bawah Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab. Di samping itu, usaha sedang dilaksanakan ke arah membangunkan pangkalan data isi rumah yang bersepadu, yang menggabungkan data pendapatan dan hutang di peringkat negara yang akan menyokong penilaian yang lebih mantap dan terperinci bagi risiko dan kelemahan dalam sektor isi rumah.

MENGURUSKAN PENULARAN DARIPADA PERKEMBANGAN LUARAN

Perkembangan luaran yang memberikan kesan kepada sistem kewangan Malaysia berpunca terutamanya daripada pergolakan semula dalam pasaran kewangan global sepanjang tahun 2011 akibat peningkatan kebimbangan terhadap ketidaktentuan berkaitan penyelesaian hutang kerajaan di Eropah, dan sebahagian kecilnya di Amerika Syarikat. Ini telah mengakibatkan gangguan dalam pasaran pendanaan dalam bentuk kos pendanaan yang lebih tinggi dan penguncupan dalam mudah tunai pasaran. Keadaan ini meningkatkan lagi tekanan terhadap bank-bank global yang mempunyai dedahan besar kepada negara-negara pinggiran di Eropah dan yang lebih bergantung pada pendanaan borong jangka pendek. Kedudukan modal bank-bank Eropah juga mengalami tekanan yang besar akibat peningkatan kerugian kredit dan pasaran dalam keadaan ekonomi yang lemah dan peningkatan turun naik dalam pasaran kewangan, serta keperluan pengawalseliaan yang lebih ketat di bawah Basel III. Ini seterusnya menimbulkan kebimbangan terhadap penyahleveraj (deleveraging) oleh bank-bank Eropah akan menyekat lagi ketersediaan kredit dan mengakibatkan kesan negatif kepada ekonomi benar.

Sistem kewangan Malaysia telah menangani ketidaktentuan dan cabaran yang dicetuskan oleh persekitaran luar dengan baik. Ini kerana bank-bank di Malaysia mempunyai dedahan yang terhad kepada rakan niaga di Eropah dan pergantungan yang rendah pada pendanaan borong di luar pesisir. Aktiviti penyahleveraj oleh institusi kewangan yang berpusat di Eropah dijangka tidak akan memberikan kesan negatif yang ketara kepada pengantaraan dan kestabilan kewangan domestik secara keseluruhan

Walaupun tidak terlindung daripada perkembangan luaran, impak kepada sistem kewangan Malaysia terbendung dengan baik. Ini disokong oleh: (i) pengantaraan aliran portfolio jangka pendek yang teratur; (ii) pergantungan yang rendah oleh institusi perbankan di Malaysia pada pendanaan luar di pasaran borong luar pesisir; (iii) dedahan kredit yang terhad oleh institusi kewangan kepada rakan niaga di Eropah termasuk syarikat perniagaan; (iv) kesan yang terhad daripada aktiviti penyahleveraj oleh bank-bank Eropah; dan (v) operasi institusi perbankan Malaysia di luar pesisir yang disokong oleh kedudukan modal dan pendanaan yang kukuh.

Pengantaraan aliran portfolio jangka pendek yang teratur

Pencarian terhadap kadar hasil dalam persekitaran kadar faedah global yang rendah dan penghindaran risiko yang meningkat dalam ekonomi maju utama telah menyebabkan peningkatan yang ketara dalam aliran pelaburan portfolio ke Malaysia pada separuh pertama tahun 2011. Hasilnya, pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM56.4 bilion, lebih dua kali ganda berbanding dengan jumlah yang tercatat pada tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Ketidakpastian yang bertambah ketara, khususnya di Eropah, menyebabkan aliran keluar pada pertengahan kedua tahun 2011. Ini menyebabkan aliran masuk bersih secara keseluruhan sebanyak RM30.3 bilion pada tahun 2011, yang tertumpu terutamanya dalam pasaran sekuriti hutang awam. Dengan itu, pemegangan sekuriti hutang awam oleh bukan pemastautin meningkat kepada 29.9% daripada jumlah sekuriti hutang awam terkumpul pada akhir tahun 2011 (akhir tahun 2010: 24%), kebanyakannya dipegang dalam Nota Monetari Bank Negara (BNMN) dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS). Pemegangan sekuriti ekuiti oleh bukan pemastautin, diukur sebagai sebahagian daripada bilangan saham terkumpul, kekal stabil (akhir tahun 2011: 17.6%; akhir tahun 2010: 17.1%). Meskipun permintaan yang kukuh bagi MGS mendorong sedikit sebanyak kenaikan harga, dengan kadar hasil yang menurun dalam spektrum tempoh kematangan yang lebih pendek, pasaran kewangan domestik yang lebih meluas dan lebih pelbagai menyokong pengantaraan aliran masuk modal jangka pendek dengan lancar tanpa menjejaskan pasaran kewangan domestik (Rajah 1.15, 1.16 dan 1.17). Turun naik dalam pasaran ekuiti domestik meningkat dan berpurata 11.6% pada separuh kedua tahun 2011 (ST1 2011: 9%) tetapi kekal jauh lebih rendah berbanding dengan paras yang dicatat pada kemuncak Krisis Kewangan Global pada tahun 2008 (20.9%). Berbanding dengan pasaran ekuiti serantau, turun naik FBM KLCI juga jauh lebih rendah kira-kira separuh daripada paras turun naik yang dicatat pada peringkat serantau (Rajah 1.18). Meskipun turun naik yang nyata mengakibatkan beberapa pelabur institusi domestik yang besar mengurangkan pemegangan ekuiti pada tahun 2011, kesan terhadap keadaan pasaran adalah terhad. Pada akhir tahun 2011, pelaburan portfolio kumpulan wang simpanan dan pencen mencakupi 11.1% daripada permodalan pasaran Bursa Malaysia dan 25.1% daripada sekuriti hutang terkumpul (2010: masing-masing 10.5% dan 25.9%) (Rajah 1.19).

Rajah 1.15

Pasaran Kewangan: Kadar Hasil MGS



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.16

Pasaran Kewangan: Spread Bida-tawar Purata Ekuiti dan MGS



Sumber: Bloomberg dan Reuters

Rajah 1.17

Pasaran Kewangan: Nisbah Pusing Ganti Bulanan MGS



Sumber: Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

Rajah 1.18

Pasaran Kewangan: Turun Naik Pasaran Ekuiti Domestik Berbanding dengan Tanda Aras Serantau



*Indeks MSCI Asia Pasifik kecuali Jepun ialah indeks wajaran permodalan yang memantau prestasi stok dari rantau Asia Pasifik kecuali Jepun

Sumber: Bloomberg

Rajah 1.19

Komposisi Aset untuk Industri Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen



Sumber: Kaji selidik Bank Negara Malaysia

Rajah 1.20

Sistem Perbankan: Komposisi Portfolio Sekuriti



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank-bank di Malaysia kekal berhemat dengan tiada bukti yang menunjukkan terdapatnya perubahan yang ketara dalam tingkah laku pengambilan risiko atau peningkatan kesanggupan untuk mengambil risiko pasaran tidak terlindung yang besar. Meskipun terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam pasaran domestik dan pembezaan besar kadar faedah yang berterusan antara ekonomi sedang pesat membangun dengan ekonomi maju, bank-bank tidak mengambil risiko yang berlebihan. Ini dicerminkan oleh dedahan kadar faedah agregat sistem perbankan yang secara relatifnya stabil pada tahun 2011. Bank kekal aktif dalam penggunaan instrumen derivatif untuk melindung nilai dan menguruskan risiko kadar faedah, menghasilkan jumlah nominal terkumpul kontrak derivatif kadar faedah yang lebih tinggi, yang berkembang sebanyak 7.4% kepada RM706.6 bilion pada akhir tahun 2011. Saiz risiko asas kekal terurus, dengan spread antara MGS dengan kadar swap kadar faedah tertumpu secara progresif untuk semua tempoh kematangan menjelang akhir tahun 2011. Meskipun turun naik yang lebih tinggi dalam pasaran bon, kedudukan wajaran durasi risiko kadar faedah bagi bank-bank tidak berubah untuk mencakupi 4.9% daripada modal asas pada akhir tahun 2011.

Meskipun portfolio dagangan bank berkembang sebanyak 14.4% pada tahun 2011 disebabkan oleh pemegangan aset seperti instrumen deposit boleh niaga (NID) dan sekuriti Bank yang lebih tinggi, komposisi struktur aset perbendaharaan bank dalam denominasi ringgit dan mata wang asing sebahagian besarnya kekal tidak berubah. Pemegangan sekuriti kerajaan dan Bank terus meningkat dalam akaun dagangan bank, berkembang sebanyak 2.3% untuk mencakupi

Rajah 1.21

Sistem Perbankan: Risiko Ekuiti dan Kadar Faedah (% daripada Modal Asas)



Sumber: Bank Negara Malaysia

53.1% daripada portfolio sekuriti sistem perbankan (Rajah 1.20). Pemegangan ekuiti oleh bank menurun pada tahun 2011 untuk mencakupi 0.9% daripada jumlah modal asas pada akhir tahun 2011 (2010: 1.2% daripada jumlah modal asas) (Rajah 1.21). Pengurusan kedudukan risiko pasaran yang aktif membolehkan institusi perbankan mencatat keuntungan bersih yang berterusan daripada aktiviti dagangan dan portfolio pelaburan yang masing-masing berkembang sebanyak 30.1% dan 44.3% pada tahun 2011.

Dalam industri insurans, komposisi aset dana insurans (termasuk perniagaan takaful) kekal stabil dengan sekuriti hutang swasta (PDS) terus menjadi komponen aset terbesar (akhir tahun 2011: 37.3%; akhir tahun 2010: 38.6% daripada jumlah aset). Dedahan risiko pasaran dan kredit daripada pemegangan PDS kekal terurus dengan sebahagian besarnya (88.1%) merupakan kertas gred tinggi (taraf `A´ ke atas). Penanggung insurans mengurangkan pemegangan ekuiti pada tahun 2011 kepada RM29 bilion atau 14.7% daripada aset pada akhir tahun 2011 (2010: RM30.1 bilion atau 16.5% aset industri), dan lebih tertumpu kepada aset yang kurang berisiko seperti MGS dan deposit tetap, masing-masing mencakupi 17% dan 13.6% daripada jumlah aset industri (2010: masing-masing 15.5% dan 11.2%). Pengimbangan semula pelaburan mengekalkan dedahan risiko pasaran penanggung insurans pada 12.6% daripada modal tersedia (2010: 12.5%). Risiko kadar faedah daripada pelaburan yang lebih tinggi dalam MGS diimbangi sebahagiannya oleh dedahan risiko ekuiti yang lebih rendah. Secara kolektif, risiko ekuiti dan kadar faedah mencakupi 84.6% daripada jumlah dedahan risiko pasaran penanggung insurans (Rajah 1.22 dan 1.23).

Kedudukan terbuka bersih mata wang asing keseluruhan sistem perbankan kekal terurus pada 7.2% daripada modal asas pada akhir tahun 2011 (akhir tahun 2010: 8.9%) (Rajah 1.24). Kedudukan terbuka ini disebabkan terutamanya oleh swap mata wang dan kontrak urus niaga hadapan yang timbul daripada permintaan yang berterusan oleh perniagaan untuk mengurus dengan lebih baik risiko berkaitan kadar pertukaran, urus niaga antara bank, serta pemberian pinjaman dalam mata wang asing (Rajah 1.25). Bank bertindak secara proaktif dalam pengurusan dedahan ini, terutama sekali dengan keadaan mudah tunai dolar AS global yang bertambah ketat, menyebabkan kedudukan terbuka bersih dolar AS yang terurus sebanyak 1.2% daripada modal asas pada akhir tahun 2011 (2010: 1.7%). Kedudukan bersih dalam mata wang utama yang lain seperti euro, dolar Hong Kong, dolar Singapura dan rupiah Indonesia masing-masing kurang daripada 1% daripada modal asas. Sejumlah kecil bank yang menunjukkan kedudukan

Rajah 1.22

Sektor Insurans: Komposisi Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.23

Sektor Insurans: Komponen Dedahan Risiko Pasaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.24

Sistem Perbankan: Kedudukan Terbuka Bersih Mata Wang Asing



Nota: Pengiraan kedudukan terbuka bersih mata wang asing kepada modal asas adalah berdasarkan *Basel II Standardised Approach for Market Risk* untuk risiko pertukaran asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

terbuka bersih yang lebih luas telah mengurangkan dedahan mata wang asing pada separuh kedua tahun 2011 dengan jangkaan bahawa pergerakan mata wang akan lebih tidak menentu. Ketidakpadanan mudah tunai keseluruhan sistem perbankan kekal terurus, disokong oleh penampan mudah tunai yang kukuh pada 18.3% daripada jumlah deposit pelanggan untuk tempoh kematangan kurang daripada seminggu (Rajah 1.26). Jurang mudah tunai mata wang asing sistem perbankan meluas untuk sementara pada suku keempat berikutan aliran portfolio yang bertukar arah tetapi kekal berada di bawah paras tertinggi yang dicatat pada tahun 2008. Jurang negatif mudah tunai mata wang asing untuk kelompok kematangan kurang daripada satu bulan semakin berkurang kepada RM8.9 bilion pada akhir tahun 2011 (akhir tahun 2010: RM13.9 bilion) (Rajah 1.27). Dedahan sektor insurans kepada aset asing kekal kecil pada 8.5% daripada modal asas. Dana insurans yang dilaburkan (tidak termasuk dana yang menyokong perniagaan di luar negara) di luar negara tertakluk kepada had kehematan 10% daripada jumlah aset untuk setiap dana.

Ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan memberikan kesan yang terhad terhadap kedudukan kewangan perniagaan di Malaysia. Syarikat Malaysia yang mempunyai pinjaman asing yang besar mendapat manfaat daripada pengukuhan ringgit pada tujuh bulan pertama tahun ini dengan jumlah pembayaran hutang yang lebih rendah dalam nilai ringgit. Meskipun, syarikat yang dipacu oleh hasil eksport terjejas oleh penerimaan dalam ringgit yang lebih rendah disebabkan oleh dolar AS yang lemah, namun permintaan luar negeri yang mampan dan harga komoditi yang kukuh pada tahun 2011 menyokong sektor perniagaan untuk mengekalkan keberuntungan secara keseluruhan. Walaupun pinjaman luar syarikat Malaysia meningkat sebanyak 8%, yang kebanyakannya dalam pinjaman dolar AS, namun ini tidak menandakan peningkatan menyeluruh dalam pergantungan terhadap pinjaman luar. Malah, kedudukan hutang luaran secara keseluruhan (pinjaman dan sekuriti hutang) syarikat Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan tahun 2008-2009 (Rajah 1.28 dan 1.29). Pengembangan di luar negara oleh syarikat yang lebih besar terus dibiayai secara dalaman menerusi peminjaman antara syarikat atau peminjaman daripada sistem perbankan domestik atau pasaran modal. Dedahan perniagaan kepada pergerakan

Rajah 1.25

Sistem Perbankan: Aktiviti Perlindungan Nilai oleh Entiti Bukan Bank Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.26

Sistem Perbankan: Penampan Mudah Tunai



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.27

Sistem Perbankan: Ketidakpadanan Mudah Tunai Mata Wang Asing



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.28

Sektor Perniagaan: Pinjaman Luar Negeri dalam Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.29

Sektor Perniagaan: Sekuriti Hutang Luar Negeri dalam Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia

pertukaran asing, terutama sekali dalam industri berorientasikan eksport seperti elektronik dan elektrikal (E&E) dan sektor minyak sawit, juga kebanyakannya dilindung nilai. Baki dedahan kredit sistem perbankan kepada industri yang berasaskan sumber berorientasikan eksport dengan kedudukan nilai terbuka kekal terhad pada kurang 5% daripada pinjaman perniagaan terkumpul.

Kesan yang terhad daripada keadaan mudah tunai dolar AS global yang lebih ketat

Walaupun tekanan mudah tunai dalam pasaran wang zon euro menjejaskan sebahagian besar keadaan pendanaan dolar AS dalam kebanyakan pasaran Asia (Rajah 1.30 dan 1.31), namun sektor perbankan Malaysia tidak terjejas dengan ketara. Berbanding dengan bank serantau, institusi perbankan di Malaysia kurang bergantung pada pendanaan luar, termasuk pendanaan daripada pasaran borong luar pesisir, yang mencakupi kurang daripada 9% daripada jumlah pendanaan dan dengan itu, kurang terdedah kepada perkembangan buruk dalam pasaran pendanaan antarabangsa (Rajah 1.32). Struktur pendanaan berasaskan ringgit di kalangan institusi perbankan di Malaysia telah disokong dengan baik oleh pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam simpanan dan deposit, serta mudah tunai domestik yang lebih daripada mencukupi. Ini mengehadkan keperluan untuk pendanaan mata wang bersilang (meminjam dalam satu

Rajah 1.30

Risiko Pendanaan dan Risiko Mudah Tunai Dolar Kawasan Euro



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.31

Spread Swap Asas Mata Wang Bersilang Negara Asia Terpilih



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.32

Sistem Perbankan: Pendanaan Luar Negeri kepada Jumlah Pendanaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.33

Sistem Perbankan: Aset dan Liabiliti dalam Denominasi Mata Wang Asing



* Dalam jumlah nosional

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.34

Perbandingan antara Negara bagi Nisbah Pinjaman kepada Deposit Mata Wang Asing Bank-bank



Sumber: Moody's Investors Service dan Bank Negara Malaysia

mata wang untuk membiayai aset dalam mata wang yang lain) daripada pasaran borong luar pesisir untuk menyokong pertumbuhan kredit. Dengan itu, jurang pendanaan mata wang asing sistem perbankan kekal stabil dan kecil pada RM5.8 bilion atau 3.5% daripada modal asas (Rajah 1.33). Selain itu, institusi perbankan di Malaysia juga tidak mengumpul ketidakpadanan mata wang atau ketidakpadanan kematangan merentas sempadan yang berlebihan daripada dedahan luarannya kepada rakan niaga bukan pemastautin. Walaupun terdapat peningkatan permintaan terhadap pinjaman mata wang asing oleh bank asing dan entiti bukan bank pada tahun 2011 (+57.7%), pinjaman bukan ringgit oleh institusi perbankan di Malaysia kekal kecil pada 2% daripada jumlah aset dan disokong dengan baik oleh pertumbuhan yang kukuh (+24%) dalam deposit mata wang asing pada tahun 2011 (Rajah 1.34). Di samping itu, tuntutan luar negeri sistem perbankan terus melebihi tanggungan luar negeri, mencerminkan kedudukan aset luar negeri bersih yang secara relatifnya stabil dan seimbang terhadap dedahan dalam denominasi dolar AS, dolar Singapura, euro dan mata wang asing yang lain (Rajah 1.35). Memandangkan pengumpulan pelaburan dalam denominasi dolar AS yang dibiayai oleh peminjaman tidak bercagar jangka pendek adalah terhad, institusi perbankan di Malaysia kurang terjejas oleh peningkatan risiko *``roll-over´´* yang mungkin timbul daripada gangguan seterusnya dalam pasaran pendanaan borong dolar AS.

Walau bagaimanapun, kesan limpahan yang sederhana daripada keadaan dolar AS yang lebih ketat di kawasan euro dirasai dalam pasaran domestik. Peningkatan umum dalam penghindaran risiko dan seterusnya aliran keluar dana asing menyebabkan sikap yang lebih berhati-hati di kalangan bank Malaysia pada separuh kedua tahun 2011 bagi memelihara dana mata wang asing untuk keperluan sendiri. Kesan daripada keadaan mudah tunai dolar AS di pesisir yang lebih ketat ini menyebabkan kadar swap mata wang bersilang USD/RM 5 tahun makin melebar kepada 240 mata asas di bawah KLIBOR iaitu paras tertinggi sejak tahun 2008 (200 mata asas). Sebagai tindak balas kepada perkembangan ini, bank-bank lebih proaktif dalam menguruskan dedahan dolar AS, termasuk menerusi pengurusan mudah tunai berpusat dana dolar AS dalam kumpulan perbankan, pemantauan yang lebih rapi terhadap ketidakpadanan kematangan dolar AS serta mengehadkan pengumpulan aset mata

Rajah 1.35

Sistem Perbankan: Kedudukan Luaran Bersih mengikut Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.36

Sistem Perbankan: Ketidakpadanan Mudah Tunai Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.37

Sistem Perbankan: Kadar Antara Bank Konvensional dan Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

wang asing jangka lebih panjang yang baharu. Bank-bank yang mempunyai dedahan yang lebih besar juga meningkatkan pendanaan jangka sederhana untuk memastikan komposisi dana mata wang asing mengikut kematangan yang lebih seimbang. Tindak balas awal oleh bank-bank telah memastikan ketidakpadanan mudah tunai dolar AS secara keseluruhan dalam sistem perbankan kekal rendah berbanding dengan tempoh sebelum berlakunya kemuncak Krisis Kewangan Global pada tahun 2008 (Rajah 1.36). Penggunaan secara meluas kemudahan deposit Bank Pusat Eropah (European Central Bank, ECB) oleh institusi perbankan di kawasan euro menunjukkan kemunculan semula peningkatan kebimbangan rakan niaga antara bank, melonjakkan spread Euribor-OIS ke paras yang paling besar semenjak bulan April 2009. Walaupun kebanyakan cawangan bank-bank Eropah yang beroperasi di seluruh kawasan euro menghadapi lebih banyak tekanan pendanaan disebabkan oleh penarikbalikan pembiayaan intrakumpulan pada peringkat induk, subsidiari bank-bank Eropah yang diperbadankan di Malaysia (locally-incorporated European banks, LIEB), yang membiayai operasi domestik terutamanya menerusi deposit dalam ringgit, terus beroperasi dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Kadar antara bank dalam ringgit terus kekal stabil untuk semua tempoh kematangan sepanjang tahun, tanpa tanda-tanda segmentasi atau penghindaran risiko rakan niaga yang meningkat untuk LIEB yang beroperasi di Malaysia (Rajah 1.37).

Penambahbaikan jaring keselamatan kewangan, pada peringkat domestik dan serantau, telah memperkukuh daya tahan sistem perbankan terhadap kemungkinan keadaan pendanaan yang bertambah buruk. Di samping Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai, iaitu pengaturan swap mata wang multilateral di kalangan negara ASEAN campur tiga, pembentukan pengaturan gadaian salingan merentas sempadan antara Bank dengan beberapa bank pusat di rantau ini menambahkan lagi saluran bagi institusi kewangan serantau yang aktif untuk menguruskan keperluan mudah tunai mereka dengan lebih cekap dalam semua pasaran. Ini juga berperanan untuk mengatasi kejutan pendanaan yang mungkin disebarluaskan daripada sebarang kekurangan mudah tunai mata wang asing yang berskala global. Bank juga telah menambah senarai cagaran yang layak dan boleh disandarkan oleh institusi kewangan untuk memperoleh mudah tunai ringgit daripada

Bank, yang sebelum ini terhad kepada sekuriti dalam denominasi ringgit sahaja, untuk meliputi sekuriti dalam denominasi mata wang asing yang diterbitkan oleh kerajaan dan bank-bank pusat dari negara ahli Executive's Meeting of East Asia Pacific Central Banks (EMEAP) serta sekuriti terbitan bank pembangunan multilateral dalam denominasi dolar AS, euro, yen dan paun sterling.

Risiko kredit yang terhad daripada tuntutan luaran institusi-institusi kewangan dan dedahan kepada industri domestik berorientasikan eksport yang mempunyai hubungan perdagangan dengan negara-negara Eropah

Tuntutan luaran oleh institusi perbankan di Malaysia terhadap semua rakan niaga berdomisil di Greece, Ireland, Itali, Portugal dan Sepanyol (GIIPS) kekal terhad pada RM0.2 bilion atau 0.1% daripada jumlah dedahan aset luaran (Rajah 1.38). Kira-kira 87% daripada tuntutan ini adalah dalam bentuk pinjaman jangka panjang kepada entiti swasta bukan bank, manakala bakinya terdiri daripada deposit antara bank dan baki akaun nostro dengan bank koresponden untuk memudahkan urusan penyelesaian mata wang (Rajah 1.39). Dengan andaian 100% kerugian akibat mungkir bagi semua dedahan aset kepada GIIPS, potensi kerugian kredit kepada institusi perbankan di Malaysia hanya akan berjumlah 0.1% daripada modal asas. Kesan simulasi pada peringkat bank individu juga kecil, dalam julat 0.01% hingga 1.3% daripada modal asas. Tuntutan terhadap GIIPS yang bersumber daripada institusi perbankan luar pesisir di Labuan hanya berjumlah RM4 juta.

Meskipun peningkatan hutang kerajaan dan kebimbangan sektor perbankan telah meluas di luar ekonomi pinggiran yang mudah terjejas, dedahan aset luaran sistem perbankan Malaysia kepada rakan niaga Eropah yang lain juga terkawal dengan baik. Tuntutan luaran institusi perbankan Malaysia terhadap negara Eropah yang lain (kecuali GIIPS) berjumlah RM23 bilion dan mencakupi 1.3% daripada jumlah aset atau 16.8% daripada jumlah aset luaran sistem perbankan. Dedahan luaran kepada Eropah (kecuali GIIPS), temasuklah tuntutan daripada institusi perbankan di Labuan yang berjumlah RM4.8 bilion, mencakupi 15.5% daripada jumlah aset luaran kedua-dua bank pesisir dan luar pesisir. Kira-kira 63% daripada tuntutan tersebut merupakan tuntutan terhadap rakan niaga di Jerman, Perancis dan United Kingdom (EU-3)

Rajah 1.38

Sistem Perbankan: Komposisi Tuntutan Luaran Mengikut Rantau atau Negara



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.39

Sistem Perbankan: Komposisi Tuntutan terhadap GIIPS mengikut Rakan Niaga dan Instrumen



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan terdiri terutamanya daripada penempatan deposit antara bank dan baki akaun nostro yang dipegang oleh bank domestik dan LIEB (Rajah 1.40). Penurunan penarafan dan kemerosotan permodalan pasaran bank-bank kawasan euro pada tahun 2011 tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap kedudukan modal institusi perbankan di Malaysia kerana penarafan antarabangsa rakan niaga Eropah secara amnya dikekalkan. Tuntutan lain yang timbul daripada urus niaga derivatif, pemegangan instrumen pasaran wang, sekuriti hutang dan ekuiti yang diterbitkan oleh rakan niaga Eropah (kecuali GIIPS) sebahagian besarnya tertumpu pada bank EU-3 dan kekal sangat kecil, iaitu tidak melebihi 0.2% daripada jumlah aset atau 2.1% daripada modal

Rajah 1.40

Sistem Perbankan: Komposisi Tuntutan Luaran terhadap Eropah (tidak termasuk GIIPS) Mengikut Rakan Niaga dan Instrumen



Sumber: Bank Negara Malaysia

asas. Jika berlaku peningkatan turun naik pasaran, potensi kerugian perdagangan dan penilaian yang dialami oleh institusi perbankan di Malaysia daripada dedahan itu adalah terhad. Di samping itu, dedahan risiko kredit daripada pinjaman bertempoh yang diberikan kepada syarikat swasta bukan bank di dalam kawasan euro (kecuali GIIPS) yang mungkin akan terjejas oleh prospek pertumbuhan yang lebih lemah di rantau itu hanya mencakupi 1.8% daripada modal asas. Institusi perbankan di Malaysia juga kurang terdedah kepada kerugian penilaian yang timbul daripada pergerakan mata wang euro yang tidak menentu, disebabkan tuntutan luaran dalam euro yang terus menurun pada tahun 2011 untuk mencakupi 1.7% daripada modal asas (akhir tahun 2010: 3.3% daripada modal asas).

Pelaburan luar oleh sektor insurans Malaysia (termasuk perniagaan takaful) kekal kecil pada RM5.4 bilion atau 2.6% daripada jumlah aset atau 8.5% daripada modal tersedia. Hampir separuh daripada aset asing dilaburkan di Asia. Daripada jumlah ini, dedahan pelaburan luar kepada Eropah pada tahun 2011 hanya berjumlah RM0.5 bilion (2010: RM1.2 bilion), mewakili 0.3% daripada jumlah aset atau 0.8% daripada jumlah modal tersedia (Rajah 1.41). Aset-aset ini dilaburkan terutamanya dalam bon korporat dan dana ekuiti swasta, sementara penanggung insurans mengurangkan pelaburan langsung dalam pasaran ekuiti akibat turun naik pasaran meningkat pada tahun 2011. Tiada pelaburan dicatat dalam entiti berpangkalan di GIIPS, dengan RM0.4 bilion dilaburkan di Jerman dan United Kingdom (Rajah 1.42).

Penanggung insurans Malaysia menginsurans semula sebahagian besar risiko yang diunderait dalam pasaran insurans semula global, sama ada secara langsung atau menerusi penempatan insurans semula dengan cawangan penanggung insurans semula asing di Malaysia. Ini adalah lebih ketara untuk risiko besar dan khusus dalam kelas perniagaan penerbangan, minyak & gas dan kejuruteraan, dengan premium insurans semula masing-masing berjumlah 93.6%, 93.4% dan 56.2% daripada jumlah premium. Selain keadaan pelaburan dan operasi yang semakin mencabar, penanggung insurans semula global, termasuk di Eropah, mendapat kesan daripada kerugian yang paling teruk setakat ini (dianggarkan pada USD107 bilion) daripada lebih 250 peristiwa bencana besar di seluruh dunia

Rajah 1.41

Sektor Insurans: Dedahan Luar Negeri berdasarkan Jenis Pelaburan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.42

Sektor Insurans: Dedahan Pelaburan kepada Eropah dan Amerika Syarikat



Sumber: Bank Negara Malaysia

pada tahun 2011. Permodalan penanggung insurans (semula) yang lebih kukuh memasuki tahun 2011 telah membantu menyerap kerugian ini dan terus menyokong keperluan insurans semula global, walaupun kos insurans semula dijangka akan meningkat pada masa hadapan (Rajah 1.43, 1.44 dan 1.45).

Jumlah dedahan insurans semula dalam sektor insurans am kepada penanggung insurans (semula) Eropah yang beribu pejabat di luar Malaysia ialah sebanyak RM945.9 juta pada tahun 2011 (2010: RM431.5 juta), merangkumi kira-kira 11.6% daripada jumlah modal tersedia. Dedahan yang lebih tinggi ini disebabkan oleh tuntutan lebih tinggi yang ditanggung untuk kelas perniagaan yang besar dan khusus. Kebanyakan penanggung insurans (semula) ini berasal dari Jerman, Perancis dan Switzerland dan telah mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh dan penarafan yang stabil. Daripada ini, jumlah dedahan kepada tiga cawangan penanggung insurans semula Eropah di Malaysia kekal terurus pada RM257.2 juta pada tahun 2011. Ini mencakupi 9.2% daripada jumlah tuntutan insurans semula tertunggak atau 2.9% daripada jumlah modal penanggung insurans am tersedia. Semua cawangan penanggung insurans semula yang beroperasi di Malaysia yang diselia oleh Bank dikehendaki memperuntukkan modal khusus yang dikenal pasti untuk operasi di Malaysia. Cawangan ini disokong dengan baik oleh penampan modal, dengan gabungan nisbah kecukupan modal berjumlah lebih daripada 277% terhadap risiko operasi cawangan di Malaysia (Rajah 1.46).

Peningkatan risiko kredit bank dan penanggung insurans dalam industri berorientasikan eksport di Malaysia yang timbul daripada prospek pertumbuhan ekonomi global yang lebih lemah dijangka dapat dikurangkan dengan pertumbuhan yang berterusan dalam perdagangan serantau dan asas pasaran eksport Malaysia yang pelbagai. Meskipun eksport

Rajah 1.43

Sektor Insurans: Nisbah Bendungan berdasarkan Kelas Perniagaan Utama



*MAT: Marin, udara & transit

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.44

Kerugian yang Dialami oleh Penanggung Insurans Global daripada Bencana Besar



Sumber: Guy Carpenter

Rajah 1.45

Modal Penanggung Insurans Semula Global



Sumber: Aon Benfield

Rajah 1.46

Sektor Insurans: Dedahan Insurans Semula Asing Mengikut Tuntutan Tertunggak



Sumber: Bank Negara Malaysia

Malaysia ke kawasan euro kini mencakupi kira-kira 10% daripada eksport kasar Malaysia, dedahan institusi kewangan menerusi pinjaman dan pemegangan PDS kepada perniagaan yang mempunyai hubungan perdagangan dengan negara Eropah mencakupi hanya 1.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan PDS bagi kesemua institusi kewangan.

Impak penyahleveraj atau pengurangan operasi oleh institusi kewangan berpangkalan di Eropah adalah terurus

Peningkatan tekanan pendanaan dan langkah pemeliharaan modal oleh beberapa bank utama Eropah telah menimbulkan kebimbangan bahawa penyahleveraj yang berterusan mungkin akan menjejaskan aktiviti pengantaraan domestik dan pertumbuhan ekonomi di rantau ini. Ini mungkin timbul daripada penjualan aset dalam dolar AS oleh bank Eropah dalam ekonomi yang baharu membangun, penyertaan yang berkurang dalam pembiayaan bersindiket dolar AS, serta penarikbalikan kemudahan pembiayaan perdagangan dolar AS kepada syarikat multinasional. Sejak bulan September 2011, beberapa bank utama Eropah telah mengumumkan rancangan untuk mempercepat penjualan aset bukan teras dan aset sedang matang, serta mengurangkan aktiviti yang menjana keuntungan yang rendah secara global (Rajah 1.47). Pada penilaian Bank, sebarang kesan perkembangan ini terhadap pengantaraan kewangan domestik kekal terurus.

Pada suku ketiga tahun 2011, tuntutan bank Eropah terhadap Malaysia (termasuk entiti di Labuan) mencakupi USD54.3 bilion atau 19.3% daripada KDNK berdasarkan BIS Consolidated Banking Statistics yang terkini. Lebih 60% daripada tuntutan ini, yang berjumlah USD34 bilion atau 12.1% daripada KDNK, merupakan tuntutan dalam ringgit terhadap Malaysia oleh syarikat gabungan bank-bank Eropah yang bertempat di luar negara asal. Tuntutan tersebut mencerminkan operasi di Malaysia yang sebahagian besarnya merangkumi: (i) pinjaman kepada entiti-entiti Malaysia; (ii) pemegangan sekuriti yang diterbitkan oleh entiti-entiti Malaysia; (iii) deposit yang ditempatkan di institusi-institusi kewangan Malaysia; (iv) pelaburan ekuiti/modal bank-bank asing di Malaysia; dan (v) kontrak kewangan, seperti derivatif, jaminan dan komitmen kredit dengan semua rakan niaga di Malaysia (Rajah 1.48 dan Jadual 1.8). Tidak termasuk bank-bank yang berpangkalan di UK, jumlah tuntutan asing oleh bank-bank Eropah terhadap Malaysia seperti yang dilaporkan dalam perangkaan BIS mencakupi hanya sebanyak USD13.4 bilion atau 5% daripada KDNK, setanding dengan kebanyakan negara serantau (Rajah 1.49).

Kesan negatif daripada aktiviti penyahleveraj oleh bank-bank Eropah pada Malaysia adalah jauh lebih rendah daripada apa yang tersirat dalam perangkaan BIS. Ini adalah kerana tuntutan asing oleh bank-bank Eropah di Malaysia seperti yang dilaporkan itu meliputi tuntutan oleh LIEB yang beroperasi di Malaysia terhadap semua institusi kewangan domestik, syarikat, individu

Rajah 1.47

Anggaran Rancangan Penyahleveraj Mengikut Bank Eropah Terpilih



Sumber: Deutsche Bank, Morgan Stanley, Bridgewater dan pengiraan dalaman

Rajah 1.48

Tuntutan Asing Bank-bank Eropah terhadap Malaysia



Sumber: Bank for International Settlements, Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

Jadual 1.8

Tuntutan Bank Eropah terhadap Malaysia[1]

	% daripada KDNK Malaysia	(A) Tuntutan merentas sempadan[2] bank Eropah terhadap Malaysia	(B) Tuntutan dalam negeri[3] syarikat-syarikat gabungan luar negeri[4] bank-bank Eropah dalam mata wang asing		(C) Tuntutan dalam negeri syarikat-syarikat gabungan bank-bank Eropah dalam ringgit	
			Bank Eropah yang Diperbadankan di Malaysia	Syarikat gabungan lain	Bank Eropah yang Diperbadankan di Malaysia	Syarikat gabungan lain
(i) Tuntutan asing (A + B + C)	19.3[5]					
(ii) Tuntutan antarabangsa (A + B)	7.2					
(iii) Tuntutan dalam negeri daripada syarikat-syarikat gabungan luar negeri dalam ringgit (C)	12.1					
(iv) Tuntutan daripada tujuh bank Eropah yang Diperbadankan di Malaysia	14.9					

Nota:
1 Setiap tuntutan dalam baris (i) hingga (iv) merujuk kepada jumlah lajur terlorek yang sepadan. Tuntutan dalam baris (i) hingga (iii) adalah berdasarkan *BIS Consolidated Banking Statistics*. Tuntutan dalam baris (iv) dianggarkan daripada jumlah pinjaman terkumpul dalam ringgit dan mata wang asing, simpanan antara bank bersih dengan Bank Negara Malaysia, sekuriti dipegang dan modal asas tujuh bank Eropah yang diperbadankan di Malaysia
2 Tuntutan yang diberikan kepada bukan pemastautin
3 Tuntutan daripada syarikat-syarikat gabungan luar negeri bank pelapor (cawangan dan subsidiari) terhadap pemastautin negara tuan rumah (negara kediaman syarikat gabungan)
4 Syarikat gabungan luar negeri merujuk kepada subsidiari dan cawangan luar negeri bank-bank pelapor
5 Tuntutan asing bank UK terhadap Malaysia berdasarkan *BIS Statistics* mencakupi 14.3% daripada KDNK
6 Tuntutan bersepadu kumpulan perbankan tempatan, iaitu bank domestik dengan ibu pejabat di sesebuah negara dan pejabat luar negeri (cawangan dan subsidiari)

Sumber: BIS Consolidated Banking Statistics[6] (immediate risk basis) dan pengiraan dalaman

dan entiti sektor awam, yang sebahagian besarnya dibiayai oleh liabiliti dalam ringgit. Malaysia, seperti kebanyakan negara lain di Asia, mempunyai sejarah kewujudan bank-bank asing dalam sistem kewangan domestik. Semua bank asing yang ditubuhkan di Malaysia adalah subsidiari yang diperbadankan dengan modal khusus yang diperuntukkan untuk operasi tempatan seperti yang dikehendaki di bawah perundangan perbankan Malaysia. Pada masa kini terdapat tujuh LIEB dari negara-negara EU-3 dengan bahagian pasaran sebanyak 8.9% daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir tahun 2011. Antaranya, lima daripada LIEB ini adalah dari UK dengan bahagian pasaran sebanyak 8.2% daripada jumlah aset sistem perbankan. Secara agregat, tuntutan

Rajah 1.49

Tuntutan Asing Bank Kawasan Euro (tidak termasuk UK) Berbanding dengan KDNK



Nota: Tuntutan asing bank-bank kawasan Eropah pada suku ketiga 2011
Anggaran KDNK 2011 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (kecuali Malaysia)

Sumber: Moody's Investors Service dan Bank for International Settlements

LIEB terhadap entiti-entiti Malaysia dalam ringgit dan mata wang asing mencakupi kira-kira USD42 bilion atau 14.9% daripada KDNK.

Operasi LIEB di Malaysia adalah berasaskan pendanaan tempatan, dengan lebih 80% daripada pendanaan dalam bentuk deposit dalam ringgit, dengan 46.9% adalah dalam bentuk deposit runcit. Subsidiari-subsidiari ini mempunyai modal yang kukuh dan tertakluk kepada penyeliaan dan pengawalan yang rapi oleh Bank, sama seperti bank-bank tempatan dan bank-bank asing yang lain. Mengikut undang-undang, semua bank asing dikehendaki memegang dana modal minimum sebanyak RM300 juta untuk beroperasi di Malaysia sebagai sebahagian daripada keperluan pelesenan. Operasi yang menguntungkan selama bertahun-tahun di Malaysia telah menunjukkan bahawa bank-bank ini mempunyai kedudukan modal yang kukuh untuk menyokong operasi tempatan. Pada akhir tahun 2011, LIEB mempunyai modal asas yang berjumlah RM11.5 bilion dan nisbah modal berwajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) sebanyak 12.9%. Modal lebihan berjumlah RM4 bilion melepasi keperluan minimum pengawalseliaan. Memandangkan operasi LIEB di Malaysia mempunyai prestasi kewangan yang kukuh dan tekal serta pulangan yang mampan, penarikbalikan yang ketara dalam operasi di Malaysia akibat penyahleveraj oleh bank-bank Eropah dijangka tidak akan berlaku (Rajah 1.50 dan 1.51). Ini disokong oleh data yang menunjukkan bahawa sepanjang tahun 2011 dan sehingga kini, bahagian pasaran domestik LIEB mengikut aset (8.9% aset sistem perbankan), pembiayaan (7.2% daripada jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan) dan deposit yang diterima (8.7% jumlah deposit sistem perbankan konvensional dan perbankan Islam) telah kekal stabil. Pembayaran balik dividen khas kepada bank induk juga tidak mendadak pada tempoh ini. Keperluan untuk mendapatkan kelulusan Bank sebelum penghantaran balik rizab modal turut mengurangkan implikasi akan datang daripada langkah pemeliharaan modal yang diambil pada peringkat induk. Walaupun jika ada penarikbalikan berskala besar oleh bank-bank Eropah daripada pasaran Malaysia yang berkemungkinan besar tidak akan berlaku, aktiviti pengantaraan domestik akan terus disokong dengan baik oleh bank-bank tempatan lain dan juga bank-bank di Malaysia yang bukan berpangkalan di Eropah yang mempunyai permodalan yang baik dan kedudukan mudah tunai yang kukuh untuk memastikan akses yang berterusan kepada pembiayaan. Bank-bank ini mempunyai jumlah gabungan

Rajah 1.50

Julat Sumbangan Hasil dan Aset Lima Bank Eropah yang Diperbadankan di Malaysia (LIEB) kepada Syarikat Induk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.51

Sistem Perbankan: Julat Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama Bank Eropah yang Diperbadankan di Malaysia (LIEB)



Nota: Tidak termasuk sebuah LIEB yang baru ditubuhkan

Sumber: Bank Negara Malaysia

modal dalam lingkungan RM70 bilion dan RM132 bilion dalam dana lebihan yang disimpan di Bank menerusi pasaran antara bank, sekali gus menyediakan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan Malaysia untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan pendanaan peminjam-peminjam domestik.

Dalam sektor insurans (termasuk perniagaan takaful), penanggung insurans yang berpangkalan di Eropah mencakupi 16% daripada jumlah aset atau 27.6% daripada jumlah premium sektor ini. Sehingga kini, tidak terdapat tanda-tanda penarikbalikan operasi di Malaysia oleh penanggung insurans yang berpangkalan di Eropah. Ini juga disebabkan oleh tindakan entiti-entiti ini memperbadankan subsidiari mereka di negara ini, selain kedudukan kredit entiti induk yang terus kukuh. Entiti induk ini sebahagian besarnya berpangkalan di Switzerland, United Kingdom, Belanda dan Jerman. Penanggung insurans milik

domestik dan penanggung insurans lain yang tidak berpangkalan di Eropah yang beroperasi di Malaysia juga mempunyai kedudukan modal yang kukuh dengan penampan modal lebihan sebanyak RM6.8 bilion dan berkeupayaan untuk menyediakan penanggungan terhadap risiko domestik jika berlakunya penarikbalikan oleh penanggung insurans Eropah.

Memandangkan syarikat-syarikat Malaysia tidak banyak bergantung pada pinjaman luar untuk membiayai aktiviti mereka, sebarang penarikbalikan pembiayaan merentas sempadan oleh bank-bank Eropah dijangka tidak akan meninggalkan kesan yang ketara terhadap keperluan pendanaan syarikat pemastautin. Meskipun beberapa syarikat meminjam dari luar negara untuk membiayai operasi mereka di luar negara atau untuk mengambil manfaat daripada kadar pembiayaan yang berdaya saing, namun peminjaman luaran oleh syarikat Malaysia daripada bank yang berdomisil di Eropah hanya berjumlah sebanyak RM1.7 bilion, dan sebahagian besarnya adalah oleh syarikat penerbangan dan perkilangan yang berpangkalan di Eropah.

Limpahan terhad daripada operasi merentas sempadan

Penularan risiko yang meluas daripada operasi merentas sempadan bank-bank Malaysia adalah terhad disebabkan oleh beberapa faktor. Aktiviti pemberian pinjaman tradisional terus menjadi penyumbang utama cawangan dan subsidiari asing kumpulan perbankan domestik, mencakupi 75% daripada jumlah aset operasi luar negeri. Sebahagian besar daripada pinjaman-pinjaman ini diberikan kepada sektor korporat dan komersial untuk tujuan modal kerja melalui jaminan bank dan surat kredit untuk memudahkan aktiviti perdagangan antarabangsa (Rajah 1.52 dan 1.53). Sebahagian besar daripada pinjaman runcit yang diberikan adalah bercagar dengan kebanyakannya untuk pembelian harta kediaman, manakala pembiayaan tidak bercagar pula hanya mencakupi 16% daripada jumlah pinjaman terkumpul operasi luar negeri. Sebahagian besar daripada operasi subsidiari bank-bank Malaysia di luar negeri juga dibiayai oleh sumber pendanaan tempatan yang stabil dalam pasaran berkaitan, termasuk deposit yang merangkumi lebih separuh daripada jumlah pendanaan (Rajah 1.54). Nisbah pinjaman kepada deposit yang secara relatifnya stabil, berserta dengan sistem dan amalan pengurusan risiko bersepadu kumpulan yang lebih baik telah

Rajah 1.52

Sistem Perbankan: Komposisi Aset Operasi Luar Negeri



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.53

Sistem Perbankan: Komposisi Pinjaman Operasi Luar Negeri mengikut Jenis dan Negara



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.54

Sistem Perbankan: Struktur Pendanaan Operasi Luar Negeri



Sumber: Bank Negara Malaysia

menyumbang ke arah pengurangan sebarang risiko kemungkinan tekanan pendanaan daripada operasi luar negeri bank-bank Malaysia menular merentasi sempadan ke dalam operasi domestik.

Kedudukan kewangan operasi luar negeri utama milik kumpulan perbankan domestik kekal kukuh dengan keberuntungan yang mampan (Rajah 1.55). Sumbangan operasi luar negeri kepada keberuntungan kumpulan perbankan domestik adalah antara 2% hingga 35% bagi kumpulan-kumpulan perbankan individu. Paras permodalan subsidiari luar negeri juga kekal kukuh, disokong oleh penjanaan modal secara persendirian daripada perolehan yang kukuh. RWCR bagi subsidiari-subsidiari luar negeri ini, yang dikira berasaskan keperluan Basel II, adalah antara 12.3% hingga 30.1% pada akhir tahun 2011. Paras permodalan yang tinggi mewujudkan penampan yang memadai untuk menghadapi sebarang kemungkinan kerugian kredit dan persekitaran pasaran luaran yang lebih mencabar. Dengan amalan pengurusan risiko yang mantap dan kualiti aset yang tinggi pada peringkat entiti luar negeri dan juga seluruh kumpulan, risiko kredit keseluruhan yang timbul daripada operasi luar negeri kumpulan-kumpulan perbankan domestik kekal terurus. Kualiti aset daripada operasi luar negeri kumpulan-kumpulan perbankan domestik kekal stabil, dengan penurunan yang mampan dalam paras pinjaman terjejas. Median nisbah pinjaman terjejas kasar bagi subsidiari asing milik kumpulan-kumpulan perbankan domestik ialah 2.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul operasi luar negeri. Operasi merentas sempadan penanggung insurans domestik kekal kecil dengan jumlah aset sebanyak

Rajah 1.55

Sistem Perbankan: Julat Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama Operasi Luar Negeri Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.56

Sektor Insurans: Saiz Aset Operasi Luar Negeri



Sumber: Bank Negara Malaysia

RM979.8 juta (hanya 0.5% daripada jumlah aset industri insurans), meliputi empat negara pada tahun 2011 (2010: RM970.6 juta) (Rajah 1.56).

Bank mengamalkan pendekatan bersepadu terhadap penyeliaan institusi-institusi kewangan domestik. Pendekatan ini termasuk menilai risiko yang mungkin timbul daripada operasi luar negeri institusi-institusi kewangan domestik. Ini juga disokong oleh pertukaran maklumat yang berterusan antara penyelia negara asal dengan penyelia tuan rumah tentang perkembangan keadaan ekonomi dan kewangan tempatan serta sebarang kebimbangan dan tindakan penyeliaan. Pada tahun 2011 dan awal tahun 2012, Bank menganjurkan forum penyeliaan bagi dua kumpulan perbankan domestik yang mempunyai operasi di luar negeri yang besar. Interaksi negara asal-tuan rumah (home-host) ini menyokong pengenalpastian awal tentang kelemahan pada peringkat entiti dan seluruh kumpulan serta tindak balas penyeliaan yang segera. Interaksi dan penilaian penyeliaan yang berterusan sehingga kini mengesahkan daya tahan institusi-institusi kewangan domestik terhadap kejutan luaran, pada peringkat entiti dan kumpulan.

PERKEMBANGAN DAN BIDANG RISIKO LAIN

Keadaan perniagaan domestik disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan perdagangan dalam rantau ini yang terus berkembang. Walau bagaimanapun, keadaan ini menyederhana pada tahap yang berbeza, disebabkan oleh kos operasi yang kekal tinggi dalam keadaan harga bahan mentah yang tinggi dan semakan tarif bagi elektrik dan gas asli serta permintaan luaran yang lebih lemah daripada

Rajah 1.57

Sektor Perniagaan: Keberuntungan dan EDF bagi Industri Perkapalan



Sumber: Moody's KMV Credit Edge™, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.58

Sektor Perniagaan: Keberuntungan dan EDF bagi Industri yang berkaitan dengan Pembinaan dan Bahan Binaan



Sumber: Moody's KMV Credit Edge™, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.59

Sektor Perniagaan: Keberuntungan dan EDF bagi Industri E&E



Sumber: Moody's KMV Credit Edge™, Bloomberg dan pengiraan dalaman

ekonomi maju. Ini mengakibatkan risiko kredit, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir (Expected Default Frequency, EDF), menjangkau tahap yang lebih tinggi sedikit pada akhir tahun 2011 dengan peningkatan yang lebih ketara dalam industri perkapalan dan industri yang berkaitan dengan pembinaan dan bahan binaan, dan sebahagian kecilnya industri elektronik & elektrikal (Rajah 1.57, 1.58 dan 1.59).

Secara keseluruhan, sektor perniagaan secara relatifnya kekal dalam kedudukan yang kukuh, dari segi kewangan dan operasi, untuk menghadapi perkembangan ini. Pengumpulan penampan kewangan sejak beberapa tahun yang lalu dan penambahbaikan yang berterusan dalam kecekapan operasi telah meningkatkan keupayaan dan fleksibiliti dalam penyesuaian perniagaaan domestik terhadap sebarang perubahan buruk yang berlaku pada keadaan operasi (Rajah 1.60). Pada tahun 2011, baki tunai agregat bagi perniagaan meningkat sebanyak 5.6%, manakala margin operasi terus meningkat kepada 11.4% (2010: 10.7%). Selain itu, perniagaan terus mengekalkan kedudukan leveraj yang secara relatifnya rendah dan stabil sejak Krisis Kewangan Asia, dengan agregat nisbah hutang kepada ekuiti sebanyak 44.8% pada akhir tahun 2011 (Rajah 1.61) dan nisbah perlindungan faedah yang baik pada 6.3 kali (2010: 7.5 kali) yang terus menyokong keupayaan membayar balik hutang perniagaan. Faktor ini terus memberikan sokongan kukuh kepada kualiti dedahan kredit keseluruhan institusi perbankan terhadap perniagaan domestik dengan risiko kredit bagi

Rajah 1.60

Sektor Perniagaan: Penunjuk Keberuntungan



Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

sektor perniagaan secara keseluruhannya, seperti yang diukur oleh EDF, kekal rendah pada 0.68% (2010: 0.61%).

Pada tahun 2011, pertumbuhan jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan kepada syarikat perniagaan kekal kukuh dan meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 13.5% (2010: 9.4%). Perniagaan juga terus mendapatkan keperluan pendanaan melalui pasaran bon dan sukuk yang disokong kukuh oleh pelabur institusi yang pelbagai meskipun menghadapi keadaan pasaran yang lebih mencabar. Pada tahun ini, sejumlah RM50.9 bilion (2010: RM30.8 bilion) PDS dan sukuk yang baharu telah diterbitkan (tidak termasuk terbitan baharu oleh institusi kewangan). Mencerminkan kedudukan kewangan yang secara amnya kukuh bagi syarikat perniagaan, pembiayaan terjejas kasar bagi perniagaan besar dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), masing-masing menurun kepada RM9.3 bilion dan RM6 bilion, dengan nisbah terjejas kasar bagi kedua-duanya bertambah baik, masing-masing 4.1% (2010: 5.3%) dan 3.9% (2010: 5%) (Rajah 1.62 dan 1.63).

Pinjaman sistem perbankan bagi pemerolehan dan pembangunan harta bukan kediaman meningkat kepada RM110 bilion (2010: RM90.7 bilion), mewakili 11% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan pada tahun 2011 (2010: 10.3%). Ketika penawaran rumah kedai dan ruang runcit tumbuh secara umumnya seiring dengan permintaan, sektor ruang pejabat mula menunjukkan tanda-tanda penawaran berlebihan berikutan pembinaan ruang pejabat baharu yang sedang berjalan dan dirancang, terutamanya di kawasan

Rajah 1.61

Sektor Perniagaan: Nisbah Perlindungan Faedah dan Nisbah Hutang kepada Ekuiti



Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.62

Sistem Perbankan: Tahap dan Nisbah Pinjaman Terjejas (IL)/ Pembiayaan Terjejas (IF)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.63

Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar mengikut Peminjam



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.64

Stok Ruang Pejabat dan Kadar Penghunian



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan pengiraan dalaman

Rajah 1.65

Kadar Sewa Ruang Pejabat di Lembah Kelang



Sumber: The Edge

Lembah Kelang dengan kemunculan beberapa bangunan pejabat berskala besar. Kadar penghunian bagi ruang pejabat beransur-ansur merosot sejak beberapa tahun kebelakangan ini kepada 82.3% pada peringkat negara (S4 2010: 84.2%; S4 2009: 85.2%) dan 79.1% di Lembah Kelang (S4 2010: 80.2%; S4 2009: 82%) (Rajah 1.64). Kadar sewa di Lembah Kelang juga tidak berubah pada RM5.56 dan RM4.02 sekaki persegi sebulan, masing-masing bagi kawasan Segi Tiga Emas dan Kawasan Pusat Perniagaan (Central Business District) (Rajah 1.65). Penawaran lanjut yang dijangkakan di bawah pelbagai projek pembangunan yang dirancang untuk beberapa tahun akan datang boleh menambahkan lagi tekanan terhadap kadar penghunian pejabat dan kadar sewa. Institusi perbankan telah mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati untuk memberikan pinjaman kepada segmen ini, dengan amaun yang dikeluarkan menurun kira-kira 21%, selepas peningkatan sebanyak 55% pada tahun sebelumnya. Pada akhir tahun 2011, pendedahan sistem perbankan terhadap pinjaman bagi pembangunan ruang pejabat kekal terkawal pada RM10.8 bilion atau 1.1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Nisbah terjejas pinjaman kasar keseluruhan bagi pendedahan dalam sistem perbankan bagi segmen harta bukan kediaman (termasuk rumah kedai, ruang runcit dan pejabat) juga kekal rendah pada 1.3%.

Keberuntungan sektor perbankan (termasuk sistem perbankan Islam) bertambah baik dengan mencatat pulangan atas aset dan ekuiti, masing-masing sebanyak 1.6% dan 17.4% (2010: masing-masing 1.5% dan 16.6%) berikutan keuntungan sebelum cukai yang meningkat sebanyak 14.2% kepada RM26.2 bilion. Sistem perbankan Islam mencatat untung sebelum cukai sebanyak RM3.1 bilion, dengan pulangan purata atas aset dan ekuiti, masing-masing sebanyak 1% dan 13.7% (termasuk impak daripada peruntukan besar tak berulang oleh sebuah bank Islam yang melaksanakan pengukuhan kedudukan kewangan pada tahun itu). Prestasi keseluruhan yang kukuh sebahagiannya disebabkan pendapatan faedah/pembiayaan yang lebih tinggi (+12.2%), yang lebih daripada mengimbangi kos pendanaan yang lebih tinggi akibat jumlah deposit yang meningkat. Margin faedah/pembiayaan bersih bagaimanapun mengecil sedikit kepada 0.57 mata peratusan pada tahun itu (2010: 0.62 mata peratusan) disebabkan persaingan sengit dalam segmen pembiayaan rumah dan pinjaman runcit. Caj penjejasan (ditolak pemulihan) menurun bagi dua tahun berturut-turut, iaitu berkurang sebanyak 35.9% pada tahun 2011 disebabkan pembiayaan terjejas baharu yang lebih rendah dan kutipan semula hutang lapuk yang bertambah baik. Turut menyumbang kepada keuntungan ialah peningkatan aktiviti berasaskan fi (termasuk fi yang berkait dengan kemudahan kredit, bankasurans, dan tawaran pengurusan harta), pendapatan dagangan bersih dan pendapatan pelaburan bersih, meningkat masing-masing sebanyak 4.5%, 30.1% dan 44.3%. Keuntungan juga mengalami sedikit tekanan daripada kos kakitangan lebih tinggi yang meningkat sebanyak 12% pada tahun 2011, iaitu lebih tinggi daripada pertumbuhan tahunan purata sebanyak 10.2% sepanjang tiga tahun sebelumnya. Kos kakitangan terus meningkat di bawah persaingan sengit pasaran tenaga mahir dalam sektor kewangan, didorong oleh kekosongan jawatan pakar, teknikal dan pengurusan.

Industri perbankan terus melaporkan kedudukan pendanaan yang stabil dan kukuh, dengan mudah tunai ringgit yang lebih daripada mencukupi untuk menampung permintaan terhadap kredit oleh isi rumah dan perniagaan serta untuk menghadapi apa-apa pengeluaran deposit besar yang tidak dijangka. Penampan mudah tunai bank yang melebihi keperluan minimum kawal selia di bawah rangka kerja mudah tunai Bank meningkat kepada 18.3% dan 18.1% daripada deposit bagi keperluan mudah tunai yang tempoh matangnya, masing-masing kurang daripada satu minggu dan satu bulan. Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, sistem perbankan kekal sebagai pemberi pinjaman bersih dalam pasaran

antara bank domestik, dengan lebihan mudah tunai sebanyak RM153.3 bilion yang disimpan di Bank pada akhir tahun 2011. Pada tahun itu, bank bertindak lebih agresif mengumpul deposit runcit yang meningkat sebanyak 12.2% kerana menjangkakan keperluan mudah tunai yang lebih ketat di bawah Basel III. Tindakan ini menyumbang kepada penurunan kecil nisbah pinjaman kepada deposit kepada 80.9% (2010: 81.3%). Institusi perbankan juga terus mengekalkan pemegangan besar aset mudah tunai berkualiti tinggi, dengan sebahagian besarnya (68%) terdiri daripada MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan. Pengurusan aktif kedudukan mudah tunai mata wang asing oleh institusi perbankan juga memastikan ketidakpadanan mudah tunai mata wang asing keseluruhan dalam sistem perbankan, terutamanya dalam dolar AS, kekal rendah jika dibandingkan dengan tempoh sebelum kemuncak Krisis Kewangan Global pada tahun 2008.

Dalam sistem perbankan Islam, risiko kadar pulangan dijangka kekal terurus memandangkan prospek positif bagi pembiayaan dan kos pendanaan yang stabil. Produk pelaburan perkongsian untung Islam berlandaskan kontrak *mudharabah* (Rajah 1.66) mencakup 41.4% daripada jumlah deposit. Daripada amaun ini, 68.5% adalah dalam bentuk Akaun Pelaburan Am, dengan pendeposit-pendeposit lazimnya menjangkakan perlindungan pelaburan pokok dan kepastian pulangan. Cabaran yang berkait dengan menguruskan jangkaan ini (atau menguruskan risiko komersial teralih (displaced commercial risks, DCR) reda sedikit pada tahun itu memandangkan keadaan kadar faedah dan pulangan atas deposit konvensional yang stabil. Pengurusan aset asas yang lebih aktif oleh bank-bank Islam turut menyokong pulangan untuk memenuhi jangkaan pendeposit sambil mematuhi prinsip Syariah dalam kontrak *mudharabah* (Rajah 1.67). Walaupun sebilangan kecil bank-bank Islam menggunakan rizab penyamaan keuntungan bagi memenuhi kehendak pendeposit terhadap pulangan, kebanyakan bank-bank Islam juga menggunakan instrumen-instrumen lain dengan lebih meluas untuk mengurus DCR, termasuk memperkemas nisbah perkongsian untung bagi memberikan fleksibiliti kepada bank untuk mengetepikan perkongsian untung mereka dan mengurangkan pendedahan kepada pembiayaan pulangan tetap jangka panjang. Secara kolektif, perkembangan ini membawa kepada penurunan paras rizab penyamaan keuntungan bagi bank-bank Islam kepada RM82.6 juta (Rajah 1.68).

Rajah 1.66

Sistem Perbankan: Komposisi Deposit Islam



(%): Bahagian pasaran pada bulan Disember 2010

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.67

Kadar Akaun Pelaburan Am (GIA) dan Kadar Deposit Tetap (FD) Disebut



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.68

Rizab Penyamaan Keuntungan (PER)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Selain itu, beberapa bank Islam bertindak melanjutkan struktur tempoh matang asas pendanaan melalui terbitan sukuk jangka sederhana dan instrumen deposit boleh niaga sebagai cara untuk mencapai kestabilan dan kepelbagaian yang lebih besar dalam struktur pendanaan, seterusnya meminimumkan risiko ketidakpadanan pendanaan. Baki 31.5% daripada deposit *mudharabah* adalah dalam bentuk deposit Akaun Pelaburan Khas dengan risiko kredit dan pasaran yang ditanggung oleh penyedia dana berdasarkan mandat pelaburan yang ditentukan oleh penyedia dana. Bagi deposit seumpama ini, bank-bank Islam diwajibkan menzahirkan maklumat risiko dan prestasi pelaburan yang tepat pada masanya kepada penyedia dana. Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, bank-bank Islam terus meningkatkan portfolio aset kadar terapung sebagai langkah untuk mengurangkan risiko jurang penentuan semula harga (risiko yang timbul daripada ketidakpadanan antara pulangan yang diperoleh atas aset kadar tetap dengan penentuan semula harga liabiliti). Pada tahun 2011, aset kadar terapung bagi bank-bank Islam, kebanyakannya dalam bentuk kontrak *musharakah mutanaqisah* (perkongsian berkurang) dan *ijarah* (pemajakan), meningkat sebanyak 11.6%, sekaligus mengurangkan lagi aset pembiayaan kadar tetap sebagai bahagian daripada jumlah pembiayaan kepada 59.2% (2010: 63.7%) (Rajah 1.69). Bank-bank Islam juga lebih tertumpu pada penawaran deposit *murabahah* komoditi pulangan tetap yang mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 74.7% pada tahun 2011 untuk mencecah RM36.9 bilion atau 13.8% daripada jumlah deposit (2010: 9.7%).

Permodalan sistem perbankan seluruhnya terus teguh dengan penampan kewangan yang kukuh untuk menghadapi kemungkinan kerugian (Rajah 1.70). Lebih 70% daripada jumlah modal kekal dalam bentuk instrumen berkualiti tinggi, iaitu ekuiti biasa dan rizab. Agregat RWCR dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) meningkat lagi, masing-masing kepada 15.1% dan 13.2% (2010: masing-masing 14.8% dan 13%), jauh melebihi tahap keperluan minimum kawal selia semasa dan keperluan lebih tinggi di bawah Basel III. Oleh itu, jumlah modal yang melampaui keperluan minimum RWCR 8% kekal melebihi RM70 bilion pada akhir 2011.

Industri insurans dan takaful beroperasi di bawah keadaan yang lebih mencabar pada tahun 2011, memandangkan keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu dan hasil yang terus rendah menjejaskan keberuntungan, dalam usaha mencari pulangan pelaburan yang berpatutan. Sektor takaful hayat dan keluarga mencatat lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan yang lebih rendah, menurun sebanyak 9.9% kepada RM12.7 bilion (2010: RM14.1 bilion). Pencapaian ini sebahagian besarnya didorong oleh kerugian pelaburan yang tinggi, mengakibatkan kekurangan keuntungan modal bersih (realisasi dan tidak realisasi) yang dicatat oleh industri kepada hanya RM0.4 bilion, daripada RM2.6 bilion pada tahun sebelumnya. Kerugian pelaburan mencatat paras tertinggi sebanyak RM1 bilion pada suku ketiga tahun 2011 semasa kemuncak turun naik pasaran kewangan tetapi kemudiannya pulih apabila penanggung insurans mengurangkan pegangan ekuiti sebagai

Rajah 1.69

Pembiayaan Islam Kadar Tetap dan Kadar Terapung



* Semua jumlah adalah dalam RM bilion

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.70

Sistem Perbankan: Nisbah Kecukupan Modal dan Lebihan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

sebahagian daripada aktiviti imbangan semula portfolio. Keberuntungan lebih rendah juga disebabkan oleh pembayaran manfaat bersih yang lebih tinggi berjumlah RM15.6 bilion (2010: RM14.6 bilion), terutamanya disebabkan oleh tuntutan perubatan dan pembayaran bonus. Sektor insurans (semula) am dan takaful turut mencatat keuntungan kendalian yang lebih rendah, iaitu RM1.8 bilion pada tahun 2011 (-14.3%) disebabkan tuntutan yang lebih tinggi. Penanggung insurans semula mencatat kerugian kendalian sebanyak RM0.2 bilion pada tahun 2011 (2010: keuntungan kendalian berjumlah RM0.3 bilion) apabila tuntutan daripada kerugian gangguan perniagaan melonjak disebabkan oleh banjir di Thailand. Ini meningkatkan nisbah tuntutan keseluruhan bagi perniagaan kebakaran dengan mendadak (termasuk perlindungan bagi gangguan perniagaan) kepada 69.5% (2010: 36.3%). Kerugian pengunderaitan bagi insurans motor kecederaan anggota pihak ketiga (atau motor `Akta') terus memberikan tekanan terhadap penurunan keberuntungan dengan nisbah tuntutan meningkat kepada paras tertinggi dalam sejarah sebanyak 300% (2010: 278.7%). Nisbah tuntutan motor keseluruhan (termasuk perniagaan `komprehensif') bagaimanapun bertambah baik kepada 76.8% (2010: 79.5%). Walaupun mengalami keuntungan yang lebih lemah, gabungan tahap permodalan bagi industri insurans am dan hayat kekal kukuh dengan agregat nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) pada 222.5% (2010: 224.6%), jauh melebihi keperluan modal kawal selia sebanyak 130% (Rajah 1.71).

Pada tahun 2011, permintaan domestik yang mampan terhadap produk pelaburan dan perlindungan terus menyokong pertumbuhan perniagaan. Premium kasar bagi penanggung insurans am dan pengendali takaful meningkat sebanyak 9% kepada RM15.4 bilion, kebanyakannya daripada perniagaan marin, udara dan transit, kebakaran dan motor komprehensif. Premium perniagaan baharu bagi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga menurun sebanyak 3.1% kepada RM10.9 bilion berikutan penurunan pelancaran produk insurans endowmen yang baharu. Premium daripada produk insurans berkaitan pelaburan serta perubatan dan kesihatan bagaimanapun terus berkembang, masing-masing sebanyak 5.5% dan 23.6% (Rajah 1.72).

Ujian tekanan yang dijalankan pada peringkat seluruh sistem dan entiti mengesahkan daya tahan sistem kewangan. Walaupun di bawah andaian penguncupan ekonomi yang buruk dan ketidaktentuan pasaran yang ekstrem, permodalan keseluruhan kekal memuaskan, memenuhi tahap minimum kawal selia

Rajah 1.71

Sektor Insurans: Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.72

Sektor Insurans: Keberuntungan dan Pertumbuhan Premium



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ujian tekanan yang dijalankan terhadap sektor perbankan dan insurans pada peringkat seluruh sistem dan juga institusi mengesahkan daya tahan sistem kewangan domestik terhadap kejutan makroekonomi dan kewangan yang ekstrem. Ujian tekanan berasaskan senario menggunakan pendekatan `atas ke bawah´ (top-down) dan juga `bawah ke atas´ (bottom-up), merangkumi dedahan risiko kredit dan pasaran, dan bertujuan untuk menilai impak peruntukan tambahan dan kerugian penilaian terhadap modal dan keuntungan sistem perbankan akibat risiko utama dan kejutan ekstrem. Di samping itu, kelemahan penampan mudah tunai bank terhadap gangguan seluruh pasaran yang ekstrem serta kekangan pendanaan dan mudah tunai bagi institusi individu turut dinilai. Andaian ujian tekanan dan parameter kejutan untuk senario dasar (baseline), senario buruk dan senario ekstrem ditentukur (calibrated) dengan mengambil kira pengalaman terburuk dalam sejarah bagi Malaysia. Di bawah pendekatan `bawah ke atas´, parameter tekanan yang digunakan merangkumi profil risiko yang khusus bagi sesebuah institusi berdasarkan penilaian penyeliaan terhadap sumber risiko utama, sejarah mungkir dan kadar kerugian, kualiti aset dan kapasiti modal untuk menyerap risiko, serta kekukuhan pengurusan risiko dan kawalan tadbir urus. Memandangkan struktur institusi perbankan di Malaysia, kerugian yang paling ketara mungkin muncul daripada dedahan kredit.

Untuk memastikan ujian tekanan adalah cukup ekstrem dan mengambil kira risiko penurunan yang lebih terkini, parameter kejutan risiko kredit dan pasaran diselaras semula pada tahun ini untuk mengambil kira kemungkinan kesan penularan yang timbul daripada peningkatan masalah hutang kerajaan dan fiskal di Eropah dan AS menerusi saluran kewangan dan perdagangan (Jadual 1.9). Bank terus menggunakan kadar peruntukan kerugian pinjaman konservatif dalam ujian tekanannya, mencerminkan kepentingan portfolio pembiayaan dalam kedudukan kewangan bank. Di bawah senario tekanan makroekonomi yang buruk, RWCR dan CCR bagi sistem perbankan, masing-masing kekal melebihi 13% dan 11%. Menggunakan andaian lebih ekstrem bagi penguncupan ekonomi dan ketidaktentuan pasaran kewangan di bawah senario makroekonomi terburuk, RWCR dan CCR bagi sistem perbankan, masing-masing akan menghampiri 8% dan 6%, yakni masih melebihi tahap minimum kawal selia semasa. Ujian tekanan yang dilakukan terhadap industri insurans turut mengesahkan daya tahan penanggung insurans di bawah senario yang buruk dan ekstrem bagi dedahan risiko pasaran, kredit dan insurans (iaitu risiko terkurang membuat anggaran bagi liabiliti insurans dan pengalaman tuntutan yang buruk). Agregat CAR pascatekanan bagi industri insurans kekal jauh melebihi 130%, meskipun beberapa penanggung insurans am akan menerima kesan yang lebih ketara.

PROSPEK KESTABILAN KEWANGAN DOMESTIK DAN TUMPUAN PEMANTAUAN PADA TAHUN 2012

Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik pada tahun 2012 dijangka terus didorong terutamanya oleh faktor luaran. Ketidakpastian berpanjangan tentang penyelesaian isu hutang kerajaan di Eropah dan sebahagian kecilnya terhadap kebimbangan tentang kedudukan fiskal di AS akan terus menjejaskan sentimen pasaran dan pertumbuhan ekonomi global. Ini pula akan terus memberikan kesan buruk kepada kedudukan kewangan dan pendanaan bank global, lalu menghalang usaha untuk mengukuhkan sistem kewangan di ekonomi maju. Limpahan ke dalam pasaran kewangan domestik akan menyebabkan ketidaktentuan pasaran terus berada pada paras tinggi dan cabaran yang berterusan dalam pendanaan mata wang asing. Keadaan ekonomi yang lebih lemah dalam ekonomi maju juga boleh menjejaskan perniagaan di Malaysia melalui saluran perdagangan, yang berpotensi meningkatkan risiko kredit bagi institusi kewangan Malaysia.

Sektor kewangan berada pada landasan yang kukuh dan kedudukan yang baik untuk menangani perkembangan ini. Prospek risiko kredit bagi institusi kewangan di Malaysia yang berpunca daripada pendedahan terhadap perniagaan dan isi rumah dijangka kekal terurus pada tahun 2012, berlandaskan jangkaan prospek pendapatan dan guna tenaga yang stabil dengan permintaan domestik yang mampan. Langkah yang diambil untuk merangsang daya tahan berterusan bagi isi rumah juga harus lebih tegas, terutamanya melalui pematuhan keperluan bagi institusi perbankan untuk menilai dengan betul keupayaan peminjam untuk berhutang.

Jadual 1.9

Andaian dan Parameter Kejutan Ujian Tekanan Berasaskan Senario

Kejutan makroekonomi dan kewangan	Andaian dan lingkungan parameter kejutan utama
Kejutan KDNK Malaysia	• Lebih teruk daripada penguncupan ekonomi pada tahun 2009
Kejutan hasil	• Penurunan lebih daripada 40% merentasi pelbagai segmen hasil
Kejutan risiko kredit *[PD = Kebarangkalian mungkir;* *LGD = Kerugian akibat mungkir]*	• PD dan LGD yang lebih teruk untuk pelbagai portfolio pinjaman – Sekurang-kurangnya dua kali ganda PD semasa – LGD ketika kegawatan (downturn LGD) yang lebih tinggi berbanding dengan pengalaman dalam sejarah • Kadar perubahan penarafan dan kemungkiran yang lebih teruk bagi sekuriti hutang swasta/ sukuk berbanding dengan pengalaman paling buruk dalam sejarah (1998 dan 2001) – LGD sehingga 100% • Peningkatan dalam penggunaan kemudahan komitmen dan kontingensi sehingga 100%
Kejutan risiko pasaran	• Penurunan ekstrem dalam FBM KLCI • Penambahan atau penyusutan nilai yang ketara untuk lapan mata wang asing utama berbanding dengan ringgit • Kejutan risiko kadar faedah (sehingga 250 mata asas) untuk pelbagai tempoh kematangan, dengan mengambil kira: – keluk kadar hasil MGS yang makin curam – spread kredit yang makin luas antara sekuriti hutang swasta dengan MGS – risiko asas

Bank akan terus giat memantau kedudukan kewangan isi rumah, melakukan penyelarasan rapat dengan pihak berkuasa yang berkaitan dalam melaksanakan langkah yang sesuai bagi memastikan daya tahan isi rumah terpelihara.

Keutamaan pemantauan dan penyeliaan Bank pada tahun 2012 untuk memelihara dan merangsang kestabilan kewangan domestik akan tertumpu pada usaha:

- Mengukuhkan keupayaan Bank untuk mengenal pasti dan mengukur risiko penularan tahap kedua yang boleh menjejaskan sektor kewangan, terutamanya melalui pemahaman lebih baik dan pengumpulan data yang terus bertambah baik tentang kesalinghubungan lebih luas dalam dan dengan sistem kewangan;
- Memperkukuh melalui penyeliaan yang rapi dan pengawalan yang dipertingkat, jika bersesuaian, pengambilan risiko yang berhemat dan bertanggungjawab oleh institusi kewangan yang disokong oleh amalan pengunderaitan yang baik, pengendalian bertanggungjawab terhadap pengguna dan penentuan harga risiko yang berpatutan. Di samping mengekalkan pengawasan yang dipertingkat terhadap pendedahan bank kepada isi rumah, Bank juga akan meningkatkan penelitiannya terhadap kualiti dedahan kredit perniagaan dan pembiayaan bank kepada sektor harta komersial;
- Menggalakkan kerjasama dan penyelarasan serantau yang berkesan dalam pengawalan dan penyeliaan kewangan dan pengurusan krisis melalui penyertaan aktif Bank dalam platform pelbagai hala yang terkemuka, seperti EMEAP. Perkara ini termasuklah memanfaatkan forum penyeliaan dan pengaturan dua hala untuk meningkatkan penyeliaan bersepadu terhadap institusi domestik yang menjalankan operasi merentas sempadan yang ketara;
- Meningkatkan lagi, melalui kerjasama rapat dengan pihak berkuasa kawal selia yang lain, pemantauan Bank terhadap sistem perbankan bayangan dan entiti bukan bank yang sistemik untuk menyokong pengesanan awal dan tindak balas segera terhadap pertambahan risiko dan kelemahan dalam sistem kewangan yang lebih luas; dan

- Mengukuhkan lagi infrastruktur pasaran kewangan, terutamanya sistem pembayaran dan penyelesaian untuk menyokong pertambahan jumlah urus niaga merentas sempadan dan pelbagai mata wang dan bekerjasama dengan pihak berkuasa lain bagi menambah baik akses kepada, dan ketelusan, maklumat tentang dedahan derivatif di kaunter (over-the-counter derivatives).

Pada tahun 2012, Malaysia akan menjalani Program Penilaian Sektor Kewangan anjuran Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia. Meskipun asas-asas kestabilan kewangan dalam keadaan yang kukuh, Malaysia akan terus berusaha untuk memelihara kestabilan kewangan dengan lebih baik dalam persekitaran yang amat dinamik di dalam dan luar negeri.

Pengantara Bukan Bank di Malaysia

Susulan Krisis Kewangan Global, lebih tumpuan telah diberikan pada peranan dan skop institusi yang beroperasi dalam sistem perbankan bayangan (shadow banking system) dalam menyebarkan risiko kepada sistem kewangan. Kegagalan beberapa institusi berkenaan semasa berlakunya krisis tersebut telah mengakibatkan risiko ketara tersebar dengan lebih meluas menerusi sistem kewangan yang akhirnya meninggalkan kesan gangguan pada pengantaraan dana dalam beberapa ekonomi. Berikutan itu, perhatian yang lebih nyata di peringkat global telah diberikan pada aktiviti institusi yang beroperasi di luar sistem perbankan yang dikawal selia. Bagi memudahkan pihak berkuasa di pelbagai negara untuk lebih menyedari dan memahami entiti berkenaan serta aktiviti yang dijalankan oleh mereka, Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB) telah mengeluarkan beberapa panduan yang mendefinisikan sistem perbankan bayangan sebagai pengantaraan kredit yang dijalankan oleh sesebuah entiti dan melibatkan aktiviti di luar sistem perbankan yang biasa. Risiko sistemik daripada entiti dan aktiviti tersebut boleh timbul sama ada secara langsung ekoran pentingnya sistem perbankan bayangan dalam pembekalan kredit atau mudah tunai kepada ekonomi, atau secara tidak langsung melalui kesalinghubungannya dengan sistem perbankan. Rencana ini memberikan gambaran keseluruhan mengenai ciri dan saiz aktiviti pengantaraan kredit yang dijalankan oleh entiti bukan bank dalam sistem kewangan di Malaysia.

Di Malaysia, pengantara kredit bukan bank berperanan sebagai pelengkap kepada bank dalam menyediakan perkhidmatan kewangan untuk segmen pasaran yang khusus. Walau bagaimanapun, ciri-ciri dan skala aktiviti mereka tidak begitu kompleks dan mencakupi bahagian yang jauh lebih kecil daripada jumlah pengantaraan kredit oleh sistem perbankan berbanding dengan apa yang berlaku dalam beberapa ekonomi maju semasa Krisis Kewangan Global[1]. Bank-bank merupakan tonggak sistem kewangan yang merangkumi 61% daripada jumlah pengantaraan kredit di Malaysia[2] atau 142% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Termasuk penanggung insurans, pengendali takaful, dan enam institusi kewangan pembangunan (IKP), kira-kira 73% daripada jumlah pengantaraan kredit atau 170% daripada KDNK disumbangkan oleh institusi yang dikawal selia secara berhemat oleh Bank.

Beberapa faktor menjelaskan kecenderungan yang lebih rendah bagi aktiviti pengantaraan kredit bukan bank di Malaysia dalam menyebarkan kejutan kepada sistem perbankan.

(i) Aktiviti dan entiti yang kurang kompleks

Aktiviti pengantaraan kredit bukan bank tertumpu terutamanya pada pembelian sekuriti hutang biasa dan aktiviti pemberian pinjaman tradisional. Aktiviti pensekuritian dan penambahbaikan kredit merangkumi hanya lebih kurang 3.7% daripada pengantaraan kredit oleh entiti bukan bank (Rajah 2). Syarikat pelaburan

Rajah 1

Entiti dan Aktiviti Pengantaraan Kredit Bukan Bank di Malaysia



[1] Menurut suatu laporan staf Federal Reserve Bank of New York, jumlah pengantaraan kredit oleh sistem perbankan bayangan di Amerika Syarikat ialah hampir dua kali ganda (lebih kurang 1.8 kali) besarnya berbanding dengan jumlah pengantaraan kredit oleh sistem perbankan tradisional sebelum Krisis Kewangan Global. Rujuk Pozsar, Z, Adrian, T, Ashcraft, A dan Boesky, H (2010), `Shadow Banking´, Laporan Staf, Federal Reserve Bank of New York no. 458, Julai.

[2] Termasuk pinjaman, pemegangan sekuriti hutang, pensekuritian, dan jaminan atau penambahbaikan kredit.

berstruktur (structured investment vehicle, SIV), konduit kertas komersial bersandarkan aset serta struktur pensekuritian yang kompleks juga bukan merupakan aktiviti yang lazim dijalankan.

Permodalan sistem perbankan yang kukuh dan ketersediaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi secara berterusan di dalam sistem kewangan domestik telah mengurangkan pergantungan institusi perbankan pada pensekuritian sebagai sumber pendanaan atau untuk pengurusan modal, dengan nisbah pinjaman deposit sistem perbankan kekal kurang daripada 85% sejak tahun 2004. Aktiviti pensekuritian bersandarkan aset terus menurun berbanding jumlah sekuriti hutang terkumpul (2011: RM15.7 bilion atau 1.8% daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul; 2010: RM16.2 bilion atau 2.1% daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul). Cagamas MBS Berhad, anak syarikat perbadanan gadai janji kebangsaan[3], merupakan penerbit sekuriti bersandarkan aset (asset-backed securities, ABS) utama dalam sistem kewangan Malaysia yang merangkumi hampir separuh (45.8%) daripada ABS terkumpul. Pada masa sekarang, ABS yang diterbitkan oleh Cagamas MBS Berhad disandarkan sepenuhnya oleh pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan sebagai aset dasarnya. Pensekuritian aset yang diterbitkan oleh beberapa entiti bank dan entiti bukan bank, masing-masing merangkumi 18% dan 36.1%, dengan jumlahnya kekal amat sederhana sejak beberapa tahun ini. Sementara itu, risiko keseluruhan yang timbul daripada aktiviti jaminan kredit kekal rendah memandangkan saiz jaminan terkumpul adalah kecil iaitu sebanyak RM13.6 bilion, termasuk jaminan yang diberikan oleh Perbadanan Jaminan Kredit (Credit Guarantee Corporation) kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Amalan dan infrastruktur pengurusan risiko bank yang kukuh turut menyumbang kepada kualiti aset yang lebih baik seperti yang diperlihatkan oleh jumlah kerugian pinjaman terjejas yang rendah. Oleh itu, penggunaan instrumen pensekuritian atau penambahbaikan kredit untuk membentuk kedudukan spekulatif leveraj tinggi (highly leveraged speculative positions) dalam sistem kewangan domestik adalah terkawal dengan baik.

Rajah 2

Komposisi Aktiviti Pengantaraan Kredit oleh Entiti Bukan Bank



*AIKP merujuk kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Sumber: Kaji selidik Bank Negara Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pelbagai penyata kewangan, dan anggaran dalaman

[3] Perbadanan gadai janji kebangsaan, Cagamas Berhad, dimiliki secara majoritinya oleh institusi perbankan.

(ii) Risiko ketidakpadanan tempoh matang dan mudah tunai yang rendah

Pengantara kredit bukan bank di Malaysia secara umumnya tidak bergantung pada pendanaan yang kompleks dari pasaran kewangan untuk melaksanakan transformasi tempoh matang atau mudah tunai. Ini mengurangkan dedahan pengantara kredit bukan bank di Malaysia kepada kejutan mudah tunai pasaran yang mendadak atau mudah tunai yang tergendala. Terbitan sekuriti hutang oleh pengantara kredit bukan bank yang mencakupi bahagian yang kecil daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul menghadkan lagi sebarang impak tekanan yang dihadapi oleh pengantara ini terhadap mudah tunai pasaran keseluruhan.

Rajah 3

Transformasi Kredit, Mudah Tunai dan Tempoh Matang menggunakan Pendanaan dari Pasaran Kewangan

Rantaian pengantaraan kredit di ekonomi maju



Sumber: Laporan Staf, Federal Reserve Bank of New York no. 458

Rantaian pengantaraan kredit di Malaysia



Nota: ABS: Sekuriti Bersandarkan Aset (Asset-Backed Securities), ABS CDO: Sekuriti Bersandarkan Aset Obligasi Hutang Bercagar (Asset-Backed Securities Collateralised Debt Obligations), ABCP: Kertas Komersial Bersandarkan Aset (Asset-Backed Commercial Paper), CP: Kertas Komersial (Commercial Paper), Repo: perjanjian belian balik, NAB: Nilai Aset Bersih dan PDS: Sekuriti Hutang Swasta (Private Debt Securities)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Walaupun pasaran bon Malaysia telah berkembang dari segi saiz dan kedalamannya sejak beberapa tahun yang lalu, namun pergantungan pada sekuriti hutang oleh pengantara kredit bukan bank untuk membiayai aktiviti kredit secara relatifnya masih rendah. Bagi pengantara kredit bukan bank yang lebih besar, kebanyakan aktiviti kredit dibiayai oleh sumbangan ahli manakala bagi pengantara kredit yang lain, sumber utama pendanaan adalah daripada dana yang dijana secara dalaman. Sekuriti hutang swasta yang diterbitkan oleh pengantara kredit bukan bank berjumlah RM29.6 bilion atau 3.5% daripada sekuriti hutang terkumpul pada akhir tahun 2011. Daripada sekuriti hutang yang diterbitkan oleh pengantara kredit bukan bank, kertas komersial mencakupi 2.2%, iaitu sebanyak RM651 juta atau 11.2% daripada jumlah kertas komersial terkumpul. Walaupun sebilangan kecil daripada entiti bukan bank bergantung pada kertas komersial, sebarang impak pada pengantaraan kredit terhadap kestabilan kewangan yang timbul daripada sebarang kemerosotan mudah tunai pasaran adalah terhad memandangkan aktiviti serta kemudahan tetap dan kredit yang diperoleh daripada bank adalah berskala kecil. Dedahan pengantara kredit bukan bank kepada ketidakpadanan tempoh matang juga terhad dengan tempoh matang purata sekuriti hutang swasta yang diterbitkan ialah 8.2 tahun, manakala pembiayaan yang diberikan oleh entiti ini, yang merupakan sebahagian besar daripada aset, kebanyakannya adalah untuk tempoh sederhana yang tidak melebihi sembilan tahun.

(iii) Kesalinghubungan dengan sistem kewangan terkawal dengan baik

Kesalinghubungan kewangan langsung antara pengantara kredit bukan bank dengan sistem perbankan adalah terutamanya dalam bentuk penyimpanan deposit dengan bank dan dedahan risiko rakan niaga. Dedahan risiko rakan niaga ini timbul daripada pemberian pinjaman

Rajah 4

Kesalinghubungan Kewangan yang Kompleks antara Pelbagai Komponen Sistem Kewangan di Amerika Syarikat



[1] Termasuk kumpulan wang pelaburan semula hasil daripada peminjaman sekuriti (securities lending cash reinvestment pools), dana lindung nilai, dana bersama, dan pengurus aset lain

Nota: CDO: Obligasi Hutang Bercagar (Collateralised Debt Obligations), MBS: Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji (Mortgage-Backed Securities), MMF: Dana Pasaran Wang (Money Market Fund), SIV: Syarikat Pelaburan Berstruktur (Structured Investment Vehicle) dan Repo: perjanjian belian balik

Sumber: Financial Crisis Inquiry Commission Preliminary Staff Report, "Shadow Banking and the Financial Crisis", Mei 2010

oleh bank kepada atau pemegangan sekuriti hutang yang diterbitkan oleh pengantara kredit bukan bank. Secara agregat, penyimpanan deposit oleh pengantara kredit bukan bank mencakupi hampir 10% daripada jumlah deposit dalam sistem perbankan pada akhir tahun 2011. Kumpulan wang simpanan dan pencen, penanggung insurans dan pengendali takaful serta beberapa dana amanah saham yang besar mencakupi sebahagian besar daripada deposit tersebut (69.7%), manakala selebihnya terbahagi antara entiti kewangan bukan bank yang kecil. Penyimpanan deposit oleh kumpulan wang simpanan dan pencen, penanggung insurans dan pengendali takaful serta dana amanah saham terdapat di beberapa institusi perbankan, seterusnya mengurangkan risiko pertumpuan dana pada sesebuah bank. Walaupun pemberian pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang yang diterbitkan oleh pengantara kredit bukan bank oleh institusi perbankan telah berkembang sejak beberapa tahun ini, dedahan risiko kredit sedemikian masih kecil, merangkumi hanya 2.9% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan sekuriti hutang swasta terkumpul yang dipegang oleh sistem perbankan atau 21% daripada modal asas sistem perbankan. Memandangkan saiz pengantaraan kredit bukan bank dalam sistem kewangan adalah kecil secara relatifnya, maka kesalinghubungan antara pengantara tersebut juga terhad.

(iv) Sebahagian besar daripada aktiviti dan entiti tertakluk kepada pengawasan

Penanggung insurans, pengendali takaful, dan IKP yang di bawah pengawasan kehematan Bank mencakupi 26% daripada aset yang dipegang oleh pengantara kredit bukan bank. Dana amanah saham, yang merangkumi 18% daripada aset yang dipegang oleh pengantara kredit bukan bank, adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Rajah 5). Pertumbuhan lima kali ganda industri dana amanah saham dalam tempoh sedekad yang lalu telah dipacu terutamanya oleh paras tabungan isi rumah yang tinggi sebagai sumber pembiayaan. Sebahagian lagi daripada aset (41%) yang dipegang oleh kumpulan wang simpanan dan pencen adalah di bawah kelolaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), yang penubuhan, pengurusan dan operasinya ditadbir urus di bawah perundangan khusus. Dengan pelaburan jangka sederhana dan panjang, dan pelaburan strategik oleh kumpulan wang simpanan dan pencen secara umumnya sepadan dengan liabiliti mereka yang bersifat jangka panjang, maka entiti ini terdedah kepada risiko tempoh matang atau transformasi mudah tunai yang minimum. Di Malaysia, agensi penarafan kredit yang membantu proses pengantaraan kredit juga tertakluk kepada pengawasan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sementara itu, Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit, yang ditubuhkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010, dan dijangka memulakan operasi pada tahun 2012, akan mentadbir urus operasi biro kredit swasta.

Rajah 5

Saiz Pelbagai Entiti dan Aktiviti Pengantaraan Kredit serta Struktur Pengawasan



* AIKP merujuk kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Sumber: Kaji selidik Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, pelbagai penyata kewangan dan anggaran dalaman

Rajah 5 (sambungan)

Saiz aktiviti pengantaraan kredit dan struktur pengawasan



* AIKP merujuk kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

[1] Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi lesen kepada pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai manakala aktiviti sewa beli tertakluk kepada Akta Sewa Beli 1967 yang ditadbir oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Sumber: Kaji selidik Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pelbagai penyata kewangan dan anggaran dalaman

Sejak kebelakangan ini, aktiviti dan saiz aset pemberi pinjaman bukan bank yang tidak tertakluk di bawah pengawasan kehematan Bank telah meningkat. Pertumbuhan pembiayaan terutamanya tertumpu pada sektor isi rumah, meskipun terus mencakupi bahagian kecil (5.9%) daripada jumlah pembiayaan kepada isi rumah. Untuk memastikan perkembangan ini tidak akan menyumbang kepada peningkatan leveraj yang tidak berhemat dalam sektor isi rumah pada masa akan datang, pemantauan dan pengawasan Bank terhadap perkembangan aktiviti pemberian pinjaman oleh pemberi pinjaman bukan bank telah diperkukuh melalui kerjasama rapat dengan pihak berkuasa penyeliaan yang berkenaan. Langkah khusus juga telah dilaksanakan untuk memastikan bahawa koperasi kredit dan institusi kredit perumahan yang besar mematuhi amalan pembiayaan yang bertanggungjawab selaras dengan peraturan yang dikenakan terhadap institusi kewangan di bawah kawal selia Bank.

Pemantauan dan pengawasan yang berterusan terhadap sistem perbankan bayangan disokong oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Akta ini membolehkan Bank mengumpul data dan maklumat mengenai entiti bukan bank yang tidak dikawal selia oleh Bank bagi tujuan memantau risiko yang baru muncul dalam sistem kewangan, dan jika dianggap wajar, Bank boleh mengambil langkah pengawalan risiko yang perlu untuk memastikan risiko dapat dibendung. Rangka kerja pemantauan Bank telah dipertingkat untuk mengenal pasti dengan lebih baik perkembangan dalam sektor ini dan untuk memantau kesalinghubungan antara sektor ini dengan sistem perbankan. Usaha juga sedang diambil untuk membentuk pengaturan kerjasama antara agensi yang baharu, serta mengukuhkan pengaturan kerjasama sedia ada, yang akan membolehkan pertukaran maklumat dengan efektif dan menambah baik penyelarasan dan pelaksanaan dasar. Ini termasuk penambahbaikan yang berterusan terhadap Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) Bank dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan perumusan MoU yang sedang dilaksanakan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Selain usaha ini, pihak Bank juga terus memberikan penekanan terhadap isu-isu global mengenai langkah pengawalseliaan dan cadangan langkah perlindungan terhadap sistem perbankan bayangan, termasuk isu di bawah inisiatif FSB. Jika perlu, penilaian akan dibuat terhadap keperluan langkah pengawalseliaan terhadap pengantara kredit bukan bank di Malaysia untuk memastikan aktiviti entiti ini tidak menyumbang kepada peningkatan risiko yang ketara dalam sistem kewangan.

2017

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

55 Mengukuhkan Struktur Pasaran

57 Menggalakkan Pengantaraan Dana Secara Berkesan dan Cekap untuk Menyokong Pertumbuhan Ekonomi

58 *Rencana: Pelan Sektor Kewangan*

61 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh

62 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Inklusif

65 Meningkatkan Kesalinghubungan Malaysia dengan Ekonomi Serantau dan Antarabangsa

66 Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa

68 *Rencana: Perkembangan Pesat Pengurusan Mudah Tunai dalam Kewangan Islam*

72 Mempertingkat Pendidikan dan Perlindungan Pengguna

73 Pembangunan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan

75 *Rencana: Cadangan Rangka Kerja Perundangan Baharu untuk Pengawalan dan Penyeliaan Kewangan*

Penstrukturan semula dan reformasi kewangan bersama-sama dengan pasaran kewangan yang lebih meluas selepas krisis kewangan Asia telah menyediakan asas yang kukuh yang telah menyokong prestasi sektor kewangan yang terus mantap dan berdaya tahan pada tahun 2011 di sebalik persekitaran luaran yang sukar. Ini membolehkan keutamaan pembangunan sektor kewangan dijurus ke arah pengukuhan potensi pertumbuhan jangka panjang Malaysia dengan menguatkan keupayaan sektor kewangan dalam pengantaraan dana bagi bidang pertumbuhan baharu dan menggalakkan hubungan kewangan serantau dan antarabangsa. Dalam usaha ini, pertimbangan terhadap kestabilan kekal sebagai perkara yang paling utama dengan kepentingan yang diberikan untuk memastikan tuntutan ekonomi untuk perkhidmatan kewangan baharu dapat dipenuhi tanpa menjejaskan kestabilan keseluruhan dan keyakinan terhadap sistem kewangan. Pada banyak tahap, Malaysia mempunyai prasyarat yang membolehkan sektor kewangan memenuhi tuntutan sektor ini. Ini termasuklah keupayaan kukuh institusi kewangan Malaysia untuk menyerap risiko, tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang bertambah baik, serta jaring keselamatan yang berkesan yang meliputi insurans deposit dan sistem pengawalan dan penyeliaan yang teguh. Bank terus mengukuhkan prasyarat ini apabila perlu untuk mencerminkan persekitaran yang berubah. Dalam beberapa bidang, seperti dalam meningkatkan keupayaan pengguna untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang lengkap dan memperluas bekalan tenaga mahir yang berkualiti tinggi, banyak usaha lagi yang perlu dilaksanakan yang melibatkan kerjasama dengan pihak yang berkepentingan untuk menangani kekurangan yang ada.

Pelan Sektor Kewangan, iaitu pelan strategik yang menyeluruh yang melakarkan hala tuju masa hadapan sistem kewangan Malaysia bagi tempoh 10 tahun akan datang, telah disiapkan dan diterbitkan pada bulan Disember 2011. Pelan tersebut bermatlamat untuk meletakkan sektor kewangan pada kedudukan yang membolehkannya melaksanakan peranan yang lebih penting bagi menyokong transformasi Malaysia ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Pelan Sektor Kewangan berlandaskan pencapaian daripada Pelan Induk Sektor Kewangan yang pertama dan mencakupi empat bidang umum, iaitu: (i) mengembangkan sektor kewangan yang terbaik untuk ekonomi Malaysia; (ii) meningkatkan hubungan kewangan serantau dan antarabangsa; (iii) memelihara kestabilan sistem kewangan; dan (iv) meningkatkan pendorong utama yang menyokong pembangunan sistem kewangan. Maklumat lanjut mengenai Pelan Sektor Kewangan ini boleh didapati dalam rencana: `Pelan Sektor Kewangan´.

Pelan Sektor Kewangan bermatlamat untuk meletakkan sektor kewangan pada kedudukan yang membolehkannya melaksanakan peranan yang lebih penting bagi menyokong transformasi Malaysia ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi

MENGUKUHKAN STRUKTUR PASARAN

Institusi perbankan terus melaksanakan peranan yang utama dalam sistem kewangan Malaysia, mencakupi anggaran 55% daripada jumlah aset sistem kewangan pada tahun 2011, iaitu secara relatifnya tidak berubah berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2011, penggabungan antara dua kumpulan perbankan domestik telah membentuk kumpulan perbankan yang keempat terbesar di Malaysia. Malaysia kini mempunyai lapan kumpulan perbankan domestik yang mencakupi 73% daripada aset sistem perbankan, manakala 23 bank milik asing yang beroperasi sebagai syarikat subsidiari yang diperbadankan di dalam negeri menguasai

selebihnya. Institusi perbankan di Malaysia bersaing dengan berkesan dalam pasaran, dengan lima kumpulan perbankan yang paling besar berkongsi 61.5% daripada jumlah aset sistem perbankan, iaitu pertumpuan yang tidak ketara mengikut perbandingan antarabangsa. Rangkaian produk yang luas ditawarkan dalam sektor perbankan, dan tahap saingan yang tinggi berterusan juga disaksikan pada tahun 2011 dari segi penentuan harga dan penawaran produk tersendiri, terutamanya dalam segmen runcit. Persaingan dalam sektor perbankan juga diperkukuh dengan adanya keperluan untuk bank membekalkan maklumat yang jelas mengenai produk kewangan yang setara antara institusi, dasar pembukaan cawangan yang lebih fleksibel serta kemasukan institusi baharu ke dalam pasaran sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Akta Persaingan 2010, yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 dan mentadbir syarikat dalam semua industri termasuk sektor kewangan, akan memperkukuh persekitaran yang mempunyai tahap persaingan yang wajar dalam sektor kewangan. Akta ini melengkapi usaha Bank untuk meningkatkan rangka kerja perlindungan pengguna secara keseluruhan di Malaysia dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Bank bekerja rapat dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia dengan matlamat untuk memastikan pelaksanaan yang lancar bagi Akta ini dalam sektor kewangan, dan khususnya, untuk memastikan agar implikasinya terhadap amalan yang sedia ada akan mengurangkan risiko terhadap industri dan akhirnya membawa kepada kesan yang lebih baik untuk pengguna melalui kos yang lebih rendah atau manfaat yang bertambah baik. Perkara yang penting di sini adalah objektifnya difahami dengan baik dan sejajar dengan objektif yang dikehendaki oleh Akta.

Dalam industri insurans, keperluan untuk mematuhi piawaian modal yang lebih tinggi di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-based Capital Framework, RBC) telah mengukuhkan insentif untuk penggabungan dalam kalangan penanggung insurans, terutamanya dalam sektor insurans am. Tahun ini menyaksikan empat lagi skim penggabungan dan pengambilalihan yang telah diselesaikan, manakala perundingan yang melibatkan tiga syarikat insurans yang lain sedang berlangsung. Hasilnya, bilangan syarikat bersaiz kecil dalam industri insurans am semakin berkurang, menyumbang kepada persaingan yang lebih berkesan dan prospek daya maju yang lebih baik untuk penanggung insurans yang terkecil dalam industri. Secara kolektif, 20 penanggung insurans am yang terkecil kini mencakupi 47.2% daripada jumlah premium kasar dalam industri insurans am, peningkatan daripada 38% pada tahun 2010.

Keupayaan industri insurans am untuk terus menyokong permintaan terhadap perlindungan insurans liabiliti motor yang wajib untuk jangka panjang juga telah ditingkatkan dengan kelulusan rangka kerja perlindungan motor yang baharu

Keupayaan industri insurans am untuk terus menyokong permintaan terhadap perlindungan insurans liabiliti motor yang wajib untuk jangka panjang juga telah ditingkatkan dengan kelulusan rangka kerja perlindungan motor yang baharu pada tahun 2011, yang memberikan pendekatan yang holistik terhadap isu yang lama wujud mengenai herotan dalam penentuan harga dan ketidakcekapan yang berkaitan dengan proses penyelesaian tuntutan. Rangka kerja yang baharu, yang dibentuk melalui perundingan dengan pihak yang berkepentingan yang berkaitan, merangkumi 11 inisiatif, yang bertujuan untuk: (i) memperbaiki proses penyelesaian tuntutan yang dijangka dapat menyumbang kepada pengurusan kos tuntutan yang lebih baik; dan (ii) membenarkan pelarasan tahap premium secara berperingkat sepanjang tempoh empat tahun mulai pada bulan Januari 2012. Bagi memastikan akses yang berterusan oleh orang ramai kepada insurans motor dan pada masa yang sama menyokong keupayaan penanggung insurans untuk terus menyediakan perlindungan pada kadar premium pasaran yang dipersetujui dalam peralihan kepada rangka kerja yang baharu, Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP) telah diperkembangkan untuk menyediakan mekanisme bagi industri mengumpulkan bilangan risiko kereta persendirian dan motosikal yang semakin meningkat yang telah ditolak oleh penanggung insurans individu disebabkan oleh premium yang terlalu rendah, sebagai tambahan kepada fungsi semasanya sebagai penanggung insurans usaha akhir untuk ``risiko motor yang tinggi´´.

Menerusi MMIP, industri akan terus menyokong perlindungan bagi kenderaan yang tidak berisiko tinggi pada kadar premium pasaran, dan risiko ini tidak akan melibatkan premium yang lebih tinggi yang lazimnya dikenakan oleh MMIP sebagai penanggung insurans usaha akhir. Sebahagian lagi rangka kerja yang baharu ini ialah pusat panggilan 24-jam seluruh negara yang bakal ditubuhkan tidak berapa lama lagi untuk mempercepat proses penyelesaian tuntutan bagi mangsa kemalangan, selari dengan usaha yang berterusan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia untuk melaksanakan sistem elektronik bagi pemberitahuan, pengesahan dan pembayaran balik tuntutan kerosakan harta benda pihak ketiga. Secara kolektif, usaha ini akan memenuhi syarat yang ditetapkan untuk penyediaan insurans motor yang mampan dalam jangka masa yang lebih panjang.

MENGGALAKKAN PENGANTARAAN DANA SECARA BERKESAN DAN CEKAP UNTUK MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI

Pada tahun 2011, sektor kewangan terus melaksanakan fungsi pengantaraannnya dengan lancar untuk memenuhi pelbagai keperluan ekonomi. Jumlah pembiayaan terkumpul sektor perbankan meningkat sebanyak 13.6% kepada RM1,003.5 bilion pada akhir tahun 2011. Secara khususnya, dana terus ditujukan ke arah menyokong sektor perindustrian kecil dan sederhana (PKS) selaku pemacu penting pertumbuhan ekonomi, dengan pembiayaan PKS meningkat sebanyak 17.1% kepada RM165.4 bilion pada akhir tahun 2011. Perkara yang lebih penting ialah sokongan sektor kewangan terhadap PKS telah memberikan kesan yang besar dalam meningkatkan prospek kejayaan dalam kalangan PKS. Pada tahun 2011 sahaja, lebih 700 akaun PKS yang mempunyai jumlah nilai pembiayaan terkumpul sebanyak RM4.5 bilion dinaik taraf untuk menjadi akaun perusahaan besar. Syarikat dalam bidang pertumbuhan baharu dan industri inovatif juga terus menerima sokongan daripada sektor kewangan untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka.

Strategi yang menyeluruh telah diambil untuk mengukuhkan daya tahan institusi kewangan, membangunkan pasaran bon sebagai sumber pendanaan yang penting untuk sektor korporat, dan menambah baik infrastruktur untuk menyokong pengantaraan kewangan. Berlandaskan asas ini, inisiatif yang diambil pada tahun 2011 menjurus

Rajah 2.1

Pembiayaan Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

kepada pembangunan keupayaan sektor kewangan dan persekitaran yang diperlukan oleh sektor kewangan dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang akan memenuhi keperluan ekonomi dan demografi ekonomi baharu ini. Keutamaan penting adalah:

(i) Meningkatkan infrastruktur sokongan dan pengaturan keinstitusian untuk memenuhi keperluan kewangan dan pembangunan PKS;
(ii) Membangunkan keupayaan sektor kewangan untuk menyokong bidang pertumbuhan baharu dan industri inovatif; dan
(iii) Membangunkan rangka kerja pencen yang teguh untuk membolehkan isi rumah menguruskan keperluan kewangan persaraan mereka.

(i) Meningkatkan infrastruktur sokongan dan pengaturan keinstitusian untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan pembangunan PKS

Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd. (CBM) (dahulunya dikenali sebagai SME Credit Bureau Sdn. Bhd.) menyediakan akses kepada maklumat dan penarafan PKS untuk tujuan penilaian kredit. CBM telah melaksanakan peranan yang penting dalam menangani jurang maklumat yang berkaitan untuk menentukan keupayaan perniagaan untuk membuat pembayaran balik, satu faktor yang sebelum ini mengekang akses kepada pembiayaan untuk PKS. Biro ini, yang dimulakan oleh Bank dan Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC), boleh diakses oleh pembiaya, penjamin kredit dan rakan niaga PKS. Sejak memulakan operasi pada tahun 2008, 41 institusi kewangan dan 28,249 institusi bukan kewangan telah

Pelan Sektor Kewangan

Pelan Sektor Kewangan (Pelan) yang dilancarkan pada 21 Disember 2011, melakarkan hala tuju sektor kewangan dalam peralihan negara menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sejajar dengan mandat Bank di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan merangkumi semua, Pelan ini menyediakan wawasan bagi sektor kewangan ke arah memenuhi peranan sebagai pendorong, pemangkin dan pemacu pertumbuhan ekonomi.

Pelan Sektor Kewangan sebagai Pemangkin bagi Transformasi Sektor Kewangan
Sebagai asas kepada Pelan ini, Pelan Induk Sektor Kewangan (Financial Sector Masterplan, FSMP), yang dilancarkan pada tahun 2001, menggariskan hala tuju pembangunan sektor kewangan yang teratur: bermula dengan pembangunan institusi dan infrastruktur, diikuti dengan pengenalan persaingan yang lebih sengit melalui penyahkawalseliaan berserta pengukuhan penyeliaan, dan berakhir dengan liberalisasi dan integrasi antarabangsa yang lebih meluas. FSMP juga memberikan tahap kepastian pengawalseliaan tinggi yang mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi institusi kewangan untuk membuat pelaburan jangka panjang dalam pembinaan keupayaan dan usaha niaga strategik. Ini telah menghasilkan sektor kewangan yang lebih dinamik dan berdaya tahan pada hari ini, dengan tadbir urus korporat, amalan pengurusan risiko yang lebih baik, dan daya saing dan kecekapan yang lebih tinggi.

Berlandaskan pencapaian FSMP ini, Pelan ini melangkaui pendekatan berasaskan sektor yang diterapkan dalam FSMP kepada pendekatan yang mencerminkan sektor kewangan yang lebih bersepadu dengan peningkatan kesalinghubungan merentas sektor serta sempadan. Saranan dalam Pelan ini bertumpu pada imperatif strategik utama bagi transformasi Malaysia ke arah menjadi ekonomi yang bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Pendekatan ini beralih daripada menggunakan segmentasi struktur tradisional dan menggalakkan kesalinglengkapan antara komponen yang berbeza dalam sistem kewangan, dengan perlindungan yang wajar, untuk memupuk ekosistem yang kondusif bagi sektor kewangan yang teguh. Pelan menjangkakan bahawa peserta dalam sistem kewangan akan memainkan peranan yang jauh lebih penting dalam merealisasikan wawasan untuk mewujudkan sektor kewangan yang lebih berdaya saing, dinamik, inklusif, pelbagai dan bersepadu. Dalam menerapkan pendekatan baharu ini, kesinambungan tujuan dikekalkan dalam Pelan untuk memberikan hala tuju yang jelas bagi merangsang transformasi landskap kewangan negara sepanjang dekad akan datang.

Bidang Tumpuan di bawah Pelan
Sembilan hasil strategik yang dihasratkan di bawah Pelan yang menyediakan rangka kerja bagi saranan khusus ialah:

- Menyokong transformasi Malaysia menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi melalui **pengantaraan dana yang berkesan dan cekap** ke arah memenuhi keperluan perniagaan dan isi rumah yang baharu dan lebih pelbagai;
- **Membangunkan pasaran kewangan Malaysia** untuk memenuhi keperluan pendanaan, pelaburan dan pengurusan risiko bagi ekonomi yang lebih maju dan bersepadu pada peringkat antarabangsa;
- Memastikan semua anggota masyarakat, termasuk golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, **mendapat akses kepada, dan menggunakan perkhidmatan kewangan asas yang berkualiti serta mampu dibayar** demi kesejahteraan bersama yang lebih meluas;
- **Mengukuhkan integrasi kewangan serantau dan antarabangsa** melalui sektor kewangan yang lebih terbuka, berdaya saing dan pelbagai, dengan kesalinghubungan yang lebih meluas di rantau ini;
- **Menambah baik ekosistem kewangan Islam** untuk menyokong jumlah aliran kewangan Islam antarabangsa yang semakin meningkat;
- Mengekalkan keberkesanan **rejim pengawalseliaan dan penyeliaan** yang memelihara kestabilan kewangan dan menggalakkan daya tahan institusi kewangan dalam landskap yang lebih dinamik dan bersepadu pada peringkat antarabangsa;
- **Mempercepat perpindahan kepada pembayaran elektronik** sebagai pengantara utama bagi urus niaga kewangan di Malaysia;

- **Memperkasakan pengguna kewangan** melalui pendidikan kewangan yang berkesan dan mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna; dan
- **Memastikan bekalan tenaga mahir yang mencukupi** bagi sektor kewangan yang dinamik dan inovatif.

Pelan ini mengemukakan 69 saranan dan lebih daripada 200 inisiatif yang menyokong hasil strategik ini. Inisiatif yang akan diutamakan ialah inisiatif yang menangani prasyarat, perlindungan, atau persekitaran kondusif yang diperlukan untuk memastikan kejayaan saranan yang lain di bawah Pelan. Pada tahun 2012, keutamaan akan diberikan kepada inisiatif berikut:

- Menjalankan kajian semula yang komprehensif terhadap rangka kerja perundangan untuk memastikan undang-undang pengawalseliaan kekal relevan dalam landskap yang baru muncul. Kajian ini termasuklah perlindungan yang mencukupi untuk menyokong liberalisasi sektor kewangan dan integrasi kewangan yang lebih meluas;
- Mengukuhkan lagi infrastruktur kewangan untuk menyokong pengantaraan yang berkesan, termasuk penambahbaikan terhadap rangka kerja maklumat kredit dan pembentukan platform untuk menambah baik aliran maklumat;
- Meningkatkan peranan institusi kewangan dan pasaran modal dalam memberikan pembiayaan modal risiko untuk menyokong bidang pertumbuhan baharu dengan kerjasama agensi yang berkaitan;
- Meluaskan rangkaian produk dan penyertaan dalam pasaran pertukaran asing dan wang, melalui instrumen baharu, langkah pertukaran asing yang memudahkan dan platform urus niaga yang lebih meluas;
- Menyokong inisiatif untuk menggalakkan integrasi kewangan serantau, termasuk membangunkan rangka kerja yang komprehensif supaya institusi kewangan ASEAN berkembang dengan teratur di rantau ini;
- Mempercepat pembangunan saluran inovatif, seperti perbankan ejen dan perbankan mudah alih bagi memastikan jangkauan perkhidmatan kewangan yang lebih luas;
- Mengukuhkan infrastruktur sistem pembayaran dan melaksanakan reformasi penentuan harga bagi memantapkan insentif untuk perpindahan kepada pembayaran secara elektronik;
- Menubuhkan jawatankuasa pihak berkuasa yang berkaitan untuk menggubal dan melaksanakan undang-undang kredit pengguna yang baharu; dan
- Menubuhkan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan untuk memberikan tumpuan dan penyelarasan yang lebih baik terhadap pembangunan tenaga mahir bagi menyokong pembangunan sektor kewangan.

Hasil daripada perbincangan yang diadakan semasa membangunkan Pelan ini, Bank akan terus mempertingkat interaksinya dengan pihak yang berkenaan, melalui saluran formal dan tidak formal, dalam melaksanakan Pelan ini. Sememangnya, dalam banyak perkara, kerjasama rapat dan sokongan industri, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan lain termasuk pengguna, sangat penting demi kejayaan Pelan.

mendaftar untuk menjadi ahli CBM. Lebih 370,000 laporan telah dijana oleh CBM untuk memudahkan penilaian kredit yang lebih berkesan dan penjimatan masa yang ketara (hingga sebanyak 75%) bagi proses kelulusan pinjaman dan jaminan. Pada bulan Oktober 2011, CBM turut melancarkan sistem Pemantauan Kredit Kendiri untuk membolehkan PKS memantau sendiri prestasi kredit mereka, justeru menggalakkan budaya kredit yang kukuh dan kelakuan pembayaran balik yang baik dalam kalangan PKS yang seterusnya meningkatkan prospek untuk mendapatkan pembiayaan bagi menyokong keperluan perniagaan semasa dan untuk masa hadapan.

Akses kepada pembiayaan untuk PKS juga telah menjadi lebih cekap hasil usaha yang diambil oleh lapan bank untuk memudahkan proses dan prosedur bagi permohonan pinjaman PKS di bawah inisiatif PARTNER yang dilancarkan oleh Persatuan Bank-Bank di Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) pada bulan November 2010. Peningkatan utama di bawah inisiatif ini adalah penyeragaman dokumen permohonan pinjaman untuk memudahkan proses permohonan pinjaman PKS yang lebih cekap. Ini juga mempercepat penilaian kredit permohonan pinjaman daripada PKS. Sokongan tambahan juga telah disediakan untuk PKS menerusi Meja Bantuan Pembiayaan PKS yang diwujudkan di dewan perniagaan dan persatuan PKS di seluruh negara. Pada tahun 2011, seramai 122 orang jurulatih daripada 19 persatuan PKS dan dewan perniagaan di seluruh negara dilatih di bawah program ``Melatih Jurulatih´´ sebagai sebahagian usaha berterusan untuk melengkapkan Meja Bantuan bagi memberi nasihat dengan lebih baik mengenai saluran pembiayaan yang ada, faktor kredit yang penting yang dipertimbangkan oleh bank sebelum memberikan pinjaman, dan cara PKS boleh memperbaiki kedudukan kredit mereka.

(ii) Meningkatkan keupayaan sektor kewangan untuk menyokong bidang pertumbuhan baharu dan industri inovatif

Bagi profesional yang sedang bekerja dalam industri kewangan, Institut Kewangan Asia

(Asian Institute of Finance, AIF) dan institusi bersekutunya, iaitu Institut Bank-bank Malaysia (IBBM), Institut Insurans Malaysia (Malaysian Insurance Institute, MII) serta IBFIM, mempunyai peranan penting untuk membina dan mengukuhkan kecekapan teras bagi memenuhi tuntutan baharu landskap kewangan yang cepat berubah dan lebih kompleks. Pusat Pengurusan Risiko serta Pusat Penyelidikan dan Penerbitan Kewangan Gunaan yang ditubuhkan oleh AIF pada tahun 2010 telah membangunkan dan memperkenalkan sembilan program bertujuan untuk menyokong peningkatan yang berterusan dalam keupayaan pengurusan risiko dalam sektor perbankan konvensional, perbankan Islam, insurans, takaful dan pasaran modal, bagi menangani risiko baharu dan yang baru muncul. Ini diperkukuh lagi dengan inisiatif penyelidikan dalam pengurusan risiko yang dimulakan oleh AIF yang akan memberikan input untuk menaik taraf dan mempertingkat kualiti program untuk jangka masa seterusnya. Pada tahun 2011, AIF juga menubuhkan Pusat Rangkuman Kewangan untuk membangunkan program latihan dalam pembiayaan mikro. Pusat ini bakal melancarkan program pertamanya pada tahun 2012 yang akan menumpukan kepada kepimpinan dan kemahiran teknikal yang diperlukan bagi menguruskan operasi kewangan mikro dengan jayanya. Penerapan piawaian Rangka Kerja Penilaian dan Akreditasi Program Pembelajaran AIF kepada program yang ditawarkan oleh institusi bersekutunya telah menyumbang ke arah mempertingkat kualiti dan relevannya keseluruhan program latihan yang ditawarkan kepada industri. Mulai tahun 2011, semua program yang ditawarkan oleh institusi bersekutu AIF mesti memenuhi dan dinilai secara bebas terhadap piawaian yang ditetapkan di bawah Rangka Kerja itu. Penglibatan pengamal industri yang terlatih dan berpengalaman dalam penilaian program latihan industri telah menjadi faktor penyumbang yang penting dalam menghasilkan peningkatan yang ketara dalam kualiti latihan yang disediakan untuk industri.

Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif (Iclif) meneruskan usaha untuk membina keupayaan kepimpinan dan tadbir urus yang kukuh dalam melahirkan pemimpin bertaraf dunia, khususnya dalam industri kewangan. Pada tahun 2011, Iclif terus meluaskan kepelbagaian latihan yang ditawarkan bagi menangani cabaran kepimpinan dan organisasi yang kritikal dalam perniagaan dan kewangan moden. Memandangkan keadaan cabaran ini yang seringkali unik, permintaan terhadap khidmat nasihat Iclif, yang disokong oleh pakar-pakar daripada institusi terkemuka di dunia, juga meningkat. Iclif juga terus menyokong pendidikan berterusan bagi pengarah institusi kewangan melalui program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE). Program ini terus memberikan impak yang terbukti dalam menggalakkan lebih banyak lembaga pengarah yang efektif dalam sektor kewangan. Maklumat lanjut mengenai FIDE terdapat dalam Bab 3: Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan di bawah tajuk ``Tadbir Urus Korporat´´. Melangkah ke hadapan, Iclif juga akan menerbitkan penyelidikan proprietari mengenai kepimpinan dan tadbir urus, yang berfokuskan Asia dengan perspektif global.

Cadangan Rangka Kerja Perundangan Baharu untuk Pengawalan dan Penyeliaan Kewangan

Pada tahun 2011, Bank telah menyiapkan kajian semula yang menyeluruh terhadap undang-undang pengawalseliaan sedia ada yang mengawal selia institusi kewangan, pasaran dan sistem pembayaran di bawah kawal selia Bank. Kajian semula itu berlandaskan asas untuk menggalakkan kestabilan kewangan yang terkandung dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009, dan secara khususnya, mengetengahkan cadangan untuk menyokong tiga fungsi utama Bank di bawah Akta tersebut – mengawal dan menyelia institusi kewangan di bawah kawal selia Bank, mengawasi pasaran kewangan dan pasaran pertukaran asing, serta melaksanakan pengawasan terhadap sistem pembayaran.

Kajian semula yang dijalankan bertujuan untuk memastikan undang-undang pengawalseliaan terus bersifat semasa dan berkesan untuk membolehkan Bank melaksanakan mandat pengawalan dan penyeliaan bagi memelihara kestabilan sistem kewangan, dan pada masa yang sama mengakui perbezaan penting antara industri dan institusi yang dikawal selia. Bank memanfaatkan pengalaman luasnya dalam pengawalseliaan sektor kewangan dan resolusi institusi kewangan, serta pengajaran dan saranan daripada krisis kewangan global yang dijadikan input bagi kajian semula itu. Kajian semula tersebut tertumpu pada hasil utama berikut:

- Meminimumkan peluang untuk arbitraj pengawalseliaan dengan pendekatan yang konsisten dalam menangani risiko yang serupa dalam sistem kewangan, tanpa mengira dari mana asalnya risiko itu. Selaras dengan ini, perubahan yang dicadangkan juga bertujuan untuk menangani kekurangan yang masih terdapat dalam perundangan dari segi pengawasan amalan perniagaan, penyeliaan seluruh kumpulan, serta institusi kewangan yang penting dari segi sistemik yang pada masa ini tidak tertakluk kepada penyeliaan kehematan.
- Pengawalan dan penyeliaan harus sepadan dengan risiko yang ditimbulkan oleh institusi dan pasaran yang dikawal selia.
- Bank harus berupaya mengambil tindakan awal untuk menghindarkan kegagalan, termasuk mempunyai fleksibiliti yang sewajarnya bagi mempengaruhi dan membetulkan amalan pasaran yang tidak berhemat tepat pada masanya apabila keadaan berubah.
- Apabila berlaku kegagalan, Bank harus mempunyai alat yang diperlukan untuk meminimumkan kerugian kepada pendeposit dan pemegang polisi, serta kos kepada keseluruhan sistem kewangan.
- Mandat penyeliaan yang dipertanggungjawabkan kepada Bank perlu jelas, serta perlu wujud tahap ketelusan yang sewajarnya dalam pelaksanaan mandat tersebut oleh Bank.

Titik permulaan kajian semula ini ialah cadangan penyatuan dan rasionalisasi terhadap undang-undang pengawalseliaan sedia ada untuk menghasilkan rangka kerja perundangan yang lebih bersepadu. Dwirangka kerja perundangan akan dikekalkan bagi perniagaan kewangan konvensional dan kewangan Islam selaras dengan dwisistem kewangan di Malaysia. Dalam dwirangka kerja ini, penyeliaan kehematan dan amalan pasaran institusi dan pasaran di bawah kawal selia Bank akan disepadukan di bawah perundangan baharu yang dicadangkan bertujuan untuk menggantikan Akta sedia ada, iaitu Akta Perbankan dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Perbankan Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Berikut ialah saranan utama lain hasil daripada kajian semula tersebut.

Matlamat Pengawalseliaan yang Jelas

Dalam merealisasikan matlamat utama Bank untuk memelihara kestabilan kewangan, perundangan yang dicadangkan bertujuan menjelaskan kebertanggungjawaban Bank. Ini membolehkan sumber diagihkan kepada tanggungjawab utamanya, sementara mengimbangi dengan teliti hasil pengawalan dan penyeliaan yang mendorong keutamaan Bank. Ia juga dapat mengenal pasti bidang yang penyelarasan dengan pihak berkuasa lain adalah penting. Perundangan yang dicadangkan dengan itu mempunyai matlamat untuk mencerminkan komitmen semasa Bank untuk memupuk: (i) keselamatan dan keteguhan institusi kewangan; (ii) pasaran wang dan pasaran pertukaran asing yang berintegriti dan berfungsi dengan teratur; (iii) sistem pembayaran dan instrumen pembayaran

yang diyakini, selamat dan cekap; serta (iv) amalan perniagaan institusi kewangan yang saksama, bertanggungjawab dan profesional. Ini akan memberikan kejelasan terhadap pematuhan prinsip teras antarabangsa mengenai penyeliaan perbankan dan insurans yang berkesan, yang memerlukan mandat dan tanggungjawab pengawal selia diperuntukkan dengan jelas dalam perundangan.

Tahap Pengawalan dan Penyeliaan yang Berbeza

Di bawah pendekatan penyeliaan berasaskan risiko, skop dan liputan keperluan pengawalseliaan, serta tahap penyeliaan yang diterapkan kepada institusi dan pasaran di bawah kawal selia Bank dibezakan berdasarkan tahap risiko sistemik yang ditimbulkan oleh institusi atau pasaran tersebut. Risiko sistemik merujuk kepada kemungkinan kegagalan sesebuah institusi atau pasaran yang menyebabkan gangguan terhadap proses pengantaraan kewangan, perjalanan pasaran utama yang teratur, atau mencetuskan kehilangan keyakinan umum terhadap sistem kewangan. Selaras dengan pendekatan ini, kajian semula ini bertujuan memberikan perbezaan yang lebih jelas dalam perundangan, khususnya menerusi rangka kerja yang berbeza seperti yang dihuraikan di bawah, untuk menggalakkan rejim yang lebih telus dan bertanggungjawab. Dalam rejim ini, kuasa yang diberikan kepada Bank adalah setimpal dengan keperluan kepada kuasa tersebut untuk mencapai mandat Bank yang diperuntukkan dalam perundangan.

	Rejim yang bersesuaian (cadangan)	**Tahap Pengawalan dan Penyeliaan**
• Institusi perbankan • Penanggung insurans • Pengendali takaful	Pelesenan	Tertakluk kepada keperluan kehematan, amalan perniagaan dan perlindungan pengguna yang menyeluruh.
• Sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik	Penetapan	Tertakluk kepada keperluan untuk memastikan keselamatan, kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran yang ditetapkan.
• Broker insurans/takaful • Broker wang • Penasihat kewangan • Pengendali sistem pembayaran • Penerbit instrumen pembayaran yang ditetapkan	Kelulusan	Tertakluk terutamanya kepada keperluan amalan perniagaan dan perlindungan pengguna.
• Ajuster kerugian untuk tuntutan insurans atau takaful • Penyedia perkhidmatan pemerolehan perniagaan (merchant acquiring services) berhubung dengan sistem pembayaran	Pendaftaran	Pengawasan tertumpu terutamanya pada usaha menggalakkan amalan profesional dalam aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan yang dilesenkan atau diluluskan.

Ketelusan Kriteria Penilaian untuk Kebenaran Menjalankan Perniagaan Kewangan dan Kesesuaian Pemegang Saham

Aspek utama sistem pengawalseliaan kewangan yang teguh ialah proses yang rapi bagi membenarkan institusi menjalankan perniagaan kewangan yang dikawal selia, termasuk penilaian terhadap pemegang saham yang mempunyai kepentingan yang ketara serta pengawal mereka. Bank bercadang meningkatkan ketelusan proses ini dan memperkukuh integriti rangka kerja pengawalseliaan dengan menentukan faktor yang perlu diteliti oleh Bank apabila membenarkan institusi memasuki sektor kewangan. Ini juga bertujuan untuk menangani terlebih dahulu kebimbangan terhadap struktur yang kompleks dan insentif atau keadaan yang menggalakkan pengambilan risiko secara berlebih-lebihan yang boleh menyukarkan dengan ketara keberkesanan penyeliaan institusi kewangan. Oleh itu, selain kekuatan kewangan dan rekod prestasi perniagaan institusi, faktor yang dicadangkan, termasuk pertimbangan sama ada

institusi itu boleh menunjukkan perancangan perniagaan yang kukuh dan realistik bagi operasinya, sejauh mana struktur korporatnya boleh menghalang pengawalan dan penyeliaan yang berkesan, serta keupayaannya untuk mengubah struktur atau keadaan pasaran melalui cara yang boleh meningkatkan risiko kepada kestabilan kewangan.

Peruntukan bagi Pengawasan Terhadap Institusi yang Tidak Dikawal Selia
Tumpuan reformasi kewangan ekoran daripada krisis kewangan global adalah terhadap kebimbangan bahawa liputan penyeliaan kehematan adalah terlalu terhad. Ini telah mendorong tuntutan supaya rejim pengawalseliaan mempertimbangkan dengan sewajarnya risiko sistemik yang boleh timbul daripada interaksi antara institusi, aktiviti dan pasaran yang dikawal selia dengan yang tidak dikawal selia. Akta Bank Negara Malaysia 2009 membenarkan Bank untuk mendapatkan maklumat mengenai institusi yang penting dari segi sistemik, dan apabila perlu, mengarahkan institusi yang tidak dikawal selia oleh Bank untuk mengambil langkah khusus bagi menghindarkan risiko kepada kestabilan kewangan secara keseluruhan. Kuasa penting ini bertujuan untuk menggalakkan kestabilan kewangan, dan juga bersifat pembetulan sebagai tindak balas terhadap risiko tertentu kepada kestabilan kewangan. Kini wujudnya kesepakatan yang meluas, termasuk daripada Lembaga Kestabilan Kewangan, tentang perlunya institusi bukan bank yang mempunyai aktiviti pengantaraan kewangan yang ketara, atau yang berhubung rapat dengan sistem perbankan, untuk diletakkan di bawah suatu sistem pengawasan kehematan yang berterusan bagi meminimumkan sebarang arbitraj pengawalseliaan dan menggalakkan amalan yang wajar bagi kestabilan kewangan. Berdasarkan rasional ini, maka disarankan supaya Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk meletakkan institusi yang terlibat dengan aktiviti pengantaraan kewangan di bawah pengawalan dan penyeliaan yang berterusan jika didapati institusi tersebut menimbulkan atau mungkin menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan secara keseluruhan.

Meningkatkan Fokus Terhadap Amalan Perniagaan dan Perlindungan Pengguna
Meskipun undang-undang pengawalseliaan semasa mengenakan obligasi yang jelas supaya institusi kewangan mematuhi preskripsi pengawalseliaan kehematan yang menggalakkan keselamatan dan keteguhan, namun obligasi untuk mematuhi keperluan amalan perniagaan adalah kurang jelas. Ini telah sedikit sebanyak mengehadkan tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh Bank, termasuk tindakan awam bagi menangani kebimbangan terhadap amalan perniagaan. Perundangan yang dicadangkan bertujuan untuk menangani kekurangan ini dengan tiga cara utama: (i) memberi Bank mandat yang jelas bagi perlindungan pengguna berhubung dengan amalan penyedia perkhidmatan kewangan yang dikawal selia oleh Bank; (ii) menjelaskan obligasi penyedia perkhidmatan kewangan untuk mematuhi standard amalan perniagaan, dan melengkapi Bank dengan alat yang berkesan untuk menguatkuasakan standard tersebut; serta (iii) mengukuhkan pengaturan yang sedia ada untuk penyelesaian pertikaian pengguna menerusi skim ombudsman kewangan yang mendapat kelulusan dan pengawasan daripada Bank bagi penyelesaian pertikaian yang membabitkan penyedia perkhidmatan kewangan di bawah kawal selia Bank. Walau bagaimanapun, ini tidak akan mengubah pengaturan yang sedia ada berhubung dengan amalan pasaran bank pelaburan yang kini di bawah skop Suruhanjaya Sekuriti.

Fleksibiliti untuk Menentukan Piawaian Kehematan dan Amalan Perniagaan
Selaras dengan tahap pengawalan dan penyeliaan yang berbeza, penting bagi Bank berupaya untuk: (i) menentukan piawaian kehematan dan amalan perniagaan yang boleh dibeza-bezakan antara institusi yang dikawal selia atau kategori institusi yang dikawal selia mengikut profil risiko masing-masing; dan (ii) menyesuaikan piawaian tersebut mengikut peredaran masa apabila keadaan memerlukan, untuk menangani risiko baharu atau yang bakal dihadapi. Cadangan ini juga berupaya menghasilkan peningkatan kecekapan yang penting dengan membenarkan Bank memberikan fleksibiliti yang wajar kepada institusi untuk menguruskan perniagaan mereka dengan cara yang paling optimum apabila risiko diuruskan dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, saranan yang khusus telah dibuat untuk menyusun semula keperluan yang sedia ada dan memperkenalkan peruntukan baharu yang akan menyokong fleksibiliti ini. Peruntukan tersebut termasuk tanggungjawab khusus yang diberikan kepada lembaga pengarah untuk mengawasi strategi risiko dan kawalan dalaman institusi kewangan bagi menggalakkan daya maju jangka panjang institusi dan urusan yang saksama terhadap pengguna.

Fokus yang Lebih Teliti Terhadap Pematuhan dan Tadbir Urus Syariah dalam Sektor Kewangan Islam

Dalam dwisistem kewangan yang terdapat produk kewangan konvensional dan produk kewangan Islam ditawarkan selari, aspek penting dalam rangka kerja pengawalseliaan ialah aturan dan peraturan yang konsisten merentas kedua-dua sektor bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya arbitraj pengawalseliaan. Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk mencerminkan perbezaan asas dalam ciri risiko yang sedia ada dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Perundangan baharu yang dicadangkan untuk kewangan Islam bertujuan untuk memperuntuk dengan lebih jelas mengenai pematuhan Syariah dan pelaksanaan tadbir urus Syariah yang berkesan oleh institusi kewangan Islam, seterusnya memastikan rangka kerja pengawalseliaan yang padu. Antara lain, peruntukan yang dicadangkan telah diketengahkan untuk membenarkan Bank menentukan piawaian mengenai perkara Syariah, termasuk mengenai tadbir urus Syariah, prinsip dan amalan Syariah yang berkaitan dengan perniagaan dan hal ehwal institusi Islam, serta keperluan untuk pematuhan Syariah diaudit. Selaras dengan keperluan Syariah, undang-undang baharu yang dicadangkan juga akan menjelaskan proses dan keutamaan pembayaran apabila berlakunya pembubaran institusi kewangan yang menjalankan perniagaan kewangan Islam.

Peningkatan Kuasa untuk Menyelia Kumpulan Kewangan Berasaskan Kumpulan

Keberkesanan menyelia kumpulan kewangan merupakan salah satu daripada kewajipan penting agenda reformasi pengawalseliaan selepas dilanda krisis kewangan global. Matlamat kehematan utama penyeliaan kumpulan adalah untuk meminimumkan risiko penularan daripada operasi kumpulan yang akan menjejaskan keselamatan dan keteguhan institusi yang dikawal selia dalam sesuatu kumpulan. Meskipun perundangan dan amalan semasa menyokong penyeliaan secara individu institusi yang dikawal selia namun rangka kerja bagi penyeliaan kumpulan kewangan adalah tidak semaju itu. Untuk menyokong usaha semasa Bank dalam menyediakan pengaturan formal yang bersesuaian termasuk keperluan kehematan untuk penyeliaan kumpulan kewangan, perundangan baharu yang dicadangkan bertujuan memberikan mandat yang jelas untuk Bank melaksanakan pengawasan terhadap kumpulan kewangan yang mempunyai satu atau lebih daripada satu institusi yang berlesen dalam kumpulan mereka. Ini termasuk kuasa untuk Bank memberikan kelulusan secara formal kepada syarikat pemegangan kewangan, mendapatkan maklumat mengenai mana-mana entiti dalam kumpulan itu dan memeriksa entiti tersebut, menerapkan piawaian kehematan yang bersesuaian kepada syarikat pemegangan atau anak syarikat yang lain, dan menghendaki supaya langkah pembetulan diambil bagi mengurangkan sebarang risiko yang dikenal pasti terhadap institusi yang berlesen atau kumpulan kewangan itu. Kuasa sedemikian akan disokong dengan peningkatan peruntukan untuk Bank bekerjasama dengan pihak berkuasa penyeliaan yang lain, di dalam dan di luar negara, dalam bidang yang meliputi perkongsian maklumat penyeliaan dan pelaksanaan pemeriksaan.

Peningkatan Intervensi Penyeliaan

Perkara penting dalam pendekatan penyeliaan semasa Bank adalah untuk mengenal pasti risiko pada peringkat awal, serta proses yang teguh untuk meningkatkan tahap intervensi penyeliaan secara berperingkat. Bagi mencerminkan pendekatan ini, perubahan perundangan yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan Bank melaksanakan intervensi pada peringkat awal. Cadangan itu bertujuan untuk meluaskan rangkaian alat penyeliaan yang ada pada Bank untuk menangani masalah, dan membenarkan pendekatan yang berbeza diambil dalam keadaan apabila masalah sesuatu institusi tidak begitu serius dan pengurusannya memberikan kerjasama, berbanding dengan keadaan yang memerlukan tindakan yang lebih formal dengan penalti yang berat kerana ketakpatuhan. Ini selaras dengan usaha menggalakkan langkah penyeliaan yang setimpal. Cadangan termasuk peningkatan peruntukan bagi membolehkan Bank mengarahkan sesebuah institusi mengambil tindakan pemulihan yang khusus bagi menangani kebimbangan Bank, serta keupayaan untuk menguatkuasakan komitmen oleh sesebuah institusi untuk melaksanakan langkah yang bertujuan untuk mengekalkan keselamatan dan keteguhan institusi tersebut. Peningkatan intervensi penyeliaan juga dicadangkan untuk diperkukuh dengan rangka kerja penalti baharu yang akan meliputi, selain hukuman jenayah, keupayaan untuk Bank mengenakan penalti pentadbiran monetari atau bukan monetari dan mengambil tindakan sivil, seterusnya membenarkan tindakan penguatkuasaan yang lebih wajar yang selaras dengan jenis dan tahap keseriusan ketakpatuhan.

2010

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

81 Pengenalan

81 Perkembangan Pengawalan dan Penilaian Penyeliaan

90 Memelihara Integriti Sistem Kewangan

92 Keupayaan dan Kerjasama Penyeliaan

94 *Rencana: Pendekatan Penyeliaan Terhadap Amalan Pasaran*

PENGENALAN

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus menyokong kestabilan kewangan di Malaysia dalam menghadapi risiko yang berterusan dari persekitaran luaran dan peningkatan persaingan domestik. Rangka kerja ini juga terus mampu menghadapi perubahan karakter sistem kewangan domestik berikutan kemasukan peserta pasaran baharu dan sektor kewangan yang lebih bersifat serantau dan antarabangsa. Pada tahun 2011, Bank terus memperkukuh dan memajukan lagi prinsip teras pengawalan dan penyeliaan, berlandaskan usaha yang diambil sebelum ini untuk mengukuhkan rangka kerja perundangan dan menambah baik pengurusan risiko, tadbir urus dan amalan kendalian perniagaan. Kemajuan yang dicapai dalam reformasi pengawalseliaan global juga mempunyai kesan penting terhadap usaha Bank. Sementara reformasi ini dipertimbang dengan teliti, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha untuk memastikan reformasi tersebut adalah relevan dan mencapai hasil yang dikehendaki. Bank terus memanfaatkan kefahaman menerusi aktiviti penyeliaan dan interaksinya dengan industri untuk terus meningkatkan lagi integriti dan kekukuhan sistem pengawalan dan penyeliaan di Malaysia.

PERKEMBANGAN PENGAWALAN DAN PENILAIAN PENYELIAAN

Piawaian modal kawal selia dan mudah tunai

Susulan pengumuman rancangan untuk melaksanakan pakej reformasi Basel III di Malaysia pada bulan Disember 2011, Bank mengeluarkan rancangan pelaksanaan yang lebih terperinci, termasuk garis masa pelaksanaan. Rancangan tersebut menggariskan kehendak Bank terhadap institusi perbankan dalam peralihan ke arah rejim baharu. Ini termasuk pendekatan yang harus diambil oleh institusi perbankan bagi komponen individu pakej reformasi tersebut.

Pakej pembaharuan Basel III bertujuan untuk mengukuhkan piawaian modal dan mudah tunai global institusi perbankan dengan meningkatkan kualiti dan kuantiti modal kawal selia dan memastikan penampan mudah tunai bermutu tinggi yang mencukupi. Piawaian ini akan dilaksanakan di Malaysia secara berperingkat-peringkat, mulai tahun 2013 sehingga tahun 2019, selaras dengan tahap dan garis masa pelaksanaan yang telah dipersetujui pada peringkat global seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.1. Meskipun sistem perbankan di Malaysia berupaya untuk memenuhi keperluan rejim baharu dalam rangka masa yang lebih pendek, rangka masa pelaksanaan yang dilanjutkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) akan membolehkan penyesuaian secara lebih beransur-ansur oleh institusi perbankan bagi memenuhi keperluan baharu tersebut, seterusnya mengurangkan sebarang kesan buruk terhadap pengantaraan kredit, terutamanya dalam persekitaran pertumbuhan global yang lebih perlahan. Trend prestasi semasa dan unjuran bagi institusi perbankan di Malaysia menunjukkan bahawa keperluan modal dapat dipenuhi sebahagian besarnya menerusi dasar keuntungan tertahan berhemat sepanjang tempoh pelaksanaan, lantas mengelakkan gangguan pasaran yang mungkin berlaku akibat penerbitan modal secara serentak oleh institusi perbankan.

Trend prestasi semasa dan unjuran bagi institusi perbankan di Malaysia menunjukkan bahawa keperluan modal dapat dipenuhi sebahagian besarnya menerusi dasar keuntungan tertahan berhemat sepanjang tempoh pelaksanaan

Selain tahap modal kawal selia minimum yang baharu, elemen utama dalam pakej pembaharuan Basel III ialah **takrifan modal kawal selia** yang disemak, yang bertujuan untuk memastikan tahap modal yang berkualiti tinggi dan boleh menyerap kerugian. Melangkah ke hadapan, ekuiti biasa, yang terdiri daripada modal berbayar dan keuntungan tertahan akan

membentuk komponen utama bagi modal Kumpulan-1, seterusnya mengukuhkan keupayaan menyerap kerugian institusi perbankan dengan ketara. Susulan penilaian terperinci terhadap teks peraturan, Bank telah mengenal pasti bidang yang mungkin memberikan cabaran dalam pelaksanaan terhadap sistem perbankan domestik. Ini termasuk mengatasi kompleksiti kendalian mengikut metodologi yang ditetapkan oleh BCBS dalam olahan terhadap aset cukai tertangguh serta pelaburan dalam instrumen modal institusi kewangan lain. Bank akan berbincang dengan industri dan peserta pasaran mengenai cadangan untuk meningkatkan kualiti penyerapan kerugian oleh instrumen modal, terutamanya dalam keadaan operasi yang akan berterusan. Ini akan membabitkan keperluan untuk semua instrumen modal mengandungi peruntukan bagi penurunan nilai prinsipal atau penukaran kepada ekuiti biasa apabila sesebuah institusi menjadi tidak berdaya maju (``gone concern´´ basis) atau apabila modalnya berada di bawah pencetus yang telah ditetapkan sebelumnya (``going concern´´ basis). Kertas konsep mengenai takrifan modal yang diperkemas akan dikeluarkan untuk maklum balas industri pada separuh pertama tahun 2012. Mulai tahun 2016, institusi perbankan juga akan dikehendaki memegang penampan pemeliharaan modal yang boleh digunakan dalam tempoh kesukaran.

Basel III juga memperkenalkan **nisbah leveraj** yang bertujuan untuk mengurangkan kesan penyahleveraj (deleveraging) yang berlebihan dalam sistem perbankan dalam tempoh kesukaran. Meskipun BCBS telah menyasarkan pelaksanaan nisbah ini mulai tahun 2018, Bank akan menghendaki institusi perbankan untuk mula melaporkan kedudukan leveraj mereka mulai bulan Jun 2012. Pelaporan kedudukan leveraj akan membolehkan Bank menilai kesan terhadap tingkah laku institusi perbankan dan mengenal pasti sebarang kesan yang tidak disengajakan. Ini termasuk kemungkinan ciri nisbah yang bukan berasaskan risiko itu mendorong bank untuk cenderung kepada aktiviti yang berisiko lebih tinggi sehingga menjejaskan aktiviti berisiko rendah yang lebih produktif dari segi ekonomi seperti pembiayaan perdagangan. Walaupun institusi perbankan dijangka memenuhi keperluan tersebut, keputusan untuk menggunakan nisbah leveraj secara formal sebagai langkah yang mengikat, serta keperluan untuk memperkemas

Jadual 3.1

Pengaturan secara Berperingkat-peringkat bagi Pelaksanaan Basel III di Malaysia[1]

	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Nisbah Leveraj	Tempoh pemerhatian						Piawaian berkuat kuasa	
Ekuiti biasa minimum		3.5%	4%	4.5%	4.5%	4.5%	4.5%	4.5%
Penampan pemeliharaan modal					0.625%	1.25%	1.875%	2.5%
Ekuiti biasa minimum ditambah penampan pemeliharaan modal		3.5%	4%	4.5%	5.125%	5.75%	6.375%	7%
Modal Kumpulan-1 minimum		4.5%	5.5%	6%	6%	6%	6%	6%
Modal Kumpulan-1 minimum ditambah penampan pemeliharaan modal		4.5%	5.5%	6%	6.625%	7.25%	7.875%	8.5%
Jumlah modal minimum		8%	8%	8%	8%	8%	8%	8%
Jumlah modal minimum ditambah penampan pemeliharaan modal		8%	8%	8%	8.625%	9.25%	9.875%	10.5%
Instrumen modal yang tidak lagi layak		Dihentikan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh 10 tahun bermula tahun 2013						
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	Tempoh pemerhatian				Piawaian berkuat kuasa			
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih	Tempoh pemerhatian						Piawaian berkuat kuasa	

[1] Semua tarikh adalah pada 1 Januari. Bahagian yang digelapkan menunjukkan tempoh peralihan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

pengukuran bagi nisbah itu, akan ditentukan oleh Bank semakin hampir kepada tempoh akhir pada tahun 2018.

Cadangan pengukuhan **piawaian mudah tunai** dalam Basel III akan dilaksanakan menerusi penambahbaikan Rangka Kerja Mudah Tunai sedia ada yang telah dilaksanakan sejak tahun 2000. Sejajar dengan nisbah leveraj, suatu ``tempoh pemerhatian´´ akan bermula pada bulan Jun 2012 yang memerlukan institusi perbankan melaporkan kedudukan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) sebelum langkah itu mula diterima pakai pada tahun 2015 dan 2018. Bank turut berkongsi pendapat beberapa pihak berkuasa penyeliaan bahawa piawaian mudah tunai, seperti yang ditetapkan kini tidak memadai untuk menangani ciri-ciri khusus pasaran pendanaan yang unik di sesetengah negara. Sebagai contoh, di Malaysia, skim simpanan keinstitusian (seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) merangkumi sebahagian besar daripada simpanan isi rumah yang seterusnya didepositkan dengan bank. Di bawah piawaian ini, deposit itu tertakluk kepada andaian pengeluaran yang tinggi (atau kadar ``ketirisan´´) yang tidak mencerminkan profil risiko mudah tunai asas. Data yang dikumpul dalam tempoh pemerhatian akan digunakan untuk mempertimbangkan pelarasan yang sesuai dengan kadar ketirisan apabila perlu. Bidang yang akan dipantau dalam tempoh pemerhatian ialah kesan terhadap mudah tunai pasaran yang mungkin timbul akibat peningkatan dalam permintaan kaptif oleh institusi perbankan bagi aset mudah tunai yang layak dan bagaimana keadaan ini dengan sendirinya mungkin mengubah ciri instrumen itu dari segi ketersediaan untuk memenuhi keperluan mudah tunai pada masa kesukaran. Keperluan dalam piawaian mudah tunai juga berkemungkinan meninggalkan kesan yang ketara terhadap institusi perbankan Islam memandangkan pelaburan hendaklah melibatkan instrumen yang berlandaskan Syariah sahaja. Bagi memudahkan pematuhan pada piawaian ini, Bank akan menggalakkan dan menyokong pencarian penyelesaian oleh industri untuk meluaskan pasaran sukuk, di samping bekerjasama dengan agensi lain untuk merumuskan rangka kerja pengawalseliaan yang sesuai untuk penerbitan instrumen baharu oleh institusi perbankan. Bank juga bimbang, khususnya terhadap NSFR, yang seharusnya tidak menjejaskan peranan transformasi kematangan yang penting oleh institusi perbankan dan akan mempertimbangkan pilihan yang sesuai untuk pelaksanaan NSFR.

Bagi industri insurans, beberapa penambahbaikan yang dirancang terhadap **Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko** (rangka kerja RBC) telah siap pada tahun 2011. Ini merangkumi perubahan yang perlu untuk mempertumpukan peraturan penilaian bagi instrumen kewangan di bawah rangka kerja RBC dengan Piawaian Pelaporan Kewangan 139. Susulan penerimaan FTSE Bursa Malaysia KLCI sebagai indeks utama untuk pasaran ekuiti pada bulan Julai 2009, pelarasan caj risiko pasaran untuk pelaburan berindeks juga telah dikaji semula untuk memastikan olahan terhadap indeks baharu mencerminkan turun naik secara relatif bagi stok konstituen. Namun begitu, perubahan ini memberikan kesan yang minimum terhadap kedudukan kecukupan modal penanggung insurans. Penambahbaikan yang lebih penting terhadap rangka kerja RBC masih diteruskan, termasuk cadangan untuk memperkemas metodologi penilaian bagi liabiliti insurans hayat dan olahan terhadap pengaturan insurans semula. Satu lagi bidang penting yang akan dikaji ialah memastikan penampan modal semasa yang kini diperuntukkan dalam rangka kerja RBC adalah konsisten dan pelaksanaan proses pengurusan modal dalaman yang lebih mantap untuk penanggung insurans. Ini juga akan mengambil kira perkembangan semasa dalam Rangka Kerja Umum untuk Penyeliaan Kumpulan Insurans yang Aktif pada Peringkat Antarabangsa (ComFrame) yang sedang diusahakan oleh Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS). Salah satu matlamat ComFrame adalah untuk memupuk pertumpuan global dalam langkah penyeliaan, termasuk keperluan modal, serta pendekatan penyeliaan untuk kumpulan insurans yang aktif pada peringkat antarabangsa, yang antaranya mempunyai operasi yang besar di Malaysia. IAIS juga telah mengeluarkan Prinsip Teras Insurans (Insurance Core Principles) yang telah disemak, yang mentakrifkan dengan lebih lanjut amalan yang teguh dalam penilaian solvensi yang akan membantu usaha Bank. Bank akan mengkaji rangka kerja RBC dengan matlamat untuk meningkatkan lagi penjajaran modal dengan risiko dan menyokong pendekatan yang lebih konsisten terhadap piawaian modal untuk kumpulan kewangan, dan pada masa yang sama memastikan paras modal berhemat yang bersesuaian dengan persekitaran operasi di Malaysia.

Pada bulan April 2011, Bank mengeluarkan kertas konsep mengenai **Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Pengendali Takaful**

(Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators, RBCT). Semasa sesi perbincangan dengan industri, beberapa isu ditimbulkan, termasuk cadangan berlandaskan Syariah yang boleh memberikan insentif kepada pengendali takaful untuk membina dana takaful yang kukuh, olahan terhadap *Qard* sebagai suatu komponen modal yang tersedia serta pelarasan caj risiko untuk liabiliti takaful am dan perbelanjaan. Berikutan maklum balas yang diterima, cadangan RBCT sedang diperkemas untuk mengambil kira matlamat prinsip-prinsip kehematan dan Syariah. Pada masa yang sama, titik pencetus bagi peruntukan *Qard* oleh pemegang saham untuk memulihkan defisit dalam dana takaful dijelaskan menerusi pengeluaran Garis Panduan Mengenai Rangka Kerja Operasi Takaful yang disemak pada bulan September 2011. Garis panduan ini membantu memastikan amalan yang seragam diterima pakai oleh pengendali takaful dan takaful semula untuk menangani defisit dalam dana takaful dan takaful semula tepat pada masanya.

Proses dalaman institusi perbankan bagi pengurusan modal diteliti dengan lebih rapi oleh Bank berikutan pengeluaran Garis Panduan Mengenai Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) pada tahun 2010. Garis panduan ini menggariskan pendekatan Bank terhadap **Tunggak 2** (Pillar 2) (Proses Penilaian Penyeliaan), yang menghendaki setiap institusi perbankan menilai kecukupan modal berbanding dengan profil risikonya, termasuklah risiko yang tidak diambil kira atau dirangkumi sepenuhnya di bawah Tunggak 1 (Pillar 1). Bank menyasarkan pematuhan sepenuhnya kepada keperluan garis panduan tersebut menjelang akhir tahun 2012. Penilaian penyeliaan bagi pelaksanaan ICAAP oleh institusi perbankan bermula pada tahun 2011, dengan menumpukan pada kualiti pengawasan lembaga pengarah dan pengurusan terhadap ICAAP, integrasi proses perancangan modal dengan kesanggupan mengambil risiko, kekukuhan rangka kerja untuk mengenal pasti dan mengukur risiko yang ketara dan metodologi yang digunakan oleh institusi perbankan untuk mengambil kira senario tekanan dalam penentuan sasaran modal dalaman. Secara umumnya, Bank mendapati terdapat peningkatan dalam proses dan metodologi yang digunakan untuk mengukur risiko yang ketara dan menganggarkan paras modal yang diperlukan, pada tahap entiti dan juga tahap kumpulan. Institusi perbankan didapati memanfaatkan hasil daripada ujian tekanan dengan lebih baik dalam perancangan modal. Walau bagaimanapun, terdapat skop bagi penambahbaikan dalam pengukuran dan peruntukan modal institusi perbankan untuk risiko bukan dalam kumpulan Tunggak 1, termasuklah risiko penumpuan, serta kualiti dan integriti sistem dan proses pelaporan risiko, serta pembangunan dan pengesahan model.

Dalam industri insurans, semua penanggung insurans hendaklah menetapkan dan mematuhi paras modal sasaran individu yang ditentukan oleh penanggung insurans dan dipersetujui oleh Bank secara berterusan. Kemajuan yang sama dapat dilihat dalam proses pengurusan modal penanggung insurans. Namun, kemajuan itu tidak setara dalam kalangan penanggung insurans. Ini menyebabkan Bank mengeluarkan arahan kepada beberapa penanggung insurans untuk mengambil langkah pembetulan, termasuk menambah baik sistem untuk mencakup risiko dan menerima pakai dasar keuntungan tertahan secara berhemat untuk menyokong rizab modal. Ini diikuti oleh pengeluaran kertas konsep mengenai Garis Panduan ICAAP untuk Penanggung Insurans pada bulan September 2011 bagi memperjelas kehendak Bank terhadap penanggung insurans mengenai pengurusan modal dan risiko yang mantap.

Rangka kerja pengurusan risiko dan kehematan

Fokus yang nyata terhadap pengurusan risiko terus menjadi teras kepada bidang keutamaan pengawalan dan penyeliaan Bank. Sepanjang beberapa tahun, dan hasil daripada fokus yang berterusan oleh Bank dalam bidang ini, telah wujud penjajaran lebih rapat di antara amalan pengurusan risiko dalam kalangan institusi kewangan dengan kehendak Bank. Pada tahun 2011, Bank mendapati peningkatan yang berterusan dalam dua bidang utama. Pertama ialah penampilan kesanggupan mengambil risiko dan toleransi risiko yang lebih eksplisit dalam rancangan dan strategi perniagaan sesebuah institusi yang ditetapkan oleh lembaga pengarah. Kedua ialah pengawasan risiko yang lebih berkesan yang diberikan oleh lembaga pengarah dan jawatankuasa risiko dalam memberikan maklum balas dan cabaran yang membina kepada proses pembangunan strategi perniagaan. Berdasarkan perkembangan global terkini dalam pendekatan dan perspektif terhadap pengurusan risiko, pada pandangan Bank, kemajuan amalan pengurusan risiko dalam industri perkhidmatan kewangan di Malaysia pada masa hadapan akan memperoleh manfaat

daripada bimbingan yang khusus, termasuk jika wajar, keperluan yang jelas mengenai tadbir urus risiko yang berkesan. Ini juga akan menjadi tumpuan utama bagi interaksi yang berkesan antara Bank dengan institusi kewangan mengenai isu dan perkembangan risiko yang berkaitan dengan sesebuah institusi.

Pada bulan Februari 2012, Bank mengeluarkan kertas konsep yang dikemas kini mengenai amalan **tadbir urus risiko** yang mantap setelah mengambil kira maklum balas industri terhadap kertas konsep terdahulu, perkembangan dalam piawaian antarabangsa dan amalan utama dalam tadbir urus risiko, serta pemerhatian penyeliaan terhadap amalan domestik sedia ada. Bidang utama yang diberikan penekanan dalam kertas konsep yang dikeluarkan oleh Bank adalah mengenai: (i) peranan lembaga pengarah dalam menetapkan dan mengawal strategi risiko dan kesanggupan mengambil risiko sesebuah institusi; (ii) menggalakkan pemahaman yang mantap mengenai struktur kumpulan institusi bagi memastikan bahawa dedahan yang timbul daripada interaksi dengan entiti kumpulan yang lain difahami dengan jelas dan diuruskan dengan baik; (iii) sistem insentif dan ganjaran yang sejajar dengan budaya risiko yang teguh; (iv) mandat yang jelas, kebebasan serta kewibawaan ketua pegawai risiko dan fungsi pengurusan risiko yang bersesuaian; dan (v) pengawasan yang berkesan dan rapi terhadap penilaian dan model risiko dalaman, termasuk proses yang mencabar integriti, kekurangan dan kewajaran sebarang pertimbangan yang diambil dengan sewajarnya. Bank dijangka menyiapkan piawaian tersebut untuk diterima pakai pada separuh kedua tahun 2012.

Komponen penting dalam rangka kerja kehematan yang diterima pakai untuk menguruskan risiko dalam sistem perbankan ialah had yang dikenakan terhadap institusi perbankan bagi **dedahan kepada rakan niaga individu** atau kumpulan rakan niaga yang berkaitan. Had kehematan merupakan langkah penahan pengawalseliaan bagi melindungi pertumpuan risiko kepada rakan niaga tertentu yang mungkin mengancam dengan nyata kedudukan kewangan sesebuah bank. Pada tahun 2011, Bank telah menyiapkan kajian semula yang menyeluruh terhadap rangka kerja yang sedia ada, termasuk liputannya, untuk memastikan had tersebut akan terus memenuhi tujuan membendung pertumpuan risiko dalam persekitaran yang semakin saling berhubung kait, dengan korelasi risiko menjadi semakin ketara. Beberapa penambahbaikan terhadap rangka kerja had dedahan kepada setiap rakan niaga dicadangkan, termasuk: (i) takrifan yang lebih luas mengenai rakan niaga meliputi rakan niaga yang mempunyai kaitan disebabkan oleh kebergantungan ekonomi; (ii) skop dedahan yang lebih luas untuk merangkumi dedahan dalam dan dedahan luar kunci kira-kira; (iii) perakuan tentang beberapa teknik pengurangan risiko kredit terpilih untuk mengurangkan dedahan; (iv) pendekatan yang jelas untuk mengukur dedahan kepada pelaburan kolektif dan skim yang serupa; serta (v) penggabungan amalan yang baik untuk menguruskan pertumpuan ``risiko nama´´.

Dengan persaingan yang sengit dalam pemberian pinjaman runcit, Bank mengekalkan kewaspadaan penyeliaannya terhadap **amalan pengurusan risiko kredit** institusi perbankan. Terdapat tanda-tanda tekanan yang berterusan dalam penentuan harga produk pemberian pinjaman runcit walaupun penilaian penyeliaan amalan pemberian pinjaman sebenar menunjukkan bahawa kadar pemberian pinjaman yang paling agresif sebahagian besarnya terpakai secara terpilih kepada pelanggan yang mempunyai profil risiko yang rendah. Terdapat tanda-tanda, walaupun terpencil, bahawa beberapa institusi perbankan telah melonggarkan kewaspadaan terhadap pelanggaran dasar pemberian pinjaman dan menerima pakai andaian yang amat optimis dalam dasar penentuan harga. Institusi perbankan ini telah diarahkan untuk mengambil langkah pemulihan yang sesuai dan terus kekal di bawah kawalan yang rapi sekiranya terdapat sebarang tanda-tanda kemerosotan yang selanjutnya dalam piawaian pengunderaitan (underwriting standards). Sebagai langkah awalan yang lebih umum, Bank mengeluarkan kertas konsep mengenai Garis Panduan Mengenai Penentuan Harga Berpengetahuan Risiko untuk Pinjaman/ Pembiayaan Runcit pada bulan Disember 2011 bagi mengukuhkan pengawasan, dan menggalakkan pendekatan lebih berasaskan pengetahuan risiko dalam penentuan harga pinjaman runcit. Garis panduan menetapkan kehendak penyeliaan Bank bagi tanggungjawab pengawasan lembaga pengarah dan kawalan dalaman dalam penentuan harga pinjaman, serta komponen penentuan harga yang harus dicerminkan dalam metodologi penentuan harga institusi perbankan. Walaupun Bank tidak menetapkan tahap penentuan harga, garis panduan yang dicadangkan berhasrat

untuk memastikan institusi perbankan menentukan harga risiko yang sesuai berdasarkan andaian yang realistik dan dengan pemahaman yang menyeluruh mengenai pemacu risiko utama yang berkaitan. Bank dijangka menyiapkan garis panduan tersebut pada suku kedua tahun 2012 setelah menilai maklum balas yang diterima.

Sebagai langkah awalan yang lebih umum, Bank mengeluarkan kertas konsep mengenai Garis Panduan Mengenai Penentuan Harga Berpengetahuan Risiko untuk Pinjaman/Pembiayaan Runcit pada bulan Disember 2011 bagi mengukuhkan pengawasan, dan menggalakkan lebih pendekatan berpengetahuan risiko dalam penentuan harga pinjaman runcit

Susulan perbincangan dengan industri perbankan Islam mengenai cadangan untuk mengukuhkan tadbir urus dan ketelusan dalam pengurusan **risiko komersial teranjak** menerusi penggunaan rizab penyamaan keuntungan (profit equalisation reserve, PER), Bank mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Rizab Penyamaan Keuntungan pada bulan Mei 2011. Penambahbaikan yang terkandung dalam garis panduan ini memenuhi tiga tujuan utama: (i) menyokong atributasi PER yang wajar kepada institusi perbankan dan pemegang akaun pelaburan berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan kontraktual; (ii) meningkatkan penzahiran PER dalam penyata kewangan, termasuk penzahiran dasar perakaunan institusi bagi asas pengiraan dan pengagihan PER serta pergerakan PER yang terperinci dalam tahun kewangan; serta (iii) mengukuhkan akauntabiliti jawatankuasa Syariah bank Islam untuk memastikan kewajaran pengagihan keuntungan dan amaun yang harus dipindahkan kepada PER. Hasil ini juga telah membantu untuk mendapatkan kesesuaian antara penggunaan PER dengan olahannya di bawah Rangka Kerja Pelaporan Kewangan yang diterima pakai di Malaysia.

Tadbir urus korporat

Bank terus memerhatikan peningkatan yang mampan dalam amalan tadbir urus korporat institusi perbankan dan penanggung insurans. Secara khususnya, lembaga pengarah memainkan peranan yang lebih aktif dalam menetapkan dan mengawasi keberkesanan pelaksanaan dasar risiko, strategi perniagaan dan pengurusan modal. Terdapat juga peningkatan dalam bilangan pengarah bebas dalam lembaga pengarah, dengan lebih perhatian diberikan oleh jawatankuasa pencalonan untuk meningkatkan kepelbagaian kecekapan dan pengalaman yang relevan dalam lembaga pengarah. Sebahagian besar daripada pengarah bukan eksekutif yang dilantik dalam lembaga pengarah institusi perbankan dan penanggung insurans pada tahun ini mempunyai latar belakang yang kukuh dari segi risiko, kewangan, perbankan atau perniagaan insurans. Bank juga mendapati tahap interaksi yang lebih tinggi antara jawatankuasa pencalonan dengan calon yang dicadangkan untuk dilantik dalam lembaga pengarah, mencerminkan tahap usaha wajar yang lebih tinggi yang dilaksanakan oleh jawatankuasa pencalonan. Ini berikutan peningkatan proses yang dilaksanakan oleh Bank untuk mendapatkan jaminan daripada lembaga pengarah bahawa calon yang dicadangkan itu sesuai dengan keupayaan untuk menyumbang dengan berkesan kepada peranan pengawasan lembaga pengarah. Namun, penggantian ahli lembaga pengarah tetap menjadi cabaran bagi kebanyakan institusi kewangan. Usaha yang lebih mantap diperlukan untuk membangunkan sekumpulan besar pengarah bebas yang berkelayakan yang boleh berkhidmat dalam lembaga pengarah institusi kewangan. Dalam menyokong usaha ini, Bank sedang berkerjasama rapat dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Malaysia Deposit Insurance Corporation, PIDM), Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa serta Forum Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE), (ahlinya termasuk pengarah yang telah mengikuti program FIDE) dalam usaha untuk mewujudkan program bagi menyediakan kumpulan bakal pengarah bagi lembaga pengarah institusi kewangan. Program ini dijangka bermula dengan proses mengenal pasti individu untuk menyertai kumpulan ini pada tahun 2012.

Komitmen yang padu terhadap pendidikan pengarah telah membantu dalam meningkatkan mutu pengawasan lembaga pengarah dalam sektor kewangan. Bilangan pengarah yang telah

tamat mengikuti program teras FIDE meningkat kepada 437 orang pada tahun 2011. Lebih daripada 230 pengarah telah melengkapkan latihan ini dengan menyertai program yang lebih khusus mengenai peranan khusus lembaga pengarah serta isu tadbir urus yang ditawarkan di bawah program FIDE. Sebagai respons kepada permintaan yang meningkat terhadap program yang sedemikian, bilangan program khusus atau elektif FIDE telah bertambah daripada tiga pada awalnya, kepada 13 pada tahun 2012.

Di bawah pendekatan fungsi terhadap pengawalan, piawaian kehematan bagi tadbir urus korporat sebahagian besarnya diselaraskan merentasi industri kewangan yang dikawal selia oleh Bank. Perbezaan yang masih ada mencerminkan keutamaan khusus yang diberikan oleh Bank terhadap penyeliaan berdasarkan peringkat pembangunan sesebuah industri serta keupayaannya untuk mematuhi piawaian yang lebih tinggi. Perbezaan ini semakin berkurangan dari masa ke masa, paling ketara dalam kalangan institusi kewangan pembangunan (IKP) yang kini dikehendaki mematuhi piawaian tadbir urus selaras dengan piawaian yang terpakai untuk institusi perbankan dan penanggung insurans. Bank mempunyai tanggapan bahawa ini merupakan pendorong yang penting untuk IKP memenuhi mandat pembangunan mereka dengan cara yang lebih berkesan dan mampan. Pada bulan September 2011, keperluan untuk memastikan kesesuaian dan kewajaran orang yang mempunyai tanggungjawab utama, yang sebelumnya telah diterima pakai untuk institusi perbankan dan penanggung insurans, dilanjutkan kepada IKP. Matlamat utama keperluan ini adalah untuk mengukuhkan peranan dan akauntabiliti lembaga pengarah, yang disokong oleh proses yang teguh untuk penilaian kesesuaian, dalam melantik dan mengekalkan individu jawatan yang mempunyai tanggungjawab utama dalam IKP.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan amalan pengguna dan pasaran

Natijah daripada krisis kewangan global, terdapat peningkatan dalam tumpuan global terhadap isu amalan pengguna, bukan sahaja dalam melindungi individu daripada risiko yang berlebihan, malahan juga dalam melindungi sistem kewangan daripada risiko sistemik. Sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam kendalian perniagaan oleh institusi kewangan di bawah skop Bank, Bank telah lama mengiktiraf keperluan terhadap rangka kerja pengawalseliaan yang menyokong tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab serta hasil yang saksama untuk pengguna. Ini dicapai menerusi peraturan amalan pasaran yang: (i) menggalakkan penjajaran yang lebih kukuh antara kepentingan institusi kewangan dengan pelanggan mereka; serta (ii) memberikan perlindungan yang sesuai kepada pengguna daripada amalan yang memudaratkan.

Pada tahun ini, Bank meluaskan tumpuan amalan pasarannya terhadap perkembangan dalam konteks kehematan makro yang lebih luas. Persekitaran ekonomi yang lebih mencabar, persaingan yang sengit dan pertumbuhan yang kukuh dalam aktiviti pemberian pinjaman runcit telah meningkatkan kemungkinan berlakunya amalan yang tidak berhemat dan tidak bertanggungjawab dalam kalangan pemberi pinjaman yang boleh memberikan kesan yang tidak memuaskan kepada pengguna serta risiko kepada kestabilan kewangan secara lebih meluas. Walaupun nisbah pinjaman terjejas dalam pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah kekal rendah dan stabil, Bank bertindak lebih awal untuk memperkukuh piawaian pengunderaitan, yang juga bertujuan untuk melindungi pengguna daripada pengumpulan hutang di luar kemampuan. Pada bulan November 2011, Bank mengeluarkan **Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab**, bagi menggalakkan amalan lebih tekal merentas industri dalam penilaian oleh institusi kewangan mengenai kepercayaan kredit pelanggan dan keupayaan mereka untuk membuat pembayaran balik hutang. Di bawah garis panduan ini, kemampuan membayar balik harus ditentukan menerusi penilaian terhadap nisbah pembayaran balik hutang berhemat sepanjang tempoh pinjaman. Piawaian yang mesti dipatuhi oleh pemberi pinjaman dalam pengesahan pendapatan bakal peminjam juga diperkukuh, bersama-sama dengan jangkaan untuk pemberi pinjaman meningkatkan interaksi dengan pelanggan mengenai keupayaan membuat bayaran balik hutang tanpa menggunakan hutang tambahan. Bagi menyokong pengguna dalam membuat keputusan pinjaman yang bertanggungjawab, pemberi pinjaman juga mesti memberikan maklumat yang khusus dan jelas mengenai jumlah bayaran balik, jumlah kos kewangan serta kesan kenaikan kadar pembiayaan supaya pengguna memahami implikasi sepenuhnya dalam membuat keputusan untuk meminjam. Ini berikutan langkah

awal pada tahun ini untuk menghalang pengeluar kad kredit daripada meningkatkan had kredit sebelum mendapatkan kebenaran daripada pemegang kad terlebih dahulu, serta memberikan pendahuluan kredit walaupun tidak dikehendaki oleh pemegang kad. Penzahiran maklumat kepada pemegang kad juga ditingkatkan untuk menarik perhatian pengguna terhadap implikasi kewangan apabila membayar kurang daripada jumlah penuh baki kad kredit yang terkumpul dalam usaha menggalakkan disiplin kewangan.

Pada bulan November 2011, Bank mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab, yang menggalakkan amalan lebih tekal merentas industri dalam penilaian oleh institusi kewangan mengenai kepercayaan kredit pelanggan dan keupayaan mereka untuk membuat pembayaran balik hutang

Dalam sektor perbankan Islam, manfaat kepada pengguna adalah lebih baik dengan pengharmonian amalan yang lebih meluas dalam dua bidang. Bidang pertama berkaitan dengan tawaran pelepasan kepada pelanggan bagi **kontrak pembiayaan berasaskan jualan** (seperti *murabahah* dan *bai' bithaman ajil*) apabila membuat penyelesaian awal. Garis panduan ini dikeluarkan oleh Bank bagi mewajibkan pemberian *ibra'* kepada semua pelanggan yang membuat penyelesaian awal, tertakluk kepada pematuhan dalam pengiraan dan penzahirannya. Bidang kedua berkaitan dengan **caj pembayaran lewat** yang boleh dikenakan oleh bank Islam. Kekaburan terhadap kebolehizinan dan olahan terhadap caj tersebut dari perspektif Syariah boleh menggalakkan tingkah laku pengguna yang tidak sihat dengan peminjam yang bermasalah mungkin lebih cenderung membayar balik hutang kepada bank konvensional dan tidak kepada bank Islam. Secara amnya, ini akan menjejaskan usaha untuk menggalakkan disiplin kewangan berhemat dalam kalangan peminjam di Malaysia. Untuk menangani isu ini, Bank mewujudkan parameter untuk pengenaan penalti (*gharamah*) dan caj ganti rugi (*ta'widh*) kepada pengguna produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang gagal membayar hutang (lihat Jadual 3.2). Parameter ini menetapkan piawaian umum untuk pengiraan caj pembayaran lewat dengan pertimbangan wajar terhadap pemungkir yang sememangnya mempunyai masalah kewangan. Selaras dengan prinsip Syariah, *ta'widh* yang diterima boleh dianggap sebagai pendapatan, manakala *gharamah* belum diterima hendaklah disalurkan kepada kebajikan.

Secara umum, Bank meneruskan usaha untuk meningkatkan **ketelusan bagi fi dan caj** yang dikenakan oleh institusi kewangan kepada pengguna dan pelanggan runcit yang lain dan mengambil tindakan tegas bagi fi dan caj yang dilarang atau yang berlebihan. Pada tahun ini, lebih daripada RM4 juta daripada fi itu dibayar balik oleh institusi kewangan kepada pelanggan.

Berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2011, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki menasihati pelanggan mengenai nilai pasaran kenderaan yang diinsuranskan pada masa pembelian atau pembaharuan insurans motor berasaskan pangkalan data penilaian yang berwibawa

Sebagai sebahagian daripada inisiatif yang lebih luas untuk meningkatkan kendalian perniagaan dalam sektor insurans motor dan takaful, khususnya dari segi **amalan penyelesaian tuntutan**, Bank memperkenalkan langkah khusus untuk mengurangkan skop bagi insurans berlebihan atau insurans terkurang untuk kenderaan bermotor, yang telah menjadi punca banyak rungutan daripada pengguna yang tidak diberikan ganti rugi sepenuhnya berikutan tuntutan insurans atau takaful. Berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2011, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki menasihati pelanggan mengenai nilai pasaran kenderaan yang diinsuranskan pada masa pembelian atau pembaharuan insurans motor berasaskan

Jadual 3.2

Garis Panduan Caj Lewat Bayaran bagi Institusi Perbankan Islam

Komponen caj gabungan lewat bayar	Keperluan dasar
Ta'widh (caj pampasan)	Bank-bank Islam dibenarkan diberi pampasan dalam bentuk *ta'widh* berdasarkan jumlah kerugian sebenar yang dialami. Walaubagaimanapun, jumlah ini tidak boleh melebihi 1% setahun daripada: ■ ansuran tertunggak bagi produk kewangan Islam dalam kes keingkaran pembayaran berjadual; atau ■ baki belum jelas produk kewangan Islam dalam kes keingkaran yang menyebabkan keseluruhan kemudahan pembiayaan dipanggil semula atau dibawa ke mahkamah bagi tujuan penghakiman sebelum tempoh matang pembiayaan berakhir. Bagi kelewatan yang berlaku selepas tempoh matang sesuatu kontrak pembiayaan, bank-bank Islam hanya dibenarkan untuk mengenakan *ta'widh* pada kadar lebih rendah berdasarkan kadar semalaman harian pasaran wang antara bank.
Gharamah (penalti)	*Gharamah* ditetapkan berdasarkan perbezaan di antara jumlah gabungan caj lewat bayar (dihadkan pada kadar pembiayaan purata bagi setiap bank Islam sewaktu keingkaran berlaku) dan jumlah *ta'widh* yang dikenakan. Pentadbiran bagi pengagihan *gharamah* kepada penerima yang diluluskan atau organisasi kebajikan akan ditentukan oleh jawatankuasa Syariah bank Islam.

pangkalan data penilaian yang berwibawa. Jika berlaku tuntutan berikutnya, penanggung insurans atau pengendali takaful mesti menggunakan pangkalan data rujukan yang sama untuk menentukan nilai pasaran kenderaan itu. Ini telah memberikan kesan yang positif dalam menjajarkan kehendak pengguna dan membantu pengguna dalam menentukan nilai kenderaan untuk diinsuranskan dengan lebih yakin.

Berdasarkan maklum balas daripada perbincangan dan interaksi Bank dengan kumpulan pengguna, mereka menganggap **kontrak kewangan, perjanjian dan dokumen polisi** sebagai terlalu panjang dan kompleks. Oleh itu, usaha untuk menggalakkan pengguna agar lebih berpengetahuan dan mendapat perlindungan yang lebih baik juga tertumpu pada peningkatan penyampaian maklumat kepada pengguna mengenai hak dan tanggungjawab kontraktual di bawah kontrak kewangan menerusi penggunaan bahasa dan dokumentasi yang mudah. Inisiatif untuk menggunakan bahasa yang mudah dalam kontrak kewangan dan insurans atau takaful yang digunakan dengan meluas oleh pengguna bermula sejak permulaan tahun 2011, dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Bahasa yang mudah telah diperkenalkan dalam kontrak insurans hayat, dengan usaha yang sama yang sedang dilaksanakan bagi perjanjian pinjaman. Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, Bank akan menjalankan ujian lapangan untuk menentukan kesannya terhadap keputusan yang dibuat oleh pengguna, dan jika bersesuaian, bekerjasama dengan industri untuk menambah baik dokumentasi menerusi cara yang akan membantu pengguna memahami dengan lebih baik hak dan kewajipan kontraktual mereka apabila membuat keputusan kewangan.

Keadaan yang lebih kompetitif dalam sektor kewangan telah mendorong Bank untuk memperuntukkan lebih banyak sumber pada tahun ini untuk mengambil langkah awal dan menangani kegagalan dalam cara produk kewangan dijual atau dipasarkan kepada pengguna. Memandangkan ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan, Bank amat menitikberatkan keperluan pengguna untuk mendapat maklumat yang jelas dan tepat mengenai risiko yang dihadapi oleh mereka, dan keperluan institusi kewangan untuk melaksanakan

tanggungjawab menasihati pengguna dengan betul mengenai kesesuaian produk berasaskan penilaian kecenderungan risiko pengguna dan kedudukan kewangan mereka. Susulan penilaian tematik yang dijalankan oleh Bank yang tertumpu pada jualan produk berstruktur, beberapa institusi perbankan dikehendaki mengukuhkan lagi pengaturan pengawasan dalaman mengenai originasi produk, kelulusan, jualan dan proses mengendalikan aduan untuk memastikan isu amalan pengguna dipertimbangkan dan ditangani selaras dengan dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank. Langkah-langkah penyeliaan juga diambil bagi penanggung insurans dan pengendali takaful yang didapati telah salah jual produk mereka. Penanggung insurans dan pengendali takaful yang terbabit diarahkan menarik balik bahan promosi yang mengelirukan, memberikan pemulangan kepada tuan punya polisi/sijil yang terlibat, bertindak menarik balik pembayaran komisen kepada pengantara yang menyeleweng dan menggantung, menamatkan perkhidmatan atau melatih semula pengantara yang terlibat. Langkah sedemikian telah menyebabkan premium berjumlah RM53.7 juta dibayar balik kepada lebih daripada 6,900 pemegang polisi dan 61 notis dihantar kepada penyedia perkhidmatan kewangan yang menghendaki mereka menarik balik atau membuat pengubahsuaian terhadap penzahiran maklumat yang tidak lengkap dan/atau tidak tepat.

Inisiatif juga diambil menerusi kerjasama dengan persatuan industri untuk meningkatkan **tahap perkhidmatan dan kecekapan** dalam penyediaan perkhidmatan kewangan kepada pengguna. Usaha ini mendorong komitmen daripada institusi kewangan untuk memaparkan tempoh pemprosesan perkhidmatan kewangan umum yang terkandung dalam piagam perkhidmatan pelanggan. Proses juga dipermudah dan diperkemas di seluruh industri bagi membiayai produk yang disediakan untuk perusahaan kecil dan sederhana dengan pelancaran inisiatif ``PARTNER´´ pada bulan Jun 2011 oleh Persatuan Bank-Bank di Malaysia. Pada masa hadapan, lebih penekanan akan diberikan terhadap peningkatan piawaian profesionalisme dan amalan perniagaan pengantara, untuk memastikan pengantara bertindak dengan integriti dan piawaian etika yang tinggi apabila berurusan dengan pengguna dalam industri insurans dan takaful.

MEMELIHARA INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Aktiviti pengawalan dan penyeliaan Bank juga bertujuan untuk memastikan sektor kewangan yang dikawal selia tidak terdedah kepada aktiviti haram, termasuk pengubahan wang haram dan jenayah kewangan. Ini penting untuk memelihara integriti dan keyakinan orang ramai terhadap sektor kewangan. Di Malaysia, usaha ini telah dipertingkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini bagi memastikan infrastruktur undang-undang, sistem dan proses terus berkesan dalam mengesan dan mencegah dengan segera aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram yang lain memandangkan kaedah yang lebih canggih dan bersifat global digunakan untuk melakukan jenayah kewangan. Inisiatif ini menyumbang, dan menunjukkan komitmen Malaysia yang berterusan terhadap usaha global untuk mengukuhkan langkah yang mencegah jenayah kewangan dan untuk mengurangkan aliran dana haram.

Pada tahun 2011, reformasi perundangan dan pengawalseliaan utama dalam industri **pengurupan dan kiriman wang** dimajukan dengan kelulusan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (APPW) pada bulan Julai 2011. Ini mendorong Bank mengambil langkah yang intensif untuk mengeluarkan semula lesen kepada semua pengurup wang dan penyedia perkhidmatan kiriman wang yang sedia ada untuk memastikan mereka yang kekal dalam industri berkemampuan dan bersedia untuk melaksanakan kawalan yang berkesan bagi mencegah mereka daripada digunakan untuk tujuan haram. Bagi menyokong tindakan ini, Bank meluaskan skop dan keintensifan dalam membuat penilaian layak dan sesuai bagi mereka yang memegang tanggungjawab utama serta penilaian di premis, memberikan tumpuan terutamanya pada mutu kawalan dalaman, penyimpanan rekod serta pematuhan terhadap pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and counter financing of terrorism, AML/CFT). Secara keseluruhannya, Bank mendapati banyak penambahbaikan yang perlu dibuat dalam pengawasan, sistem dan kawalan pemegang lesen, yang menyebabkan arahan khusus dikeluarkan kepada banyak pemegang lesen untuk meningkatkan kawalan, terutamanya dari segi memastikan semua urus niaga dicatat

dengan lengkap dan tepat, pematuhan pada prosedur usaha wajar pelanggan dan peningkatan pengetahuan mengenai keperluan AML/CFT. Pada hujung tahun 2011, sejumlah 62 lesen pengurupan wang telah dibatalkan atas kegagalan yang lebih serius untuk mematuhi pelbagai keperluan di bawah undang-undang.

Bagi mengukuhkan lagi rejim AML/CFT Malaysia, usaha juga diteruskan untuk memupuk kerjasama yang lebih erat dalam kalangan rakan sejawat antarabangsa, terutamanya dalam perkongsian risikan kewangan dan bantuan dalam penyiasatan jenayah kewangan merentas sempadan

APPW yang dikuatkuasakan pada 1 Disember 2011 menyediakan rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan yang tunggal dan seragam untuk industri perniagaan perkhidmatan wang, yang terdiri daripada perniagaan pengurupan wang, kiriman wang dan perniagaan mata wang borong. Seiring dengan penyeliaan pemegang lesen yang lebih intensif, kejayaan pelaksanaan APPW juga akan memberikan tumpuan pada: (i) penjelasan terhadap peraturan yang sedia ada untuk memberikan panduan yang lebih jelas kepada industri tentang kehendak Bank mengenai langkah berkesan untuk mencegah jenayah kewangan; (ii) peningkatan tahap dan keberkesanan perbincangan dan interaksi dengan industri untuk menggalakkan kesedaran dan pemahaman yang lebih tinggi mengenai keperluan undang-undang dan pengawalseliaan; (iii) pengukuhan pengaturan industri, termasuk peranan persatuan industri, untuk melengkapkan usaha Bank bagi meningkatkan piawaian profesionalisme dalam industri; dan (iv) peningkatan mutu risikan Bank mengenai perkembangan yang meningkatkan pendedahan industri kepada jenayah kewangan. Bank telah mengukuhkan sumber dalamannya dan menubuhkan Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang yang khusus untuk memacu bidang keutamaan ini.

Pada peringkat kebangsaan, rejim AML/CFT terus diperkukuh menerusi pelaksanaan dan penguatkuasaan langkah AML/CFT yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, disokong oleh kerjasama antarabangsa yang lebih meluas. Bank mendapati amalan pematuhan bertambah baik dalam kalangan institusi kewangan, terutamanya lebih tumpuan oleh pihak pengurusan kanan institusi kewangan dalam menangani kekurangan pematuhan dan meningkatkan keupayaan terhadap pematuhan menerusi penambahbaikan dalam sistem teknologi maklumat dan komitmen yang lebih tinggi terhadap latihan. Perbincangan dan interaksi yang berterusan dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan dan institusi pelaporan, termasuk sesi berkongsi maklumat yang kerap serta aktiviti jangkauan yang lebih meluas oleh Bank, memainkan peranan penting dalam menjajarkan keutamaan dan memastikan bahawa pelaksanaan Rancangan Strategik Nasional mencerminkan perkembangan dalam sifat dan profil jenayah kewangan. Profil usaha yang berterusan pada peringkat kebangsaan untuk mencegah jenayah kewangan menerusi rejim AML/CFT yang kukuh telah ditingkatkan lagi apabila Persidangan Pegawai Pematuhan AML/CFT yang Keenam dianjurkan dengan jayanya.

Bagi mengukuhkan lagi rejim AML/CFT Malaysia, usaha juga diteruskan untuk memupuk kerjasama yang lebih erat dalam kalangan rakan sejawat antarabangsa, terutamanya dalam perkongsian risikan kewangan dan bantuan dalam penyiasatan jenayah kewangan merentas sempadan. Pada tahun 2011, Malaysia menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) dengan unit risikan kewangan Papua New Guinea dan Macau SAR Republik Rakyat China, menjadikan jumlah MoU yang telah ditandatangani sehingga kini sebanyak 34. Pengaturan sedemikian telah mempercepat penyiasatan kewangan dengan ketara dan meningkatkan mutu risikan yang diperoleh mengenai entiti yang diberikan perhatian di negara yang bekerjasama.

KEUPAYAAN DAN KERJASAMA PENYELIAAN

Memandangkan kumpulan kewangan domestik terus berkembang di luar negara serta kehadiran semakin meningkat institusi kewangan asing yang beroperasi di Malaysia, Bank memulakan dan menyokong secara aktif pendekatan yang lebih berstruktur dalam kerjasama dengan pihak berkuasa penyeliaan yang lain. Khususnya, Bank berusaha untuk memanfaatkan dengan lebih baik peranan forum penyeliaan dalam memaklumkan penilaian penyeliaan, menyelaras aktiviti penyeliaan serta pada umumnya menggalakkan rangka kerja penyeliaan yang lebih koheren untuk operasi institusi kewangan merentas sempadan. Pada tahun ini, Bank menjadi tuan rumah kepada mesyuarat sulung forum penyelia untuk kumpulan kewangan Malaysia yang aktif di peringkat serantau, yang melibatkan agensi penyelia di negara hos yang berkaitan. Dalam kapasitinya sebagai penyelia negara hos, Bank turut menyertai mesyuarat forum penyeliaan yang membabitkan institusi kewangan asing yang beroperasi di Malaysia. Perbincangan ini telah membolehkan Bank membentuk pandangan yang lebih menyeluruh mengenai kumpulan kewangan tersebut yang memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu yang diberikan perhatian oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap penyeliaan entiti dalam kumpulan dan bagaimana kumpulan itu sendiri melaksanakan pengawasan kumpulan dan menguruskan risiko di seluruh kumpulan. Pemahaman yang mendalam juga telah membolehkan Bank untuk mengesahkan penilaiannya tentang sejauh mana sokongan induk dan pemusatan fungsi utama menimbulkan risiko kepada institusi yang dikawal selia di Malaysia. Pada masa hadapan, Bank merancang untuk menganjurkan forum penyeliaan dengan lebih kerap, terutamanya untuk kumpulan kewangan Malaysia yang aktif pada peringkat antarabangsa, di samping memanfaatkan saluran dua hala yang sedia ada untuk berkongsi penilaian penyeliaan dan mengendalikan pemeriksaan bersama.

Di peringkat domestik, Bank terus meningkatkan kerjasamanya dengan pihak berkuasa pengawalan dalam negeri yang lain. Ini merangkumi penyelarasan akiviti penyeliaan dengan Suruhanjaya Sekuriti dalam penyeliaan bank pelaburan dan entiti yang diselia oleh Suruhanjaya yang merupakan sebahagian daripada kumpulan kewangan. Bank dan PIDM juga telah menyiapkan penilaian tentang Perjanjian Perikatan Strategik (Strategic Alliance Agreement, SAA) antara kedua-dua agensi untuk meningkatkan lagi pengaturan kerjasama yang sedia ada dan mencerminkan bidang kerjasama yang lebih luas berikutan enakmen Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011. SAA yang diperkemas akan, antara lain, membolehkan liputan dan kekerapan perkongsian maklumat yang lebih luas serta penyelarasan tindakan intervensi dan penyelesaian yang lebih baik berkaitan dengan institusi ahli selaras dengan peningkatan kuasa dan tanggungjawab yang diberikan kepada PIDM. Bank menjangkakan liputan dan keintensifan kerjasamanya dengan pihak berkuasa yang lain akan terus berkembang untuk memelihara sistem penyeliaan yang berkesan selagi ciri pengantaraan kewangan terus berkembang. Oleh itu, Bank memberikan keutamaan yang tinggi dalam membina dan mengekalkan hubungan yang berkesan dengan pihak berkuasa penyeliaan yang lain, dan akan terus menilai dan memastikan pengaturan kerjasama yang sedia ada relevan dan berkesan.

Pada masa hadapan, Bank merancang untuk menganjurkan forum penyeliaan degan lebih kerap, terutamanya untuk kumpulan kewangan Malaysia yang aktif pada peringkat antarabangsa, di samping memanfaatkan saluran dua hala yang sedia ada untuk berkongsi penilaian penyeliaan dan mengendalikan pemeriksaan bersama

Dengan tugas penyeliaan semakin kompleks pada peringkat keseluruhan sistem dan juga pada peringkat keinstitusian, Bank terus membuat pelaburan yang besar dalam usaha mengukuhkan keupayaan penyeliaannya.

Pada tahun ini, penambahbaikan selanjutnya telah dibuat kepada program latihan penyeliaan yang sedia ada untuk meningkatkan lagi kebolehan penyelia bagi mengenal pasti, menganalisis dan membuat pertimbangan yang wajar mengenai isu risiko. Ini telah menjadi semakin penting dalam persekitaran yang risiko boleh menjejaskan institusi dengan cara yang nyata berbeza dan pada kadar yang berlainan, bergantung pada interaksi faktor yang menjadi semakin kompleks. Tindak balas penyeliaan pula perlu disesuaikan sewajarnya supaya tindakan ini berkesan dalam menangani risiko utama yang dihadapi oleh sesebuah institusi. Program latihan Bank untuk penyelia telah meningkatkan tumpuan terhadap: (i) peningkatan pengetahuan penyelia yang lebih mendalam mengenai aktiviti perniagaan, risiko yang sedia ada serta amalan pengurusan risiko; (ii) penyampaian latihan dalam konteks yang lebih praktikal untuk mengasah kebolehan penyelia agar bertindak cepat dalam keadaan tertentu, termasuk menerusi penggunaan simulasi yang lebih banyak; dan (iii) memasukkan dalam isi kandungan latihan keseimbangan yang lebih baik antara perspektif penyeliaan dengan industri.

Program yang lebih luas bagi meningkatkan sumber, proses dan alat penyeliaan Bank juga sedang dilaksanakan untuk: (i) meningkatkan lagi keupayaan Bank bagi menjalani ujian tahanan; (ii) meningkatkan pengagihan sumber penyeliaan bagi membolehkan penggunaan secara optimum pengetahuan kepakaran yang terdapat dalam Bank; (iii) meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaporan penyeliaan menerusi peningkatan automasi dan sistem pengawasan yang lebih bersepadu; (iv) melaksanakan penambahbaikan rangka kerja dalam menentukan keutamaan dan penyeliaan isu amalan pengguna (lihat rencana `Pendekatan Penyeliaan Amalan Pasaran´); dan (v) mengukuhkan pengawasan aktiviti penguatkuasaan. Bank menjangka dapat menyiapkan kebanyakan daripada inisiatif ini pada tahun 2012.

Pendekatan Penyeliaan Terhadap Amalan Pasaran

Krisis kewangan global memperlihatkan bahawa isu amalan pasaran berpotensi mengakibatkan kerugian dalam skala yang besar kepada pengguna dan menyebabkan gangguan tersebar luas kepada institusi kewangan dan dalam pasaran, seperti yang terbukti dalam salah jual produk gadai janji di Amerika Syarikat. Sejak itu, pengawalseliaan kembali ditumpukan pada kepentingan mewujudkan pengaturan pengawasan yang berkesan bagi memastikan institusi kewangan mengendalikan perniagaan secara bertanggungjawab, di samping memperkasakan pengguna supaya membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Ini memerlukan suatu rangka kerja pengawalseliaan yang bersesuaian dan proses penyeliaan yang berwibawa yang setimpal dengan risiko yang mungkin dihadapi oleh pengguna akibat amalan perniagaan penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) yang kurang wajar.

Bank mengawal selia sejumlah 298 PPK yang menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan kepada pengguna runcit dalam sektor perbankan, insurans dan takaful. Dengan tawaran produk dan perkhidmatan yang sebegitu luas dan pengurusan risiko amalan pasaran yang menjadi semakin penting dalam persekitaran yang lebih kompetitif dan kompleks, Bank telah memperkukuh pendekatan penyeliaan amalan pasarannya pada tahun 2011 dengan tujuan untuk: (i) menambah baik pemberian keutamaan bagi isu amalan pasaran dan institusi, untuk perhatian penyeliaan; dan (ii) meningkatkan interaksi Bank dengan PPK, khususnya dengan pengurusan kanan dan lembaga pengarah institusi, tentang perkembangan dan isu amalan pasaran. Penambahbaikan ini termasuk prinsip bahawa: (i) lembaga pengarah dan pengurusan kanan PPK mesti memikul tanggungjawab utama bagi memastikan amalan yang saksama terhadap pengguna; dan (ii) pengguna juga mempunyai peranan penting dalam melindungi kepentingan mereka dengan menggunakan saluran sedia ada bagi mendapatkan maklumat dan bantuan penyelesaian serta berurusan secara lebih aktif dengan PPK dalam membuat keputusan kewangan mereka. Penambahbaikan ini akan membolehkan Bank memperuntukkan sumber penyeliaannya secara lebih optimum terhadap risiko amalan pasaran utama yang paling berpotensi menyebabkan kemudaratan secara meluas kepada pengguna atau hilang keyakinan terhadap sistem kewangan secara amnya dan juga terus menyokong intervensi Bank yang lebih bersifat masa hadapan dan mencegah.

Perubahan penting dalam pendekatan penyeliaan yang dipertingkat ini membabitkan perubahan dalam cara Bank mendapatkan dan menganalisis maklumat pengguna. Sumber maklumat telah diperluas dengan ketara, daripada sebahagian besarnya melalui aduan dan penyerahan maklumat produk kepada maklumat yang merangkumi maklum balas yang lebih kerap yang diperoleh secara langsung melalui interaksi Bank dengan pengguna, serta tinjauan daripada penilaian Bank terhadap aktiviti penting dan fungsi kawalan institusi yang diselia oleh Bank. Sebaliknya, sebarang kebimbangan ketara yang dikenal pasti melalui penilaian amalan pasaran yang dilaksanakan oleh Bank akan dijadikan input bagi penilaian kehematan Bank selagi input ini meningkatkan kemungkinan dedahan sesebuah institusi kepada kerugian kewangan disebabkan oleh tindakan undang-undang atau pengawalseliaan, kehilangan reputasi *goodwill*, atau tingkah laku PPK secara kolektif yang menyumbang kepada peningkatan risiko sistemik seperti yang dialami semasa krisis subprima. Bank juga akan memanfaatkan kehadirannya di seluruh negara untuk mengesan penunjuk awal amalan tidak sihat di kawasan tertentu sebelum ia tersebar ke kawasan lain di dalam negara. Di samping itu, Bank juga bercadang mengkaji semula skop dan bentuk aduan yang terdapat sekarang serta maklumat produk yang dilaporkan untuk menambah baik kualiti dan ketekalan (consistency) data yang dikumpul bagi tujuan analisis risikonya.

Bank akan menggunakan maklumat ini untuk mengenal pasti trend baharu dalam inovasi dan pengagihan produk yang mempunyai unsur risiko kepada pengguna, serta menyokong penilaian risiko merentas sektor dan seluruh industri sebagai asas penilaian tematik oleh Bank. Ini akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengguna. Bagi tujuan ini, pada tahun 2012, Bank akan mula mengkaji cara pengguna mengaitkan keputusan mereka dengan maklumat am atau khusus mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan,

serta faktor yang menggalakkan atau menghalang keupayaan pengguna bertukar-tukar PPK. Bank juga akan mula mengumpul maklumat yang lebih terperinci bagi memahami cara interaksi antara tindakan kolektif PPK dengan kecenderungan tingkah laku pengguna yang akan meningkatkan risiko sistemik.

Pemantapan analisis mengenai risiko amalan pasaran oleh Bank akan memacu beberapa perubahan penting lain dalam pendekatan penyeliaannya. Kerja penilaian tematik, yang menyasarkan produk, perkhidmatan dan amalan tertentu yang dikenal pasti melalui analisis risiko oleh Bank, akan memainkan peranan yang lebih penting dalam pendekatan Bank. Pendekatan ini memberikan keupayaan untuk menangani secara lebih komprehensif risiko amalan pasaran yang dikenal pasti merentas industri, mengesan bahagian yang perlu diberikan perhatian oleh Bank, dan akan memberikan impak yang lebih besar yang dicapai melalui intervensi yang lebih disasarkan dan diselaraskan yang digunakan secara konsisten di seluruh PPK.

Penilaian tematik Bank akan dilengkapi dengan kajian semula yang dijalankan pada masa ini terhadap prosedur amalan pasaran yang dilaksanakan institusi kewangan individu. Walau bagaimanapun, ini akan dilaksanakan berdasarkan suatu proses yang lebih baik untuk mengenal pasti institusi yang akan tertakluk kepada pemantauan secara individu dan yang akan diberikan perhatian penyeliaan yang lebih ketara. Bank menjangka dapat menyiapkan penilaian asas bagi institusi perbankan, syarikat insurans dan pengendali takaful yang paling aktif dalam pasaran runcit, berdasarkan pertimbangan dari segi saiz, profil pasaran sasaran, kompleksiti produk dan saluran pengagihan menjelang pertengahan tahun 2013. Usaha ini sudah pun bermula dan berdasarkan rangka kerja yang lebih berstruktur untuk menilai sebaik mana sesebuah PPK mengawal risiko amalannya. PPK akan dinilai berbanding dengan jangkaan amalan yang saksama dan bertanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam pelbagai garis panduan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank merentas tujuh bidang utama: (i) pembangunan produk dan tadbir urus; (ii) ketelusan dan penzahiran maklumat; (iii) amalan jualan dan pemasaran; (iv) sokongan selepas jualan; (v) perlindungan data peribadi; (vi) pengurusan dan kawalan terhadap penyedia perkhidmatan pihak ketiga; dan (vii) saluran khidmat nasihat dan bantuan penyelesaian. Penilaian asas akan mendorong keintensifan aktiviti penyeliaan Bank terhadap institusi individu berkenaan. Bank akan meneruskan penilaian bagi semua institusi yang dikenal pasti untuk pemantauan individu bagi mengesan perkembangan yang mungkin mengubah penilaian asas dan seterusnya paras keintensifan penyeliaan yang dikenakan terhadap mereka.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tahap perbincangan dan interaksi yang lebih tinggi dengan PPK merupakan suatu aspek penting dalam pendekatan penyeliaan yang dipertingkat oleh Bank. Pelaksanaan rangka kerja untuk penilaian penyeliaan yang lebih konsisten dalam bidang amalan pasaran akan membolehkan Bank untuk berinteraksi dengan PPK dengan lebih konstruktif mengenai isu amalan pasarannya. Penilaian ini bertujuan untuk membolehkan lembaga pengarah dan pengurusan kanan memberikan lebih fokus terhadap peranan penting mereka dalam memajukan budaya berurusan secara beretika dan bertanggungjawab dalam mengendalikan perniagaan mereka di seluruh institusi. Hal ini termasuk peranan mereka dalam menetapkan dasar imbuhan dan memastikan isu amalan diberikan perhatian sewajarnya dalam aktiviti operasi dan pengurusan risiko oleh institusi. Lembaga pengarah dan pengurusan kanan akan memikul tanggungjawab yang lebih besar bagi kegagalan kendalian. Interaksi Bank dengan PPK akan terus diselaraskan dengan rapi dalam keseluruhan fungsi penyeliaan Bank untuk mengurangkan beban pertindanan terhadap PPK. Ini juga akan menggalakkan fokus pada interaksi yang semakin meningkat antara pengurusan risiko kewangan dengan risiko amalan pasaran.

2017

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

99 Menggalakkan Kelancaran Operasi Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

103 Trend Pembayaran

105 Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran yang Cekap dan Berkesan

107 Mendorong E-Pembayaran dalam Sektor Keutamaan

109 Memodenkan RENTAS untuk Menyokong Integrasi Kewangan yang Kian Kukuh dengan Rantau Ini

109 Memperluas Kerjasama Serantau dalam Pembangunan Infrastruktur Pembayaran

110 Membina Infrastruktur E-Pembayaran Bersepadu

110 Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2011, sistem pembayaran dan penyelesaian terus menyokong pertumbuhan sektor perbankan serta sistem ekonomi dan kewangan yang lebih luas. Di samping menggalakkan kelancaran operasi sistem pembayaran dan penyelesaian serta mengukuhkan usaha pengurangan risiko berkaitan, usaha Bank juga menjurus ke arah memupuk perkhidmatan pembayaran yang cekap dan berkesan untuk menyokong transformasi Malaysia ke arah mencapai status ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Usaha ini termasuk inisiatif khusus untuk mewujudkan satu ekosistem pembayaran bersepadu yang akan mempercepat perpindahan negara kepada sistem pembayaran secara elektronik (e-pembayaran), sekali gus menghasilkan kecekapan ekonomi yang lebih tinggi. Tahun ini juga menyaksikan peluasan kerjasama serantau dalam membangunkan infrastruktur pasaran untuk instrumen pembayaran dan kewangan serta integrasi kewangan yang lebih meluas dengan ekonomi serantau dan antarabangsa disokong oleh sistem pembayaran dan penyelesaian yang berdaya tahan dan teguh.

Di samping menggalakkan kelancaran operasi sistem pembayaran dan penyelesaian serta mengukuhkan usaha pengurangan risiko berkaitan, usaha Bank juga menjurus ke arah memupuk perkhidmatan pembayaran yang cekap dan berkesan untuk menyokong transformasi Malaysia ke arah mencapai status ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi

MENGGALAKKAN KELANCARAN OPERASI SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Pengawasan Bank ke atas sistem pembayaran di Malaysia bertujuan menjamin kebolehpercayaan berterusan terhadap sistem pembayaran utama dan menggalakkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap sistem dan instrumen pembayaran runcit. Fokus utama pengawasan Bank menjurus kepada sistem penjelasan dan penyelesaian antara bank yang utama serta instrumen pembayaran yang digunakan secara meluas seperti disenaraikan dalam Jadual 4.1. Sistem ini menyokong urus niaga pembayaran berjumlah RM49.5 trilion pada tahun 2011 yang bersamaan dengan 58 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia. Objektif pengawasan Bank adalah untuk: (i) mengurangkan risiko sistemik yang boleh timbul akibat gangguan operasi sistem pembayaran, termasuk melalui penerapan piawaian berhemat dan operasi yang sesuai untuk sistem pembayaran utama; (ii) menggalakkan

Jadual 4.1

Sistem dan Instrumen Pembayaran Utama di Malaysia pada Tahun 2011

Sistem/Instrumen	Bilangan (juta)	Nilai (RM bilion)
RENTAS[1]	3.4	47,175.6
Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan secara Elektronik (eSPICK)	204.9	1,979.9
Sistem GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG), Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX) dan Debit Terus	61.8	171.6
Rangkaian Perkongsian ATM (Shared ATM Network, SAN)	215.4	69.7
Kad Debit dan Kad Kredit	342.1	95.1
Kad Prabayar Touch 'n Go	796.8	2.3

[1] Terdiri daripada Sistem Pemindahan Dana Antara Bank (Interbank Funds Transfer System, IFTS) dan Sistem Depositari Sekuriti Tanpa Skrip (Scripless Securities Depository System, SSDS).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4.1

Purata Harian Urus Niaga RENTAS Mengikut Nilai dan Bilangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

sistem pembayaran yang cekap; dan (iii) memberikan perlindungan yang mencukupi bagi pengguna sistem dan instrumen pembayaran.

Sepanjang tahun ini, RENTAS mencapai 100% ketersediaan sistem dengan pengurangan ketara dalam permintaan untuk melanjutkan waktu operasi

RENTAS

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) adalah sistem penyelesaian kasar masa nyata yang direka terutamanya untuk pemindahan dan penyelesaian pembayaran bernilai tinggi antara bank dan urus niaga sekuriti. Pada tahun 2011, nilai urus niaga yang diselesaikan melalui RENTAS terus meningkat kepada 55.3 kali KDNK Malaysia (2010: 51.5 kali), dengan pusing ganti purata harian yang lebih tinggi berikutan peningkatan pelaburan langsung asing dan aliran modal portfolio yang lebih tinggi (Rajah 4.1). Pembayaran pihak ketiga dalam RENTAS oleh individu dan syarikat juga adalah lebih tinggi sebanyak 33% lanjutan usaha menggalakkan penggunaan e-pembayaran diperhebat lagi. Walaupun pembayaran pihak ketiga hanya mencakupi 22% daripada jumlah nilai penyelesaian dalam sistem, bahagian bilangan urus niaga telah meningkat secara progresif daripada 55% pada tahun 2007 kepada 69% pada tahun 2011.

Rajah 4.2

Penggunaan Kredit Intrahari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengawasan terhadap RENTAS

RENTAS dikendalikan oleh syarikat subsidiari milik penuh Bank, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear), selaras dengan kehendak penyeliaan dan piawaian tahap perkhidmatan yang ditetapkan oleh Bank. Piawaian ini termasuk menyediakan satu rangka kerja pengurusan dan kawalan risiko yang berkesan yang menyokong operasi RENTAS tanpa gangguan. Sepanjang tahun ini, RENTAS mencapai 100% ketersediaan sistem. Pengurangan ketara turut diperhatikan dalam permintaan untuk melanjutkan waktu operasi oleh peserta daripada 29 kejadian pada tahun 2010 kepada hanya lima kejadian pada tahun 2011. Pengurangan ini mencerminkan penambahbaikan dalam kecekapan pasaran dan pengurusan mudah tunai oleh peserta, yang apabila digabungkan dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem, membolehkan peserta menyelesaikan pembayaran mereka lebih awal. Oleh itu, bahagian kredit intrahari bercagar yang diberi kepada peserta untuk memenuhi kekurangan mudah tunai sementara harian menurun daripada 11.9% pada tahun 2010 kepada 10.6% daripada jumlah nilai penyelesaian (Rajah 4.2).

Bagi menggalakkan infrastruktur yang kukuh dan cekap untuk sistem pembayaran dan penyelesaian, Bank menghendaki MyClear memastikan RENTAS mematuhi amalan terbaik antarabangsa seperti yang digariskan dalam Prinsip-prinsip Teras bagi Sistem-sistem Pembayaran Yang

Penting Dari Segi Sistemik (Core Principles for Systemically Important Payment Systems, CPSIPS) yang dikeluarkan oleh, Jawatankuasa Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (Committee on Payment and Settlement Systems, CPSS) Bank for International Settlements dan Cadangan bagi Sistem Penyelesaian Sekuriti (Recommendations for Securities Settlement Systems, RSSS) yang dikeluarkan secara bersama oleh CPSS dan Jawatankuasa Teknikal Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (Technical Committee of the International Organisation of Securities Commission, CPSS-IOSCO). Penilaian kendiri bagi menilai operasi RENTAS terhadap CPSIPS dan RSSS dilaksanakan oleh MyClear secara tetap. Pada tahun 2011, MyClear mengambil langkah memperkukuh lagi pematuhan tiga Prinsip Teras yang berkaitan dengan risiko operasi (Prinsip Teras VII), kecekapan (Prinsip Teras VIII) dan kriteria akses (Prinsip Teras IX). Tindakan ini melibatkan kajian semula peraturan penyertaan, prosedur operasi dan rangka kerja pengurusan risiko RENTAS yang menghasilkan syarat yang lebih ketat untuk pelanjutan waktu operasi, kriteria akses yang lebih telus, penerapan piawaian yang lebih tinggi berkaitan waktu henti sistem dan tempoh pemulihan bagi kesinambungan perniagaan serta liputan yang lebih komprehensif ke atas ujian pemulihan bencana. Dengan langkah ini, RENTAS kini mematuhi sepenuhnya atau sebahagian besar daripada semua prinsip teras dan saranan yang berkaitan (Jadual 4.2).

Jadual 4.2

Penilaian terhadap RENTAS berbanding dengan CPSIPS dan RSSS

	10 Prinsip Teras bagi Sistem Pembayaran yang Penting dari segi Sistemik	19 Saranan untuk Sistem Penyelesaian Sekuriti
Patuh	6	15
Patuh secara umum	3	2
Tidak berkenaan	1	2

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pengawasan Bank menjurus ke arah memastikan pengendali sistem pembayaran dan pengeluar instrumen pembayaran runcit beroperasi secara selamat dan diyakini dan pada masa yang sama melindungi kepentingan pengguna

Pengawasan terhadap pembayaran runcit

Aktiviti pengawasan Bank juga meliputi keselamatan dan kecekapan sistem dan instrumen pembayaran runcit utama untuk mengekalkan keyakinan orang ramai dalam penggunaan sistem dan instrumen tersebut. Walaupun urus niaga pembayaran yang menggunakan sistem dan instrumen pembayaran ini adalah lebih rendah nilainya secara relatif, bilangan yang terlibat adalah besar dan mencakupi 87.4% pembayaran bukan tunai pada tahun 2011. Dalam melaksanakan tanggungjawab pengawasannya terhadap sistem pembayaran runcit, sumber Bank ditumpukan kepada sistem pembayaran, instrumen pembayaran dan infrastruktur pasaran yang kegagalan atau gangguan operasinya boleh menyebabkan kesulitan orang ramai secara meluas. Jika dibiarkan berterusan, keadaan itu boleh menjejaskan keyakinan terhadap sistem. Pengendali sistem pembayaran dan pengeluar instrumen pembayaran runcit utama dikehendaki untuk mematuhi peraturan dan syarat operasi termasuk keperluan modal minimum, tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang kukuh, ketelusan yang mencukupi termasuk penzahiran terhadap fi dan bayaran, langkah pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and counter financing of terrorism, AML/CFT) yang efektif serta prosedur operasi yang cekap.

Keselamatan pembayaran runcit

Walaupun kemajuan teknologi terus mengubah landskap pembayaran dan membawa penambahbaikan ketara dalam kecekapan operasi dan semakin memudahkan pengguna, yang penting ialah pencegahan penyalahgunaan teknologi untuk menipu pengguna. Secara keseluruhannya, kerugian disebabkan oleh penipuan kekal kecil sahaja, mencakupi hanya sebanyak 0.001% daripada jumlah nilai urus niaga pembayaran runcit pada tahun 2011, iaitu trend sejak tahun 2006 berikutan perpindahan seluruh industri kepada kad Mesin Teler Automatik (Automated Teller Machine, ATM) berasaskan cip dan piawaian kad kredit Europay-MasterCard-Visa.

Bank terus memantau tanda-tanda trend penipuan yang muncul dan mengekalkan kerjasama dengan agensi penguatkuasa, industri pembayaran dan persatuan pengguna untuk menghindarkan kejadian penipuan yang melibatkan sistem pembayaran runcit. Usaha ini menyumbang kepada penambahbaikan berterusan amalan perniagaan untuk lebih melindungi pengguna daripada kaedah baharu penipuan, sementara program pendidikan pengguna yang berterusan membantu meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap langkah-langkah pencegahan penipuan.

